

"KITA tidak boleh selamanya berada di takuk lama. Kita mesti meneroka jalan-jalan baru, khasnya di bidang-bidang pekerjaan. Lagi banyak taburan pekerjaan dapat diceburi lagi baik, menandakan kita bangsa kreatif. Hanya bangsa yang kreatif sahajalah yang layak mewarisi tamadun dan kemajuan." - Titah Perutusan Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2006 pada hari Ahad 31 Disember 2006.



"WAHA! sekali manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan: Kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 168.

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI DITUBUHKAN

Oleh :
Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Januari.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan penubuhan universiti kedua di negara ini.

"Universiti tersebut akan dikenali sebagai Universiti Islam Sultan Sharif Ali," titah baginda sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2007 yang disiarkan seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei di sini.

Baginda bertitah, sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun, negara kita tidak mengabaikan pembangunan insan dalam erti yang seluas-luasnya di mana wadah pembangunan tersebut ialah bidang pendidikan.

Bidang ini jelas baginda, akan terus dipupuk dan disuburkembangkan dan ia mesti unggul dan

INTISARI TITAH

- * Matlamat kerajaan melihat rakyat bahagia, sejahtera
- * Suasana harmoni, penuh perpaduan mudah meningkatkan taraf hidup rakyat
- * Strategi pembangunan menyeimbangkan fizikal dan rohani
- * Pembangunan bertali-rantai untuk manfaat anak-anak cucu kita
- * Perkhidmatan Awam selaku penggerak pembangunan perlu menilai prestasi
- * Wujudkan suasana mesra pelanggan
- * Jadikan 2007 wadah tingkat perkhidmatan kepada orang ramai
- * Swasta perlu berani merentas sempadan, meneroka peluang pasaran lebih luas dan besar
- * Urus niaga memaksa kita lebih terbuka dan berani
- * Brunei berpegang proses dialog selesaikan masalah dan isu dunia
- * Pembangunan insan terus dipupuk dan disuburkembangkan
- * Penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali berperanan lahirkan ulama dan cendekiawan berwibawa



Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah dalam Perutusan Sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1427 Hijrah bersamaan 2006 Masihi dan Titah Tahun Baru Masihi 2007 yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 2, 8, 9 dan 16).

tegak selari dengan aspirasi bangsa.

Universiti tersebut titah baginda, dihasratkan akan menjadi mercu kegemila-

ngan Islam di negara ini dan ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara.

"Adapun pengambilan pertama pelajar universiti ini, insya-Allah akan dibuat pada bulan Ogos, 2007 ini," titah baginda.

Pendidikan agama tangkis virus ajaran sesat

Oleh : Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Disember.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan supaya setiap pintu di negara ini dikawal dan diamat-amati agar setiap virus yang berbahaya tidak dapat menerobos masuk ke negara ini.

Baginda juga penuh berharap agar negara ini akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat. Bagi tujuan tersebut, baginda menyarankan agar usaha-usaha perlu dilakukan.

Titah baginda, usaha yang paling efektif ke arah menangkis ajaran sesat ialah melalui pendidikan. Terutama pendidikan awal mesti jelas. Dalam hal ini subjek agama dalam pendidikan tidak boleh diabaikan, tegas baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 1427 Hijrah /2006 Masihi yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Di samping itu usaha-usaha juga boleh dilakukan melalui penyebaran dakwah, khutbah, ceramah dan tulisan, tegas baginda.

Bagi tujuan tersebut baginda menyarankan agar diperkemaskan semua usaha-usaha tersebut untuk memberikan kefahaman beragama sebaik mungkin.

"Insya Allah, dengan usaha-usaha berterusan seperti itu, akan dapat menyelamatkan kita dan negara daripada sebarang 'anasir aqidah' yang tidak diingini," titah baginda.

Titah baginda, aqidah sering dikaitkan dengan ajaran yang diamalkan. Jika ajaran betul, maka dikatakan ajarannya betul. Sebaliknya jika salah, maka aqidahnya juga dianggap salah dan menyimpang. Dengan demikian timbul istilah popular 'ajaran sesat'.

Dalam hal ini, baginda amat bersyukur, kerana negara ini tidak menampakkan tanda-tanda adanya virus ajaran sesat. Jika ini benar, maka bermakna ia adalah satu kelebihan kepada kita, titah baginda.

Walau bagaimanapun, tidak bererti kita tidak perlu berwaspada. Kerana virus ajaran sesat mudah hidup dan berkembang, jelas baginda.

Baginda beritah melahirkan rasa bimbang berikutan dengan berita tentang satu ajaran yang telah diharamkan, tetapi sedang dicuba untuk dihidupkan semula.

Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha, baginda juga merafakkan doa semoga jemaah haji dari

INTISARI TITAH

- * Utamakan jiwa kita sentiasa jinak kepada Islam
- * Waspada terhadap ajaran sesat
- * Pintu terhadap Brunei perlu dikawal dan diamat-amati
- * Terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat
- * Perkemas kefahaman beragama melalui penyebaran dakwah, khutbah, ceramah dan tulisan

negara ini yang sedang menjalani kemuncak ibadat mereka, akan sentiasa mendapat pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat 'afiat dan beroleh haji yang mabrur.

Sementara kepada semua rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini, baginda dan keluarga juga tidak lupa mengucapkan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha. Semoga kita semua mendapat perlindungan Allah, dikekalkan di dalam iman, beroleh kesejahteraan dan kemakmuran yang diredai oleh Allah, titah baginda.

"Tidak ada yang lebih selamat dari berada di bawah inayah Allah dan tidak ada yang lebih nyaman serta sejuk dari rahmat Allah Ta'ala," titah baginda.

ANTARA KANDUNGAN

Hasrat Negara :

Jiwa perlu jinak pada Islam

- Muka 2

Wang kertas Polimer S\$00 dan S\$10 ribu ringgit dikeluarkan

- Muka 3

Rencana:

Perancangan Strategik KHEDN 2005 -2025 :

Hala tuju yang cemerlang

- Muka 4 & 5

Warga emas diraikan

- Muka 6

Pemenang Peraduan Melukis Logo ASEAN terima hadiah

- Muka 7

Berkenan berangkat tunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha dan menyempurnakan ibadat korban

- Muka 8 & 9

Persiapan Kempen 'Kenali Negara Kita' sedang dilaksanakan

- Muka 13

Seruan Suci:

Setiap masyarakat bertanggungjawab menjaga keselamatan dan perpaduan

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

BERIKUTAN kejadian gempa bumi dan gelombang besar tsunami di Lautan Hindi pada 26 Disember 2004, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah diperkenankan untuk menghantar misi bantuan kemanusiaan dikenali sebagai 'Inisiatif YSHHB Membantu Mangsa Gempa Bumi dan Tsunami Di Aceh' dengan kerjasama kementerian-kementerian kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pasukan beruniform. Inisiatif YSHHB dilaksanakan dalam dua fasa, fasa pertama ialah penghantaran bantuan pasukan pembantu dan pembahagian makanan, pakaian dan perubatan, manakala fasa kedua ialah pelaksanaan bantuan fizikal iaitu bantuan membaiki dan membangun semula kemudahan-kemudahan awam iaitu masjid, perumahan, kompleks rumah anak yatim, kompleks pasentren dan pusat kesihatan masyarakat. - Sumber dari YSHHB.



3 JANUARI 2007 BERSAMAAN 1427 13 ذوالحجّة

MEREALISASIKAN IMPIAN MENDEPANI CABARAN 2007

ALHAMDULILLAH syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya dan kurnia-Nya dapat kita menyambut dan membuka tirai 2007 dalam suasana yang selamat. Ini bermakna kita telah meninggalkan tahun 2006 dengan 1001 macam peristiwa. Apa pun alasan, sesungguhnya, 2006 mencatatkan banyak kejayaan gemilang bagi Negara Brunei Darussalam. Perincian kejayaan dalam masa 12 bulan lalu tidaklah perlu dibuktikan satu persatu memadailah setiap individu menilainya.

Bagi kesinambungan kejayaan meniti tahun ini yang baru dilalui tiga hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2007 telah menggariskan beberapa intipati strategi, cabaran dan impian untuk digapai dan direalisasikan.

Dalam misi nasional, adalah menjadi matlamat kerajaan baginda untuk melihat rakyat terus berbahagia dan sejahtera. Meningkatkan taraf hidup rakyat melalui usaha-usaha rangkaian pembangunan adalah menjadi agenda utama kerajaan.

Kesemua impian murni ini hanya akan terlaksana dengan wujudnya Perkhidmatan Awam (PA) yang berkualiti dan berwibawa sebagai jentera utama penggerak pembangunan negara. PA juga dituntut bukan sahaja setakat memberikan perkhidmatan tetapi juga bertindak sebagai pemudah cara pembangunan negara.

Ke arah misi itu, tahun 2007 perlu dijadikan wadah untuk meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dengan sentiasa mengamalkan slogan 'mesra pelanggan'.

Isu memajukan ekonomi negara juga termasuk dalam strategi kerajaan. Bagi tujuan murni itu, pihak swasta disaran agar lebih berani merentasi sempadan dan meneroka peluang-peluang pasaran yang lebih besar dan luas. Dalam ekonomi global, warga swasta juga dituntut agar lebih dinamik dan berdaya saing.

Ini juga menuntut agar swasta yang menjadi rakan kongsi kerajaan berani bersaing dengan syarikat-syarikat 'giant' dalam bidang pelaburan, perdagangan dan perniagaan bersifat 'viable'.

Masanya juga telah tiba bagi warga korporat mengintai pasaran luar yang lebih kompetitif dan bukan hanya pasaran konvensional di dalam negara.

"Mahu tidak mahu, perkembangan dunia urus niaga sekarang adalah memaksa kita untuk lebih terbuka dan berani," titah baginda.

Jalan untuk meneroka pasaran baru global telah dirintis sendiri oleh baginda melalui pelbagai hubungan dua hala yang telah dimeterai dengan beberapa buah negara sejak kebelakangan ini. Maka terpujilah kepada para pengusaha, ahli perniagaan dan ahli korporat untuk menterjemahkan dan 'mencuri' peluang yang terhidang luas.

Pendidikan adalah merupakan model yang berharga yang juga menjadi keutamaan dalam strategi pembangunan negara. Dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara, sektor ini mendapat peruntukan yang besar bagi melahirkan warga Brunei yang berpendidikan tinggi sebagai penerus kesinambungan kemajuan di masa mendatang.

Tahun 2007 akan dikenang sebagai kemuncak pendidikan negara bila mana sebuah lagi universiti kedua yang diberi nama Universiti Islam Sultan Sharif Ali ditubuhkan. Pengambilan pertama pelajar untuk mengikuti pengajian di universiti itu akan dilakukan pada Ogos 2007.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengumumkan mengenai penubuhan universiti itu antara lain menegaskan: "Universiti ini kita hasratkan akan menjadi mercu kegemilangan Islam di negara kita dan insya-Allah, ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara."

Penubuhan universiti kedua telah baginda uar-uarkan semasa Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam sesi 2005 dan 2006. Kejayaan menubuhkan universiti Islam, sudah pasti akan menjulang nama negara di mata dunia antarabangsa khususnya dalam menara gading.

Hala tuju 2007 telah dirantang dalam titah baginda dengan jelas dan terperinci. Tinggal lagi, kita selaku rakyat dan penduduk menjunjung, mengurus dan mengamalkannya.

Bukan lagi masanya untuk kita bermimpi di siang hari dan dibuat mimpi-mimpi indah, tetapi mendepani cabaran 2007 dengan kerja keras, lutan, lebih iltizam, produktif dan inovatif dalam setiap gerak kerja. Gagal melaksanakan bererti kita akan jauh tertinggal dan ditinggalkan oleh bangsa-bangsa lain dalam mengejar kemajuan.

Marilah kita sama-sama bertekad membina negara dengan bekerja secara tekun, bersungguh, komited dan ikhlas demi masa hadapan Negara Brunei Darussalam yang lebih cemerlang dan gemilang. Mudah-mudahan momentum tahun 2007 akan terus membawa nikmat dan kebahagiaan kepada kita semua. Amin.

HASRAT NEGARA

JIWA PERLU JINAK KEPADA ISLAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbi 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuridunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'ala Aalihiye Wasahbihiye Ajma'e'en, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Kita sepatutnya membanyakkan syukur kerana menjadi orang Islam.

Di dalam Islam, banyak hari dan peristiwa yang kita peringati. Hari-hari dan peristiwa-peristiwa tersebut masing-masing dengan nama dan munasabahnyanya yang tersendiri, seperti Hari Raya 'Idil Adha, Tahun Hijrah, Peristiwa Isra' dan Me'raj dan lain-lain.

Semua hari dan peristiwa itu pula rata-rata mengandungi nilai pengajaran dan tarbiah. Sasarannya yang utama, supaya jiwa kita sentiasa jinak kepada Islam, atau dengan kata lain, supaya kita kuat berpegang kepada 'aqidah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Menyebut tentang 'aqidah, ia sering dikaitkan dengan ajaran yang diamalkan. Jika ajaran itu betul, maka dikatakan 'aqidahnya betul. Sebaliknya jika salah, maka 'aqidahnya

juga dianggap salah dan menyimpang.

Lalu dari sinilah timbulnya istilah popular: 'Ajaran Sesat'.

Beta amat bersyukur, kerana negara kita tidak menampakkan tanda-tanda adanya virus ajaran sesat. Jika ini benar, maka bermakna ia adalah satu kelebihan kepada kita.

Namun begitu, ini tidak bererti kita tidak perlu berwaspada. Kerana virus ajaran sesat itu mudah hidup dan berkembang.

Di akhir-akhir ini, kita

telah turut membaca dan mendengar tentang satu ajaran yang telah diharamkan, tetapi sedang dicuba untuk dihidupkan semula.

Oleh itu beta ingin mengingatkan, supaya setiap pintu kita dikawal dan diamat-amati, sehingga virus yang merbahaya ini tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara kita.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Beta berharap negara kita akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat.

OLEH itu beta ingin mengingatkan, supaya setiap pintu kita dikawal dan diamat-amati, sehingga virus yang merbahaya ini tidak dapat menerobos masuk ke dalam negara kita.



TITAH perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya 'Idil Adha Tahun 1427 Hijrah/2006 Masihi, pada 31 Disember 2006 di Istana Nurul Iman.

Dan untuk itu, tentu saja kita memerlukan usaha.

Di antara usaha paling efektif ke arah ini ialah, melalui pendidikan. Terutama pendidikan awal mesti jelas, bahawa subjek agama tidak akan diabaikan.

Usaha-usaha lain termasuklah penyebaran da'wah, khutbah, ceramah dan tulisan. Kita perkemas semua ini untuk memberikan kefahaman beragama sebaik mungkin.

Insya-Allah, dengan usaha-usaha berterusan seperti itu, akan dapat menyelamatkan kita dan negara daripada sebarang anasir 'aqidah' yang tidak diinginkan.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Bersukut dengan hari berkat lagi agung, 'Idil Adha ini, beta turut merafa'kan doa, semoga para jemaah haji kita khususnya,

yang sedang menjalani kemuncak ibadat mereka, akan sentiasa mendapat pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat 'afiat dan beroleh haji yang mabrur.

Kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam pula, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Hari Raya 'Idil Adha, semoga kita semua mendapat perlindungan Allah, dikekalkan di dalam iman, beroleh kesejahteraan dan kemakmuran yang diredai oleh Allah.

Tidak ada yang lebih selamat dari berada dibawah 'inayah Allah dan tidak ada yang lebih nyaman serta sejuk dari rahmat Allah Ta'ala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalaamu 'alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

PA pemudah cara pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Januari. - Pihak Perkhidmatan Awam perlu menilai prestasinya selaku jentera penggerak pembangunan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu ketika bertitah sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2007 yang disiarkan

Oleh : Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

kan seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei di sini.

Baginda menegaskan, peranannya bukan setakat menyediakan perkhidmatan tetapi juga selaku pemudah cara pembangunan negara.

"Kerana itu Beta sering mengingatkan, supaya Perkhidmatan Awam akan sentiasa mesra pelanggan, terutama sekali untuk membolehkan pihak swasta me-

ainkan peranan lebih aktif di dalam memajukan ekonomi negara.

Maka ke arah ini, baginda berharap supaya tahun 2007 akan jadi wadah meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Terdahulu sebelum itu, baginda juga menjelaskan, matlamat kerajaan untuk melihat rakyat berbahagia dan sejahtera hanya akan dapat dicapai apabila ne-

gara itu berkeadaan mantap dan aman.

"Usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat juga lebih mudah dapat dilakukan di dalam suasana harmoni dan penuh perpaduan," titah baginda.

Baginda menjelaskan, usaha-usaha pembangunan negara akan terus ditingkatkan sebagaimana yang dirancang.

"Strategi pembangunan kita ialah keseimbangan di

antara fizikal dan rohani. Kedua-duanya mestilah selari untuk kebaikan," titah baginda.

Pembangunan yang sembang itu titah baginda, tidak akan menghampakan siapa-siapa dan kita mahu melihat hasil titik peluh kita dapat dimanfaatkan kepada anak cucu kerana merekalah yang akan meneruskan pembangunan sehingga bertali rantai dan bakal pewaris serta penerus kebangsaan.

Wang kertas polimer \$500 dan \$10,000 dikeluarkan

Oleh : Zahrani Haji Bojeng,
Maslina Awang Kurus

JALAN KEBANGSAAN, Rabu, 27 Disember.- Lembaga Matawang dan Monetari Brunei mengeluarkan wang kertas baru jenis polimer masing-masing bernilai \$500.00 dan \$10,000.00 mulai 28 Disember 2006 ini.

Wang-wang kertas baru jenis polimer yang diedarkan seiring dengan wang-wang kertas yang ada sekarang, kesemuanya adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan di mana-mana negara yang menerimanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Matawang dan Monetari Brunei, Awang Haji Mohd. Rosli bin Haji Sabtu menyatakan perkara tersebut semasa Sidang Media di Lembaga Matawang dan Monetari Brunei di sini.

Menurut Awang Haji Mohd. Rosli pengeluaran

wang-wang kertas jenis polimer baru ini adalah juga sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-60.

Beliau menjelaskan, pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Lembaga Matawang dan Monetari Brunei mengeluarkan wang kertas jenis polimer bernilai \$500.00 memamerkan wajah potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Menurutnya, wang-wang kertas jenis polimer baru itu mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti motif tempatan memben-
tuk jendela lut sinar yang



KETUA Pegawai Eksekutif Lembaga Matawang dan Monetari Brunei, Awang Haji Mohd. Rosli bin Haji Sabtu menunjukkan wang kertas baru jenis polimer bernilai \$10,000.00. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.



WANG kertas baru jenis polimer bernilai \$500.00 dan \$10,000.00 yang dikeluarkan oleh Lembaga Matawang dan Monetari Brunei. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

kompleks, inisial HB 500 dan 10,000 dapat dilihat apabila ditayangkan kepada cahaya melalui jendela lut sinar kecil (DOE), panji-panji Negara Brunei Darussalam dicetak dengan warna merah yang terang di atas bentuk berwarna emas serta nombor-nombor siri dicetak secara menegak dan melintang dengan saiz fon yang

berbeza.

Selain dari itu, reka bentuknya juga terbentuk dengan gabungan percetakan di kedua-dua muka

wang kertas apabila ditayangkan kepada cahaya, bayangan wajah potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan inisial 'HB' akan

timbul apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya, ciri-ciri optikal G-Switch yang bertukar warna jika ditayangkan

kepada cahaya dengan pelbagai sudut akan menayangkan dua jenis warna yang berbeza, menimbulkan kesan bersinar optikal.

Dialog kawal sedia dan perlesenan

BERAKAS, Rabu, 27 Disember. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Informatik, Negara Brunei Darussalam (AiTi) hari ini mengadakan satu sesi dialog kawal sedia dan perlesenan mengenai dengan VoIP kepada pengusaha industri berkenaan di negara ini.

Sebelum acara dialog bermula, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Eksekutif AiTi, Abdul Mutalib bin Yusof yang antara lain berkata internet dan internet protokol (IP) yang lain adalah asas kehadiran peluang-peluang baru bagi rangkaian kerja terhadap perminatan penyampaian multimedia yang inovatif dan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi.

Walaupun bagaimanapun jelasnya, tahun-tahun yang lalu orang awam atau perkhidmatan perdagangan suara latar VoIP telah menjadi satu cabaran yang besar terhadap kedua-dua perkhidmatan dan pengawalan

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

telekomunikasi yang melibatkan seluruh dunia.

Menurut beliau, tujuan dialog itu diadakan ialah bagi membolehkan pihak AiTi untuk memberikan nasihat dan keterangan kepada pihak yang terlibat akan keperluan dari segi peraturan dan perlesenan bagi menjalankan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

Dalam sesi dialog itu beberapa perkara turut ditaklukkan iaitu mengenai latar belakang AiTi dan rangka kerja pengawalan dan perlesenan. Di samping itu juga sesi dialog juga memfokuskan mengenai hubungan perundangan telekomunikasi, pengawalan dan penguatkuasaan dan yang berkaitan dengan telekomunikasi.

TBTKKS membantu pelajar kurang berkemampuan

JALAN KEBANGSAAN, Sabtu, 30 Disember.- Tabung Bantuan Tajaan Kanak-Kanak Sekolah (TBTKKS) ditubuhkan bertujuan bagi membantu murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah dari kalangan keluarga susah ataupun yang tidak berkemampuan.

Bantuan berbentuk kewangan diberikan bertujuan untuk kegunaan membeli peralatan dan perkakas persekolahan.

Majlis Penyampaian Bantuan Tabung tersebut yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pengarah Penerima

Oleh : Maslina Awang Kurus,
Zahrani Haji Bojeng

ngunan Masyarakat, Datin Hajah Adina binti Othman yang juga Pengerusi TBTKKS.

Para penerima bantuan kewangan berjumlah \$6,400.00 itu terdiri dari 17 ketua keluarga melibatkan 74 murid dan penuntut dari peringkat menengah dan rendah.

Pihak Urusetia TBTKKS menyeru para dermawan dan orang ramai supaya akan dapat menghulurkan bantuan kewangan seangkatan-angkat hati untuk menambah kewangan ta-

bung tersebut bagi sama-sama membantu keluarga susah yang tidak berkemampuan yang anak-anak mereka masih bersekolah.

Bantuan yang dihulurkan boleh disampaikan kepada Urusetia TBTKKS, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Tingkat 3 Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam atau melalui talian telefon 2380664/2380667 atau faks: 2380673.

Azam positif hadapi tahun baru 2007

PEJAM celik, pejam celik, kita sudah melangkah ke tahun baru. Sememangnya tidak terasa, rupanya kita sudah meninggalkan tahun 2006. Setiap tahun baru menjelang, kita tidak boleh lari daripada persoalan mengenai azam baru.

Wartawan PELITA BRUNEI sempat menemui beberapa orang penduduk di negara ini mengenai azam baru. Ada yang berpendapat, azam baru hanya boleh dilakukan apabila azam yang lepas sudah terlaksana. Ada juga yang mempertikaikan, apa gunanya ada azam baru jika azam lama pun belum terlaksana.

Muhammad Salleh, 17 tahun, bersekolah di Sekolah Menengah Sayyidina Othman pada masa sekarang menunggu keputusan GCE 'O' Level menaruh harapan agar berjaya masuk ke Tingkatan Enam. Menurut beliau, mempunyai pendidikan yang tinggi merupakan antara aspek yang penting dalam memperoleh kerjaya yang baik. Tambahan lagi beliau berpendapat, sudah banyak penduduk di negara ini mempunyai pendidikan yang tinggi oleh itu kita juga sepatutnya tidak ketinggalan untuk meraih pen-

Berita dan Foto : Norliah Md. Zain

didikan yang cemerlang.

Selain itu Wartawan PELITA BRUNEI juga sempat menemui bual salah seorang bekas graduan Universiti Brunei Darussalam, Masniah binti Haji Damit, 25 tahun, menyatakan cita-citanya untuk memperoleh pekerjaan pada tahun 2007 ini. Beliau melahirkan pendapat bahawa sememangnya saingan amat sengit untuk memperoleh pekerjaan di sektor kerajaan. Ini kerana kadar penduduk Brunei yang mempunyai pendidikan tinggi sudah meningkat. Walau bagaimanapun katanya beliau akan meneruskan usaha untuk memperoleh apa jua pekerjaan yang halal untuk menampung keperluan hidup sehari-hari.

Melalui dua pendekatan yang dilakukan oleh penulis, sememangnya azam setiap individu itu berbeza-beza. Mereka berkeinginan untuk mencapai kemahmuran yang sebelum ini belum pernah mereka kecapi. Bagi individu yang masih bersekolah dan masih muda, keinginan untuk meneruskan pelajaran masih memuncak. Manakala bagi

mereka yang masih mencari pekerjaan, berazam untuk memperoleh pekerjaan. Itulah yang dikatakan azam sebagai sebahagian matlamat hidup. Asalkan azam itu sesuatu yang positif, maka kita sepatutnya berusaha untuk mencapainya.

Lain pula halnya bagi orang yang baru memperoleh pekerjaan. Ak. Harizan bin Pg. Haji Piut yang baru memperoleh pekerjaan berazam untuk menjadi insan yang cemerlang serta berjaya dalam kerjaya yang bakal diambarnya. Beliau juga menaruh harapan untuk meneruskan pelajarannya ke peringkat Sarjana pada tahun ini.

Bagi mereka yang sudah lama bekerja, sememangnya menyimpan hasrat untuk meningkatkan prestasi kerjaya masing-masing. Pengakuan ini penulis peroleh daripada Susilazah Kadir seorang jurutera di salah sebuah jabatan kerajaan dan Dk. Rinawati binti Pg. Razali seorang jururawat.

Bagi individu yang berkhidmat di sektor swasta pula, mereka pastinya akan berusaha untuk bekerja

keras demi meningkatkan pendapatan masing-masing. Hal ini penulis dapati apabila penulis menemui bual Afendi Yati bin Tuah seorang jurujual kereta.

Oleh itu teori yang mengatakan kemahuan manusia itu sememangnya sukar untuk dipenuhi memang nyata. Apabila memperoleh sesuatu yang baik, manusia akan mahu yang lebih baik dan lebih baik lagi.

Lain pula halnya bagi orang yang sudah berkeluarga. Azam itu tidak hanya tertumpu untuk diri sendiri sahaja sepertimana informan-informan penulis sebelum ini. Melalui temu bual Wartawan PELITA BRUNEI kepada seorang penceramah motivasi dan juga pelajar Sarjana Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Kasim bin Haji Omar, beliau berazam mahu meningkatkan kehidupan keluarga dengan lebih cemerlang dan meningkatkan prestasi hidup dalam apa jua bidang.

Melalui temu bual ini, pengkaji mendapati sememangnya azam seseorang itu berhubung kait dengan sesuatu yang dihadapinya pada waktu itu. Bagi yang bersekolah tertumpu kepada pelajaran, bagi yang belum bekerja ingin memperoleh pekerjaan, yang mula bekerja ingin mempelajari tugas, yang lama bekerja ingin meningkatkan prestasi, manakala yang berkeluarga pula ingin membaiki kehidupan keluarga masing-masing. Sememangnya setiap individu itu menginginkan kecemerlangan dalam hidup. Maka dengan itu penulis doakan agar setiap individu akan mencapai azamnya di penghujung tahun 2007 nanti.



BERAZAM untuk menjadi insan yang cemerlang dan berjaya dalam kerjaya, Ak. Harizan bin Pg. Haji Piut.



MASNIAH binti Haji Damit bercita-cita memperoleh pekerjaan pada tahun 2007 ini.



HAJI Kassim bin Haji Omar ketika ditemu bual oleh Wartawan PELITA BRUNEI berazam memperbaiki kehidupan keluarga.

Rencana ...

Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2005 - 2025

BUKU 'hijau' yang memaparkan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya merupakan satu lagi manifestasi dan komitmen yang berterusan dalam bersama-sama berusaha memantapkan imej, kredibiliti dan martabat kementerian sebagai salah sebuah kementerian yang mampu menuju ke arah hala tuju yang lebih cemerlang, proaktif dan dinamik serta berdaya maju selaras dengan hasrat, wawasan dan aspirasi negara.

Ini dihasratkan untuk dijadikan sebagai peta jalan ('route map') yang komprehensif lagi bersistematis dalam menentukan hala tuju kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya antara lain tujuan utama penyediaan perancangan strategik ini ialah:

* Untuk mewujudkan dan memperjelaskan visi, misi dan nilai-nilai utama KHEDN,

di samping mewujudkan kerangka perancangan strategik yang dapat diselaraskan dengan Dasar Pembangunan Negara.

* Untuk dijadikan sebagai garis pandu dan rujukan bagi semua jabatan-jabatan di bawah KHEDN bagi tempoh 20 tahun yang akan datang.

KHEDN mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat di negara ini. Bidang tugasnya dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah hampir majoritinya berorientasikan perkhidmatan secara langsung dengan masyarakat termasuk melalui peranan dan fungsi Institusi-institusi Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang.

Berdasarkan kepada senario tersebut, kementerian ini sentiasa dari semasa ke semasa memantapkan peranan dan mempertingkatkan keupayaan dalam memeduli kepentingan, kebajikan, kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di negara ini demi mengekalkan dan mempertahankan perpaduan dan keharmonian masyarakat serta kestabilan negara.

Dengan mengambil kira akan peranan dan fungsi KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang sentiasa berkhidmat dan berdamping dengan masyarakat, visi dan misi KHEDN telah dapat dirumuskan di mana visi kementerian tersebut ialah:

'PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA YANG BERTERUSAN DAN BERDAYA MAJU DEMI KETAHANAN NASIONAL'.

Manakala misinya pula ialah:

'BERSAMA MEMASTIKAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG DAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN SERTA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT YANG SEIMBANG'.

Hasil daripada perintegrasi visi dan misi itu dengan beberapa elemen penting seperti matlamat-matlamat kementerian, khususnya daripada perspektif kewangan, prosedur, satu kerangka generik telah dibentuk bagi merangka perancangan strategik kementerian ini.

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Dengan Kerjasama
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Kerangka ini dijadikan sebagai model bagi mengenal pasti elemen-elemen umum yang terdapat pada matlamat-matlamat strategik masa kini kementerian berkenaan bagi merangka tema yang bersesuaian selaras dengan kehendak dan perancangan jangka panjang KHEDN bagi tempoh 20 tahun akan datang.

Enam tema matlamat strategik jangka panjang (strategic themes) telah dibentuk dengan identiti dan falsafah negara iaitu 'Melayu Islam Beraja' seperti berikut:

- Meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat (Rajah 1).
- Memantapkan perpaduan dan kesejahteraan (Rajah 2).
- Memelihara keselamatan masyarakat (Rajah 3).
- Penyediaan infrastruktur dan kemudahan (Rajah 4).
- Meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia (Rajah 5).
- Memangkin perkembangan ekonomi (Rajah 6).

Menurut buku laporan Perancangan Strategik KHEDN, hasil daripada

proses-proses yang dilalui di sepanjang penyediaan Perancangan Strategik KHEDN, satu 'peta jalan' telah dapat diketengahkan untuk dijadikan panduan komprehensif bagi semua peringkat di dalam KHEDN sepanjang tempoh tersebut. Peta ini dikenali dengan 'Peta Jalan Strategik KHEDN Bagi Tempoh Dua Dekad Mendatang (2005-2025)' adalah gabungan elemen-elemen berikut:

* Kerangka Perancangan Strategik Jangka Panjang KHEDN,

* Huraian keenam-enam tema matlamat strategik jangka panjang KHEDN,

* Peta-peta pensejajaran bagi matlamat KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dalam hubungan bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Majlis Pelancaran Perancangan Strategik KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2005 - 2025 pada 1 April 2006 di Royal Berkshire, Jerudong Park

HALA TUJU YANG CEMERLANG



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika meneliti pameran yang mengutarakan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) di Minggu Pelanggan KHEDN baru-baru ini. - Foto : Ihsan KHEDN.

menegaskan adalah penting bagi kita selaku warga kerja KHEDN untuk melitupgandakan usaha dan bersikap profesional, komited, kompeten dan proaktif dalam apa jua hal yang berhubung kait dengan 'core business' kementerian dan jabatan masing-masing.


"Kita perlu membuat peralihan paradigma (paradigm shift) dan loncatan jauh ke hadapan agar lebih maju apatah lagi dalam era globalisasi yang berdaya saing yang mahu tidak mahu perlu kita hadapi. Inilah merupakan satu cabaran yang perlu ditangani dengan penuh kegigihan dan disertai dengan semangat ingin maju bagi merealisasikan Perancangan Strategik KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya," ujar Yang Berhormat.

Perancangan Strategik ini, menurut Yang Berhormat adalah satu dokumen dan garis pandu yang penting tetapi ia tidak akan bermakna kecuali diterjemahkan kepada tindakan dan dilaksanakan dengan penuh komitmen, dedikasi dan bertanggungjawab bagi mencapai matlamat-matlamat seperti yang dihasratkan.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru agar perancangan ini dapat difahami dan dihayati sepenuhnya oleh seluruh warga kementerian ini pada semua peringkat. Dengan adanya kefa-



RAJAH 1 - MENINGKATKAN PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT



RAJAH 2 - MEMANTAPKAN PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN



BUKU 'hijau' Laporan Eksekutif 'Perancangan Strategik KHEDN Bagi Tahun 2005 - 2025' yang dikeluarkan oleh kementerian berkenaan.

Dari muka 4

haman dan penghayatan oleh warga kementerian ini maka sesebuah organisasi itu mampu mencapai visi, misi serta objektifnya semata-mata untuk kemajuan dan kepentingan negara.

Apa yang lebih penting lagi ujaninya ialah pelaksanaan hendaklah disokong dan dimantapkan dengan beberapa perubahan strategik yang telah pun dikenal pasti dan dipersejuti seperti penyusunan semula struktur organisasi (restructuring), peningkatan keupayaan sumber manusia (capacity-building) dan juga penerapan dan penghayatan nilai-nilai utama dan etika kerja yang murni dalam organisasi seperti yang telah pun digariskan dalam pelan tindakan (action plan) perancangan strategik berkenaan. Adalah juga bersesuaian untuk disediakan carta-carta perancangan (milestone chart) secara fokus bagi setiap matlamat-matlamat strategik kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan agar ianya akan dapat diimplementasikan dengan sempurna dan berkesan.

Dalam konteks ini, perubahan minda atau peralihan paradigma. "Kita hendaklah bersedia untuk mengubah cara kita berfikir daripada cara lama yang boleh mengongkang kemajuan kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang." Oleh yang demikian, kita haruslah berfikir secara proaktif, di samping bersikap responsif terhadap perubahan persekitaran dan mampu berhadapan dengan realiti.

Dalam konteks pengurusan strategik, kita haruslah juga memerdekakan minda daripada sikap-sikap negatif seperti melalui-lalaikan mengambil tindakan, menag-

guhkan kerja, sikap 'malas tah ku ingau', sikap kurang bersopan santun terhadap pelanggan, menghabiskan masa di tempat-tempat minum atau kantin semasa waktu bekerja yang mana merupakan amalan-amalan yang tidak produktif, merugikan dan tidak sihat dalam Perkhidmatan Awam.

Matlamat mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang, tegas Yang Berhormat hanya boleh dicapai menerusi perubahan dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan serta keberkesanan perkhidmatan. Pembaharuan-pembaharuan dari aspek struktur organisasi, peralatan pejabat, sistem prosedur kerja, teknologi komputer dan sebagainya tidak akan memberikan kesan atau impak yang signifikan tanpa diiringi dengan kesedaran dan perubahan minda dan sikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan atau lebih dikenali sebagai 'stakeholders'.

Dalam hubungan ini, kita haruslah berfikir secara 'lateral' dan 'out of the box'. Pemikiran 'out of the box' ataupun mengemukakan cara berfikir di luar kotak bermakna berfikir di luar daripada batasan pemikiran dan amalan biasa serta melihat sesuatu perkara dari pelbagai sudut yang berbeza. Manakala berfikir di dalam kotak atau 'thinking inside the box' bermaksud tidak kreatif dan inovatif, tidak berfikir terbuka terhadap idea-idea baru, tidak fleksibel dan hanya berpuas hati (complacent) dengan status quo yang ada pada masa ini. Dari itu, adalah wajar bagi kita untuk berfikir secara ter-



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Timbalannya dan Setiausaha-setiausaha Tetap KHEHN di sesi dialog bersama para pegawai kementerian berkenaan.


buka dan tidak seharusnya terikat kepada sesuatu sistem atau prosedur kerja yang konvensional semata-mata tanpa merebui atau membuat sebarang pembaharuan mengikut keperluan dan kehendak semasa serta akan datang.

Dalam hal ini, beberapa langkah utama perlu dilaksanakan segera oleh Sekretariat Jawatankuasa Pelaksanaan Perancangan Strategik KHEHN dan jabatan-jabatan di bawahnya antaranya menuhkan satu Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Perancangan Strategik yang ahli-ahlinya terdiri daripada semua jabatan di bawah kementerian bagi memantau proses pelaksanaan perancangan strategik kementerian.

Tugas dan tanggungjawab ini perlulah disepadukan dalam Struktur Pengurusan Kementerian supaya sistem pementauan itu nanti dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna dan teratur serta mengkaji semula dan

mensejajarkan dari semasa ke semasa inisiatif yang ada di dalam Pelan Tindakan Strategik Kementerian dengan inisiatif-inisiatif yang dihasilkan oleh Pelan Tindakan Strategik Jabatan-jabatan di bawah kementerian.


Apa yang diharapkan oleh kementerian ialah menaruh keyakinan bahawa dengan terlaksananya Perancangan Strategik dengan baik, akan berjaya membuahkan hasil yang dihasratkan. Pihak kerajaan dan sektor swasta termasuk rakyat dan penduduk negara ini akan dapat melihat perubahan-perubahan positif bukan sahaja dari segi penyaluran dan mutu perkhidmatan-perkhidmatan KHEHN dan jabatan-jabatan di bawahnya bahkan suasana ekonomi dan suasana kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam bertambah baik dan menjadikan perpaduan dan kesejahteraan negara terus terpelihara dan bertambah mantap.



RAJAH 4 - PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM



RAJAH 5 - MENINGKATKAN KEUPAYAAN SUMBER TENAGA MANUSIA



RAJAH 6 - MEMANGKIN PERKEMBANGAN EKONOMI



RAJAH 3 - MEMELIHARA KESELAMATAN MASYARAKAT

600 warga emas diraikan

JALAN MUARA, Selasa, 19 Disember.- Seramai 600 warga emas dari keempat-empat daerah diraikan pada sambutan Hari Warga Emas bersempena Hari Antarabangsa Warga Tua yang berlangsung di Hua Ho Mall di sini.

Pada majlis itu warga emas disajikan jamuan, mengikuti gerak seni tai chi dan berhibur dengan persembahan kebudayaan, bacaan puisi, syair dan semuamannya.

Terdahulu dari itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud selaku tetamu kehormat menyampaikan sepuput wacana berupa Syair Nasihat.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengistiharkan 1 Oktober sebagai Hari Warga Emas.

Warga emas yang merupakan penduduk berumur 60 tahun ke atas,

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

adalah salah satu kumpulan masyarakat yang memerlukan bantuan kebajikan dan perlindungan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di mana mereka menerima Perkhidmatan Pencen Umur Tua di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954.

Menurut JAPEM sehingga bulan November 2006, jabatan tersebut mencatatkan 16,543 orang menerima pencen umur tua.

Sebagai kumpulan masyarakat yang mencapai usia 60 tahun, warga emas mempunyai banyak kemampuan dan kemahiran yang dapat diwarisi dan dikongsi sama oleh generasi baru.

Oleh itu, JAPEM sentiasa memberi galakan kepada warga emas untuk mengamalkan falsafah 'Tua Cakap' agar mereka akan dapat mempertingkatkan penglibatan aktif dalam membela potensi yang ada untuk kesejahteraan mereka sendiri dari segi fizikal, mental dan

emosi.

Selain memberi peluang warga emas untuk menentang kemiskinan dan penglibatan aktif mereka, Majlis Sambutan Hari Warga Emas juga bertujuan untuk memperingati jasa baik dan sumbangan yang telah mereka berikan terhadap pembangunan masyarakat, di samping sama-sama memupuk jalinan kerjasama dan ramah mesra sesama keluarga, masyarakat dan agensi-agensi kerajaan.

Juga hadir Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi majlis, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta wakil-wakil daripada Persatuan Warga Emas di Daerah Tutong dan Belait.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Warga Emas. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hildup.

Projek e-SIKaP JKP ditandatangani

BERAKAS, Sabtu, 16 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) telah menandatangani Projek e-SIKaP bersama Syarikat HAD Technologies bernilai \$3 juta berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan di sini.

Projek e-SIKaP melibatkan reka-bentuk, pembangunan, pembekalan, penyerahan, pemasangan, integrasi, pengujian, latihan, pemeliharaan terhadap 'Software' dan 'Hardware' dan Perkhidmatan (sistem informasi Kemajuan Perumahan) bagi JKP.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mat Salleh bin Haji Matusin, manakala pihak Syarikat HAD Technologies pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Haji Awang bin Haji Md. Daud.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Setiausaha Tetap Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Projek e-SIKaP dikendalikan oleh JKP di bawah rancangan e-Kerajaan bagi tempoh pelaksanaan satu tahun

dan dijangka akan siap pada suku tahun ketiga 2007.

Projek ini adalah satu usaha ke arah mengintegrasikan maklumat secara digital dan membolehkan orang ramai berkomunikasi melalui laman web JKP.

Ia juga berperanan untuk mengemaskinikan data-data pemohon, proses permohonan hingga kepada proses pembayaran balik pinjaman rumah bagi Skim Rancangan Perumahan Negara yang dikendalikan oleh JKP.

Orang awam juga akan mendapat faedah dari projek ini di mana mereka boleh mengetahui status permohonan, mengemaskinikan data permohonan dan lain-lain perkhidmatan.



MAJLIS Menandatangani e-SIKaP disaksikan oleh Setiausaha Tetap Pentadbiran dan Kewangan Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail (tengah). - Foto: Halim Haji Sulaiman.

Peserta Kursus Fardu Kifayah terima sijil

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

RIMBA, Ahad, 10 Disember. - Seramai 32 orang penduduk Kampung Rimba menerima sijil mereka setelah berjaya menjalani Kursus Singkat Fardu Kifayah anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS).

Majlis Penyampaian Sijil dilangsungkan di masjid berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussein.

Imam Masjid RIPAS,

Awang Haji Mohd Afdzillah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyeru peserta kursus supaya akan mengamalkan segala ilmu pengetahuan yang diraih dalam kursus

tersebut kerana telah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk mempelajari Fardu Kifayah bagi mengurus jenazah secara beradab sebelum dikebumikan. Kursus dikendalikan oleh Imam Syeikh Haji Edham.



MAJLIS Penyampaian Sijil disampaikan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussein, selaku tetamu kehormat. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

BERAKAS, Isnin, 18 Disember.- Projek Pantaran Sastera diharapkan menjadi tanda aras sastera Brunei dan medan perkumpulan penulis dan penggiat atau penggerak seni sastera tempatan dalam program santai dan tenang, di samping dijadikan medium pertemuan antara para penulis dan penggiat seni sastera dari dalam dan luar negara.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Aminah binti Haji Momin menjelaskan demikian di Majlis Pantaran Sastera DBP berlangsung di Balai Sarmayuda di sini.

Projek Pantaran Sastera juga merupakan salah satu kegiatan sastera DBP yang dijalankan sepanjang tahun 2006-2007 di keempat-empat daerah di negara ini yang diunkayahkan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Negara Brunei Darussalam dengan dukungan dan sokongan persatuan penulis dan badan NGO yang lain.

Kegiatan yang diisikan dalam Projek Pantaran Sastera juga dihasilkan dapat memupuk nilai-nilai pemudulan dan perkongsian pengalaman serta pengeta-

Oleh:
Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kurus

huan penulis tanah air, penggiat seni sastera, pengkaji dan peneliti sastera, juga para ilmunan dan cendekiawan sastera.

Antara kegiatan Pantaran Sastera termasuklah Tukuran Sastera, Bicara Sastera dan Pengucapan Karyawan Seni Jemputan yang diisikan dengan persembahan seni sastera antaranya deklamasi sajak, menambang syair Brunei, baca prosa, sketsa, teater, berbalas pantun, puisidra, taridra, pantomim dan nyanyian puisi.

Bicara sastera khusus membicarakan 'Memposisikan Wacana Abdullah Tentang Orang Melayu' oleh Pensyarah Kunjungan Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan bicara buku oleh Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhammad dengan tajuk 'Antologi Puisi Ristaan Anak Merdeka: Pengutaraan Citra dan Injeksi Suara Penyair Tutong'.

Majlis tukuran sastera pula merupakan penutup Projek Pantaran Sastera bagi

tahun 2006, sementara pada 11 Januari 2007 akan diadakan 'Forum Sastera' anjuran bersama DBP dengan ASTERAWANI sebagai membuka tirai Projek Pantaran Sastera bagi tahun 2007 dan kegiatan-kegiatan sastera yang lain dengan matlamat utamanya mengangkat martabat bahasa Melayu melalui kegiatan sastera.

Hadir di majlis tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Dr. Haji Abdul Rahim, para penulis tanah air, pensyarah-pensyarah, guru-guru dan mahasiswa UBD.



PROJEK Pantaran Sastera yang berlangsung di Balai Sarmayuda merupakan salah satu kegiatan sastera DBP yang dijalankan sepanjang tahun 2006 - 2009. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderahati kepada seorang peserta. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Peserta Program Pembangunan Kepimpinan terima sijil

Oleh : Maslina Awang Kurus

RIMBA, Sabtu, 16 Disember. - Seramai 29 peserta terdiri dari pegawai-pegawai kanan dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menerima sijil dan cenderahati Program Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development Programme) anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN) berlangsung di IPA, di sini.

Penyampaian sijil dan cenderahati kepada 14 peserta dari Negara Brunei Darussalam dan 15 peserta dari Malaysia itu disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Menurut Pengarah IPA, Awang Haji Junaidi bin Haji Omar, salah satu strategi IPA pada masa ini ialah untuk mengantarabangsakannya dan Program Pembangunan Kepimpinan merupakan salah satu langkah bagi tujuan tersebut.

Menyentuh kerjasama antara IPA dan INTAN beliau berharap bidang kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut tidak akan terhenti setakat itu sahaja tetapi akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Para peserta kursus terdiri dari pegawai-pegawai Kumpulan 2, Kumpulan 3 atau B 3 atau dalam Kategori Pengurusan Pertengahan iaitu berkhidmat antara 10 hingga 15 tahun dengan kerajaan.

Antara objektif program tersebut ialah untuk menjalin kerjasama dua hala, mengembangkan kemahiran-kemahiran dan keupayaan dalam menangani perubahan-perubahan semasa secara berkesan, memastikan kemahiran dan keupayaan yang relevan dengan pihak-pihak berkenaan dan orang ramai, di samping membantu para peserta memahami perubahan persekitaran Perkhidmatan Awam (PA).

Selain itu ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran dalam membawa kecemerlangan organisasi, menyediakan wadah rangkaian kerja yang baik di kalangan pegawai-pegawai PA antara kedua-dua buah negara, untuk bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan dan kemajuan dalam PA dan untuk memberikan pengalaman mengenai aspek-aspek praktikal inovasi dan modenisasi PA.

Sementara itu antara rasional program selama dua minggu itu ialah untuk meningkatkan rangkaian kerja dan setia kawan, di samping untuk memberikan kefahaman mengenai dengan struktur dan mekanisme pentadbiran dalam PA kedua-dua buah negara.

Pada masa yang sama pertukaran pegawai antara IPA dan INTAN selama dua minggu hingga satu bulan juga akan dijalankan termasuk menghantar pegawai-pegawai IPA mengikuti kursus di INTAN.

Kursus yang akan diikuti termasuklah Diploma dalam Sains Pengurusan dan kursus-kursus lain di bawah MTCP seperti Kursus Latihan Metodologi Antarabangsa yang boleh mendedahkan pegawai-pegawai latihan yang baru kepada kaedah-kaedah latihan masa kini.

Pemenang melukis logo ASEAN terima hadiah

JALAN KEBANGSAAN, Selasa, 19 Disember. - Awang Haji Othman bin Salleh, Pereka Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) terpilih memenangi Pertandingan Menicipta Logo ASEAN Sempena Penubuhan ASEAN Ke-40 Tahun bertepatan 'ONE ASEAN at the heart of Dynamic Asia' berlangsung di KKBS, di sini.

Beliau akan mewakili

Negara Brunei Darussalam ke pertandingan seterusnya yang akan disertai oleh kesepuluh buah negara anggota ASEAN yang lain.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang dan cenderahati kepada juri disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mas-

Oleh : Maslina Awang Kurus, Zahrani Haji Bojeng

rainah binti Pengiran Haji Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Sebanyak 22 ciptaan logo telah diterima dari beberapa orang pereka tempatan yang dihakimi oleh jemaah juri diketuai oleh Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr, Pengiran Dato

Paduka Haji Asmalee bin Pengiran Haji Ahmad, Awang Latif bin Tuah dan Awang Mohd. Amin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Sirat.

Penghakiman bermula dengan proses saringan (elimination) sehingga membawa kepada empat

logo terbaik dan akhirnya dua logo dihakimi untuk memilih seorang pencipta terbaik.

Para juri telah membuat keputusan muktamad dan mengiktiraf logo yang dipilih sebagai pemenang terbaik memenuhi cita rasa serta syarat kelayakan tujuan Pertandingan Menicipta Logo ASEAN Sempena 40 Tahun Penubuhan ASEAN.

RTB - RRI adakan mesyuarat penyelarasan MOU

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Disember. - Kerjasama di antara Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Stesyen Radio Republik Indonesia (RRI) dalam bidang penyiaran diperkukuhkan dengan kunjungan balas empat hari serombongan pegawai dari RRI ke negara bagi mengadakan mesyuarat penyelarasan Memorandum Kerjasama Persefahaman (MOU).

Mesyuarat penyelarasan yang diadakan di Bilik Iltizam, RTB di ibu negara, turut membincangkan beberapa program kerjasama seperti berbalas pantun,

drama radio, pertukaran penyiar, hubungan muhibah dan program titian senada.

Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Osman bin Haji Mohammad dalam ucapannya sejurus sebelum mesyuarat itu dimulakan, antara lain menegaskan bahawa RTB dan RRI memainkan peranan penting sebagai penyiar di negara masing-masing untuk membangun masyarakat melalui maklumat dan informasi yang disiarkan.

Menurut beliau, MOU yang sudah dimeterai sejak hampir 20 tahun lalu itu telah berjaya mengeratkan

hubungan silaturahmi antara kedua-dua negara, di samping mempertingkatkan kerjasama dua hala antara RTB dan RRI.

Sementara itu rakaman bagi program Berbalas Pantun antara RTB dan RRI yang dibagikan kepada empat siri juga diadakan di RTB yang melibatkan tiga orang wakil dari setiap stesen.

Program Berbalas Pantun yang akan disiarkan sempena sambutan tahun baru, Hari Raya Aidiladha

dan Hari Kebangsaan itu dipengerusikan oleh Awang Mohammad Ali Majid dari RTB, sementara RRI dipengerusikan oleh Hendro Prasetyo.

Sepanjang berada di negara ini, rombongan dari RRI juga mengadakan pelbagai aktiviti telah diaturkan oleh RTB selaku tuan rumah termasuk penerbitan beberapa buah rancangan usaha sama antara RTB dan RRI selain dibawa melawat ke beberapa buah tempat menarik di negara ini.



MESYUARAT Penyelarasan MOU RTB - RRI turut membincangkan pelbagai program kerjasama yang diadakan di Bilik Iltizam RTB. - Foto : Halim Haji Sulaiman.

IHP Oktober 2006: Menurun 0.3 peratus

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai bahawa Indeks Harga

Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2006 telah menurun sebanyak 0.3 per-

ratus dari bulan sebelumnya dengan indeks 102.0 peratus. Penurunan ini

JADUAL 1 : INDEKS HARGA PENGGUNA 2002 = 100

No	Kumpulan Utama	Kewajaran	Indeks			% Perubahan	
			Okt-05	Sep-06	Okt-06	Okt 06/ Sep 06	Okt 06/ Okt 05
	Indeks Keseluruhan	10,000	101.6	102.3	102.0	-0.3	0.4
I	Makanan dan minuman ringan	2,877	101.5	101.6	101.7	0.1	0.2
II	Pakaian dan kasut	561	88.8	90.7	87.6	-3.4	-1.4
III	Perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan	884	98.6	96.9	96.9	0.0	-1.7
IV	Peralatan perkhidmatan & pengendalian rumah	860	92.9	92.5	92.3	-0.2	-0.6
V	Pengangkutan	2,251	106.7	106.4	106.5	0.1	-0.2
VI	Perhubungan	548	89.6	88.5	88.4	-0.1	-1.3
VII	Pendidikan	471	98.2	98.0	98.0	0.0	-0.2
VIII	Perubatan dan kesihatan	98	100.1	100.4	100.5	0.1	0.4
IX	Rekreasi dan hiburan	814	118.8	127.8	126.6	-0.9	6.6
X	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	636	101.7	105.1	104.4	-0.7	2.7

Sumber : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

adalah sebahagiannya disebabkan oleh Jualan Besar-besaran Brunei yang bermula pada 15 September hingga 29 Oktober 2006 (Jadual 1).

Menurut Siaran Akhbar JPKE yang diedarkan pada 19 Disember 2006, kos makanan dan minuman meningkat 0.1 peratus disebabkan oleh harga tinggi bagi udang dan lain-lain makanan laut segar, susu, telur, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Penurunan harga bagi pakaian beli siap, aksesori, fabrik bagi lelaki dan wanita serta kasut telah menyebabkan turunnya kepada 3.4 peratus bagi kos pakaian dan kasut.

Kos peralatan, perkhidmatan dan pengen-

dalian rumah tangga menurun kepada 0.2 peratus disebabkan oleh harga murah bagi alas lantai, alat hiasan rumah tangga, perkakas dapur, pinggan mangkuk dan kutleri serta lain-lain barang pengendalian rumah tangga.

Kenaikan harga bagi beberapa tambang udara menyebabkan peningkatan kepada 0.1 peratus dalam kos pengangkutan.

Manakala kos perhubungan pula menurun kepada 0.1 peratus berikutan penurunan harga peralatan termasuk aksesori.

Bagi kos perubatan dan kesihatan, ia telah meningkat sebanyak 0.1 peratus disebabkan oleh kenaikan harga bagi ubat-

ubatan dan bekalan proprietari.

Selain itu kos rekreasi dan hiburan telah menurun sebanyak 0.9 peratus disebabkan oleh penurunan harga pakej percutian.

Harga murah bagi penjagaan diri, alat serta lain-lain barangan kegunaan persendirian menyebabkan turunnya kos pelbagai barangan dan perkhidmatan sebanyak 0.7 peratus.

Bagi kos perumahan, air, elektrik, pemeliharaan dan pendidikan pula, ia tidak berubah seperti di bulan sebelumnya.

IHP bagi bulan Oktober 2006 adalah 0.4 peratus lebih tinggi daripada indeks di bulan yang sama pada tahun 2005.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jame' 'Asr Hassanli Bolkiah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam 1427 Hijrah.



BERKENA TUNAIKA SUNAT AI DAN MEN IBADAT K



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera-putera baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah i dibacakan (atas kiri).

BAGINDA dan putera-putera baginda berjunjung ziarah dari rakyat dan penduduk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya.

BAGINDA dan paduka anakanda berjunjung ziarah dari rakyat dan penduduk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

UMAT Islam yang terdiri dari rakyat dan penduduk bersembahyang menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha (t).



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BERANGKAT SEMBAHYANG DILADHA TEMPURNAKAN ORBAN SUNAT

Foto: Abdullah Haji Awang Damit,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Haji Sahrin Haji Asmat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan putera-putera baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat di Majlis Ibadat Korban Sunat baginda dan kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha 1427 Hijrah yang berlangsung di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan putera-putera baginda berkenan menyaksikan penyembelihan seekor kambing di majlis korban tersebut.



BAGINDA menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan sejurus selesai Majlis Ibadat Korban Sunat baginda dan kerabat baginda Sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1427Hijrah (atas).

DOA selamat sempena selesainya Majlis Ibadat Korban dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (bawah).



BAGINDA berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada dua daripada 20 orang penerima fakir miskin yang dipilih dari Daerah Brunei dan Muara (kiri dan kanan).



PERSEMBAHAN tausyeh daripada para penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanil Bolkiah menyirikan suasana majlis berkenaan.

HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SAYA amat berbesar hati dapat hadir bagi merasmikan Pertunjukan BEnA 2006 ini dengan tema penting bertajuk 'MENYEDIAKAN SERANA BAGI PEMBANGUNAN YANG BERDAYA TAHAN'.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Persatuan BEnA kerana telah menganjurkan pertunjukan ini dan yang lebih penting mereka telah memilih satu tema yang amat sesuai dan relevan di dunia masa kini. Dalam kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengenal pasti 15 isu global yang akan penting di masa depan: yang menjadi ketara di antara isu-isu ini ialah pencapaian pembangunan yang berdaya tahan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selanjutnya menyatakan 'Pendapat dunia belum pernah bersatu mengenai sesuatu matlamat kecuali untuk mencapai pembangunan yang berdaya tahan.' Oleh yang demikian tema hari ini adalah penting.

Tetapi, apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan yang berdaya tahan itu? Tafsiran yang diakui bagi pembangunan yang berdaya tahan adalah satu pembangunan yang memenuhi keperluan-keperluan generasi masa kini dengan tidak menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. (Brundtland, 1987).

Hari ini saya ingin menengahkan pembangunan yang berdaya tahan dalam konteks penggunaan tenaga di Negara Brunei Darussalam.

Hidrokarbon dalam bentuk minyak mentah dan gas asli akan terus menjadi sumber tenaga bagi negara ini. Hidrokarbon seperti apa yang kita ketahui adalah satu bahan yang amat kompleks yang melibatkan pengolahan kejadian-kejadian yang bertindih-tindih yang berlaku beratus-ratus tahun dengan melibatkan berbilion bangkai-bangkai hidupan, turun naik paras laut dan pergerakan bertant-tan batu-batu.

an (Sonia Shah, 2004).

Walaupun demikian, kita masih juga merasa berpuas hati dengan mereka. Kita menggunakan seolah-olah hidrokarbon itu akan bertahan selamanya. Yang lebih mengecewakan lagi, kita telah memakainya dengan cara berlebih-lebihan dari keperluan malahan menyalahgunakan mereka: kita dagang mereka lebih murah daripada air; kita bakar mereka untuk menerangi cahaya siang hari; kita menyejukkan bilik alat pendingin udara sedangkan kita semakin menyelubungi diri kita dengan selimut sejuk.

Dalam sejarah hal ehwal manusia, dalam jangka waktu sekelip mata iaitu tidak lebih seratus tahun, manusia telah melepaskan satu kehidupan yang mengambil masa



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, di Pertunjukan BEnA 2006, pada hari Jumaat, 3 Zulkaedah 1427/24 November 2006, bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

beratus juta tahun untuk dibentuk. Persoalannya ialah: Apakah peninggalan kita untuk generasi akan datang? Bagaimana jawapan kita apabila generasi akan datang menuntut hak mereka yang mungkin telah kita salah gunakan? Dan ini membawa saya terus kepada tema pertunjukan hari ini: Apa yang dapat kita lakukan untuk membawa kepada pembangunan yang berdaya tahan ini?

Untuk menjawab soalan-soalan itu, dua perkara penting perlu kita awasi: Pertama, kita hendaklah menghentikan penggunaan yang berlebih-lebihan daripada keperluan dan penyalahgunaan sumber-sumber yang bernilai ini; dan keduanya, oleh sebab cabaran-cabaran pemba-

ngunan berdaya tahan ini adalah kompleks, kita memerlukan satu sistem pendekatan yang bersatu padu dan penglibatan dari seluruh lapisan masyarakat.

Apa dapat kita lakukan untuk menghentikan penggunaan yang berlebihan daripada keperluan dan penyalahgunaan terhadap sumber-sumber yang bernilai ini?

Banyak dapat kita lakukan; tetapi pertama sekali yang paling efektif ialah dengan meletakkan nilai atau harga yang berpatutan kepada sumber hidrokarbon ini; Negara kita dikenali dengan harga elektrik yang termurah; harga pam yang terendah bagi minyak kereta atau gasolin. Ini semua telah mengakibatkan penggunaan elektrik bagi setiap penduduk yang ting-

HENTIKAN PENGGUNAAN HIDROKARBON BERLEBIHAN

gi yang malah mengalahkan negara-negara yang lebih maju dan negara pengeluaran barang perusahaan di rantau ini; dan jumlah kereta yang paling banyak bagi setiap penduduk atau setiap batu jalan raya. Ini bukan pencapaian yang patut kita megah-megahkan.

Keduanya, kita hendaklah menggalakkan pengurusan dan penggunaan tenaga yang bijak dan efisien dengan melaksanakan tatacara dan teknologi-teknologi sedemikian. Ini amat mudah untuk diseru tetapi amat sukar untuk dilaksanakan. Dengan kenaikan harga tenaga pada masa ini, kita tidak ada pilihan lain. Kita mendapati banyak bangunan dan peralatan yang reka bentuknya bukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga.

Ketiganya, perlunya orang ramai diajar betapa pentingnya dan mendesaknyanya untuk memelihara dan menjimat tenaga. Dalam hal ini, kita tidaklah semestinya menyerahkan tugas itu kepada pihak sekolah-sekolah sepenuhnya untuk melakukannya; malahan yang sesuai dalam hal ini ialah amalan di rumah dan tunjuk ajar ibu

bapa. Kita hendaklah menanamkan cara hidup yang menggunakan tenaga rendah.

Keempatnya, skim-skim galakan dan kemudahan untuk mengenalkan penggunaan sumber tenaga yang dapat diperbaharui di negara ini perlu lah diterokai dengan secepat mungkin sebelum terlambat.

Mengenai keperluan untuk satu sistem pendekatan yang sedap dan penglibatan seluruh lapisan masyarakat, ini tidak boleh diperkecilkan memandang cabaran-cabaran bagi pembangunan yang berdaya tahan ini amat kompleks. Dengan menekankan betapa mendesaknyanya perkara ini akan dapat menyedarkan masyarakat untuk sama-sama membantu dalam usaha ini. Tambahan lagi, saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada Persatuan BEnA di atas usaha-usaha aktif mereka dalam menyampaikan perutusan dan penglibatan ahli-ahlinya dalam sama-sama bergiat untuk menangani isu pembangunan berdaya tahan ini. Pertunjukan hari ini hendaklah diakui sebagai satu langkah yang dibuat oleh

badan-badan bukan kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan yang berdaya tahan bagi negara ini. seruan saya ialah supaya lebih banyak lagi badan-badan bukan kerajaan dan orang-orang persendirian serta Kementerian-kementerian kerajaan melibatkan diri dalam usaha yang murni ini.

Saya ingin menyudahi ucapan saya ini dengan memetik kata-kata dari penganjur bersama 'Earth Day', mendiang Senator Gayland Nelson yang berkata "Ujian yang mutakhir bagi diri manusia adalah kesanggupan untuk berkorban bagi dirinya ini untuk generasi masa depan yang mana penghargaan mereka itu tidak akan dapat didegar sama sekali."

Dengan mendahului kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini sukacitanya merasmikan Pertunjukan BEnA Exhibition 2006.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perkhemahan mendidik pengalaman hidup

SUNGAI LIANG, Ahad, 24 Disember. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata salah satu kegiatan mercu tanda dalam pergerakan pengakap adalah kegiatan perkhemahan atau jambori iaitu perhimpunan besar para pengakap atau pandu puteri.

Melalui perkhemahan atau jambori para pengakap atau pandu puteri yang terdiri daripada belia remaja akan didedahkan kepada pelbagai kemahiran dan latihan berpengakap oleh para mentor atau pengakap senior, ujar Yang Berhormat di Majlis Pembukaan Rasmi Perkhemahan Kebangsaan Sempena 50 Tahun Pengakap Rantau Asia Pasifik di Peranginan Sungai Liang di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata pengalaman daripada latihan serta kemahiran yang diperolehi dalam perkhemahan atau jam-

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

bori akan melekat sepanjang hayat sebagai satu langkah kehidupan zaman remaja yang sangat berharga dan sebagai salah satu bentuk pendidikan secara pengalaman kehidupan yang perlu diteruskan melalui program atau projek kebelakangan yang tersusun dan terarah.

"Tidak syak lagi 'Perkhemahan Pengakap Kebangsaan' ini akan membuah pelbagai manfaat yang bernas khususnya ilmu terkini tentang pergerakan pengakap yang dapat menanamkan minat dan komitmen belia remaja di negara ini dalam pergerakan pengakap," kata Yang Berhormat.

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dalam perkhemahan tersebut, kata Yang Berhormat akan meneruskan tradisi pengalaman kehidupan yang mencabar dengan

menyediakan kegiatan yang memupuk ketahanan diri, rohani, mental dan emosi sesuai dengan tema perkhemahan 'Sihat, Cergas dan Sejahtera' dan negara memerlukan masyarakat belia yang sihat cergas dalam proses pembangunan bangsa.

PPNBD ditubuhkan pada tahun 1934 merupakan persatuan badan bukan kerajaan (NGO) yang tertua di negara ini dan dalam usia lebih tujuh dekad telah menempuh pelbagai naik turun nasib sehingga berjaya mendirikan sebuah bangunan yang menjadi mercu tanda kegigihan serta komitmen para pemimpin pengakap di negara ini.

Sehubungan itu persekutuan tersebut telah pun membuat 'Rancangan Strategik' ke arah pencapaian 10 ribu orang ahli pengakap menjelang tahun 2013 dan

ianya merupakan satu peranan terpuji yang patut mendapat kerjasama seluruh lapisan masyarakat terutamanya golongan ibu bapa yang seharusnya tidak lagi merasa ragu untuk melibatkan anak-anak mereka dalam pergerakan sukarela ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap apa jua Tindakan Rancangan di bawah Rancangan Strategik itu akan terus disusun dan dilaksanakan demi mencapai hasrat menjadikan PPNBD sebuah pergerakan belia yang utama dalam mengendalikan program-program pembinaan kecemerlangan belia remaja yang menyumbang ke arah pembangunan bangsa dan akan diikuti oleh persatuan-persatuan NGO yang lain di negara ini.

Perkhemahan selama enam hari itu disertai oleh 303 kumpulan pengakap berusia 12 tahun ke atas dan pengakap remaja berusia 16 hingga 18 tahun, manakala kumpulan pengakap tunas berusia enam hingga 11

tahun akan mempunyai perkhemahan tersendiri yang dinamakan 'Korobori' dan pengakap kelana (Rover Scout) juga mempunyai bentuk perkhemahan yang tersendiri yang dinamakan 'Rover Moot', manakala Da-

erah Belait telah menghantar jumlah terbesar pengakap seramai 120 orang.

Perkhemahan tersebut bertujuan sebagai kemuncak dari beberapa aktiviti dan kegiatan pengakap se-

panjang tahun yang telah dilakukan oleh pasukan-pasukan pengakap seluruh negara dan sebagai langkah awal PPNBD akan mengadakan jambori nasional ke empat sempena 100 tahun berpengakap di dunia pada penghujung tahun 2007.

Di majlis tersebut Yang Berhormat menyampaikan anugerah Pingat Jasa Cemerlang Kehormat kepada Pemimpin Pengakap, Dayang Noraini Mohamad, Pesuruhjaya Latihan dari Persekutuan Pengakap Singapura yang telah banyak menyumbangkan perkhidmatannya serta berjasa kepada pergerakan pengakap.

Yang Berhormat juga menyampaikan anugerah Manikayu 2 bead kepada lima orang pemimpin pengakap yang telah berjaya menamatkan latihan kepimpinan pengakap serta menyerahkan kunci perkhemahan kepada Ketua Perkhemahan Pengakap Kebangsaan 2006, Awang Haji Othman Durani.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyerahkan kunci perkhemahan kepada Ketua Perkhemahan Pengakap Kebangsaan 2006, Awang Haji Othman Durani.

TIDAK dapat dinafikan institusi pendidikan swasta (IPS) banyak membantu mengukuhkan wahana proses pembelajaran dan pengajaran di negara ini. Perkembangan IPS yang begitu pesat ketika ini juga dapat membantu mengembangkan industri pendidikan dan pertumbuhan ekonomi, di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Seperti juga di negara-negara lain, IPS membantu menawarkan pilihan tempat belajar bukan sahaja kepada penuntut-penuntut sekolah di peringkat tadika, prasekolah, sekolah rendah dan menengah malah sehingga ke pengajian tinggi di peringkat diploma, ijazah dan lain-lain.

IPS juga menawarkan pelbagai jurusan pembelajaran seperti tuisyen, pendidikan atau kursus komputer, kursus muzik, jurusan perdagangan, kemahiran seperti jahitan dan sebagainya.

Sambil menggalakan lebih banyak lagi IPS ditubuhkan, masyarakat tempatan termasuk luar negara yang ingin melanjutkan pelajaran di negara ini juga tentunya mengharapkan pendidikan di IPS benar-benar memenuhi dasar dan 'standard' kurikulum kerajaan, di samping berkualiti tinggi.

IPS

Sehingga akhir tahun 2006 ini terdapat 172 buah institusi pengajian tinggi, sekolah formal, sekolah tuisyen, sekolah komputer dan pusat kemahiran swasta di keempat-empat daerah yang berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Swasta, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Jumlah tersebut melibatkan empat buah sekolah menengah; sebuah sekolah rendah; 15 buah tadika; 13 buah sekolah menengah/ rendah dan tadika; 54 buah sekolah rendah dan tadika; lapan buah sekolah (kursus) / pengajian tinggi; 58 buah tuisyen; 10 buah sekolah kom-

puter; tujuh buah sekolah muzik dan dua buah sekolah (kursus) kemahiran.

Sementara itu, sejumlah 29 peratus dari keramaian keseluruhan pelajar di negara ini menuntut di IPS. Jumlah ini menunjukkan suatu yang signifikan dalam sistem persekolahan di negara ini.

Jumlah tersebut dikira signifikan bagi sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk sekitar 380 ribu orang. Diharapkan pada masa hadapan lebih banyak lagi IPS akan ditubuhkan terutama bagi kursus-kursus di peringkat diploma dan ijazah.

PELUANG

Kewujudan IPS ini setentunya dapat memberikan peluang atau pilihan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti pembelajaran dan tidak semata-mata tertumpu kepada sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan kerajaan.

Bagi para pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran di institusi-institusi pendidikan kerajaan termasuk mereka yang tidak berjaya mengikuti kursus-kursus diploma atau ijazah maka IPS boleh menjadi pilihan atau alternatif kepada mereka.

Begitu juga bagi mereka yang sudah bekerja tetapi masih ingin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau ingin mempelbagai ilmu pengetahuan

INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA

'Mengembangkan industri pendidikan, pertumbuhan ekonomi'



Oleh : Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

dalam jurusan-jurusan tertentu maka IPS juga menyediakan kelas-kelas selepas waktu bekerja.

Sebilangan pekerja sanggup menggunakan sebahagian masa dan mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi untuk mengikuti kursus-kursus komputer, perdagangan dan seumpamanya dalam usaha meningkatkan prestasi kerjaya mereka.

Banyak di antara mereka bukan sahaja berjaya menamatkan kursus-kursus tertentu tetapi juga berjaya dalam kerjaya mereka selepas ini. Ini bukan sahaja dari segi peningkatan prestasi kerja malahan banyak yang berjaya melamar kenaikan pangkat.

EKONOMI

Di sesetengah negara, IPS mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui apa yang disebut sebagai industri 'pelancangan pendidikan'. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Australia, Jerman, Switzerland, Mesir dan seumpamanya mampu meraih keuntungan dari kedatangan ramainya penuntut luar negeri.

Industri pendidikan ini mampu memberikan pulangan berbilion atau berjuta-juta ringgit kepada negara-negara terlibat. Ini

bukan sahaja dari hasil yuran pendidikan yang diterima tetapi juga melalui industri penerbangan, perhotelan, penginapan, pengangkutan, restoran, perkhidmatan dan lain-lain lagi.

Pada akhir-akhir ini negara-negara jiran seperti Malaysia dan Republik Singapura juga telah memanfaatkan kedatangan penuntut-penuntut luar negeri sebagai sebahagian dari usaha menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Sebab itulah sebilangan negara berusaha menjadikan 'kecemerlangan pendidikan' sebagai agenda untuk mendatangkan lebih ramai penuntut luar negeri belajar di negara mereka.

POTENSI

Potensi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah pusat pendidikan yang cemerlang suatu hari nanti tidak mustahil untuk dicapai. Kemampuan sumber kewangan di pihak kerajaan atau swasta memang ada dan ini patut dimanfaatkan sebaiknya.

Ciri-ciri lain, kita mempunyai dasar pendidikan yang baik seperti juga Malaysia dan Republik Singapura yang diselaraskan dari sistem pendidikan British. Kurikulum pendidikan di ne-

gara ini juga agak baik dan akan direvisi dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan dengan peredaran zaman.

Beberapa tahun yang lepas kita didedahkan tentang berita sebilangan pelajar dari negara sahabat yang sedang melanjutkan pengajian di IPS tempatan menghadapi masalah. Apa yang ingin ditekan di sini ialah bahawa terdapat minat dan keyakinan penuntut-penuntut dari luar negeri terhadap dasar dan kualiti pendidikan kita.

Peluang dan keyakinan tersebut sepatutnya direbut dan dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkenaan terutama pengusaha-pengusaha IPS tempatan. Serba sedikit kita sudah boleh berbangga dengan kewujudan 172 IPS bagi menampung keperluan pelajar tempatan terutama di peringkat rendah dan menengah.

Kita mengharapkan beberapa buah IPS peringkat pendidikan tinggi tempatan yang menawarkan kursus-kursus diploma, ijazah dan sebagainya itu bukan sahaja akan terus bertambah bilangannya tetapi juga mampu mendatangkan seberapa ramai pelajar dari luar negeri.

KUALITI

Apa yang penting dan sangat diharapkan ialah kualiti pembelajaran dan pengajaran IPS khususnya dan di negara ini umumnya hendaklah 'berkelas' antarabangsa. Kita mesti mewujudkan institusi-institusi pendidikan yang 'berjenama'. Graduan atau lulusan dari negara ini laku di pasaran

kerja di luar negeri.

Menyentuh mengenai kualiti pendidikan ini, ia banyak bergantung kepada sistem pendidikan, kurikulum, keupayaan tenaga pengajar, prasarana, peralatan dan sebagainya.

Kita yakin ia juga akan dapat dicapai dengan adanya usaha Kementerian Pendidikan memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 bagi memastikan sistem pendidikan di negara ini mempunyai kemampuan untuk memberikan yang terbaik bagi pembangunan bangsa dan negara dalam semua keadaan di era globalisasi ini.

Menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, antara yang akan ditekankan dalam sistem itu nanti termasuklah perubahan dalam sistem penilaian, mewujudkan pelbagai 'pathway', memantapkan penguasaan bahasa Inggeris, meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Melayu.

Sistem pendidikan negara yang baru itu juga akan memberikan peluang kepada penuntut-penuntut memajukan diri mengikut kemampuan, kecenderungan, kebolehan dan minat mereka yang berbeza.

DIALU-ALUKAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan penglibatan sektor swasta

khususnya dalam menyediakan prasarana pendidikan di negara ini.

Pada masa yang sama untuk perhatian dan ingatan kita semua ada baiknya dicatatkan petikan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Perasmian Kompleks Sekolah Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Kampung Sungai Akar pada 27 November 2006 yang lepas. DYTMM antara lain bersabda menekankan:

"Kerajaan juga berharap penglibatan sektor swasta ini akan menawarkan 'competitive edge' bagi meningkatkan industri pendidikan serta komersial negara.

"Sektor swasta yang terlibat dalam bidang pendidikan juga diharapkan akan dapat menandai aspirasi negara bagi membentuk warga yang berilmu dan berkualiti melalui sistem pendidikan berkualiti.

"Dalam masa yang sama, Kementerian Pendidikan hendaklah juga memainkan peranannya dalam memastikan sektor pendidikan swasta tidak mengabaikan keperluan yang diberikan oleh ibu bapa kepada sekolah-sekolah swasta dalam mendidik anak-anak.

"Kos pengurusan sekolah seharusnya tidak dijadikan keutamaan semata-mata, namun tindakan dalam menanganinya perlu diimbangi dengan peningkatan kualiti pendidikan yang diberikan."

AGAMA

Menjunjung kesucian Al-Qur'an

Oleh: Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 21 November.- Pemangku Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja dan pemimpin negara yang menjunjung tinggi kesucian dan kemuliaan Al-Qur'an.

Menurut Dato Paduka, baginda sentiasa menekankan supaya kita rakyat di negara ini mempunyai kesungguhan, keazaman dan kegigihan agar sentiasa berkembang maju dalam pelbagai aspek kehidupan.

Dato Paduka berkata demikian di Majlis Musabqah Tilawatil Qur'an Peringkat Kementerian Kali Ke-10

bersamaan tahun 1427H/2006M berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Baginda mahu melihat rakyat yang dikasihi baginda untuk memiliki taraf dan cara hidup yang lebih baik, progresif dan berdaya saing, bersandarkan kepada dua elemen penting iaitu ilmu pengetahuan dan penghayatan ajaran Islam," ujar Dato Paduka.

Dato Paduka berharap semoga kehadiran semua pada majlis itu dapat meningkatkan akidah dan iman dalam kehidupan beragama serta diberikan kekuatan dan kerukunan hidup dalam bermasyarakat dan bernegara.

Seramai 12 orang qari dan 11 qariah mewakili kementerian masing-masing

telah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an pada peringkat saringan yang diadakan pada 14 November lalu dan dari jumlah tersebut hanya empat qari dan empat qariah sahaja terpilih ke peringkat akhir.

Awang Haji Metassim bin Haji Bungsu wakil dari Kementerian Pendidikan menjadi johan bagi kategori qari dengan menerima sebuah piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, tiket umrah dan wang tunai \$3,000.00.

Sementara itu Dayang Suryati binti Haji Abdul

Rahman wakil dari Kementerian Hal Ehwal Ugama muncul sebagai johan bagi kategori qariah dengan menerima sebuah piala sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, tiket umrah dan wang tunai \$3,000.00.

Penyampian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan itu disempurnakan oleh Pemangku Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof.

Pertandingan yang bertemakan 'Menghayati Islam Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' di-kendalikan oleh Kementerian Perhubungan.



PEMANGKU Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid hadir selaku kehormat di Majlis Musabqah Tilawatil Qur'an Peringkat Kementerian Kali Ke-10. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA ... KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA ...

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Allahuakbar.

ALHAMDULILLAH, marilah kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan taufiq dan hidayah serta nikmat-Nya yang tidak terhingga kepada kita. Nikmat adalah merupakan satu anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang semestinya kita syukuri dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Apabila yang jelas, umat Islam pada hari ini telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan dua nikmat yang besar iaitu:

Pertama: Sebahagian umat Islam pada ketika ini mendapat nikmat kerana menjadi Duyufurrahman atau tetamu Allah di Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji.

Kedua: Bagi kita yang tidak menunaikan ibadah haji, masih berpeluang menikmati dan menghayati syiar Aidiladha yang agung dan bermakna dalam suasana yang selesa, rukun damai, sejahtera dan sentiasa berada di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

Sebagaimana yang sama-sama kita ketahui bahawa pada hari ini umat Islam yang sedang mengerjakan ibadah haji di Mekah sedang sibuk melaksanakan menasiq haji, sama ada sedang membuat lontaran jumrah aqabah di Mina, sedang melakukan tawaf dan

KHUTBAH PERTAMA

sai atau ibadah-ibadat yang lainnya.

Manakala sebelum ini mereka telah melakukan wukuf di Padang Arafah yang merupakan rukun dan kemuncak bagi amalan haji dengan memakai pakaian ihram yang serba putih sebagai melambangkan kesatuan ummah dan ketulusan hati bagi sama-sama menyahut panggilan Ilahi, di samping mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala dengan laungan talbiah yang penuh semangat dan menusuk hati yang dilafazkan berulang-ulang kali sambil menitis air mata kegembiraan dan merasa bersyukur kerana diberikan kesempatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan ibadah haji.

Jika kita imbas kembali sejarah, di Padang Arafah itulah Nabi Adam Alaihissalam dan Sayidatina Hawa dipertemukan semula setelah terpisah sekian lama akibat melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala kerana memakan buah laranan di syurga. Di Padang Arafah itulah juga zuriat atau keturunan Adam Alaihissalam dan Sayidatina Hawa datang dari se-

IBADAT HAJI MENDIDIK UMAT ISLAM DALAM BEBERAPA ASPEK

lahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa Baginda telah bersabda: Orang-orang yang menunaikan haji dan umrah itu adalah tetamu Allah. Jika mereka berdoa kepadanya, nescaya Allah akan memakbulkannya, jika mereka memohon keampunan kepada-Nya nescaya Allah akan mengampunkan mereka." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

Ibadah haji adalah kemuncak Rukun Islam yang lima. Kalau kita perhatikan, sebenarnya ibadah haji boleh mendidik umat Islam dari beberapa aspek, umpamanya, para bakal jemaah haji perlu mempunyai persediaan yang cukup, seperti perbelanjaan untuk diri sendiri semasa dalam menunaikan fardu haji dan orang-orang yang di bawah tanggungan yang akan ditinggalkan yang mana perkara ini akan mendorong umat Islam untuk rajin berusaha mencari rezeki yang halal bagi kepentingan dunia dan akhirat.

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Haji yang mabrur itu tidak ada balasannya yang lain selain daripada syurga." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Di samping itu juga mereka yang menunaikan ibadah haji mendapat beberapa kelebihan yang lain, antaranya, doa mereka diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan jika mereka memohon keampunan, nescaya Allah mengampuni dosa-dosa mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

sangat diperlukan untuk kita menunaikan ibadah haji dengan sempurna, ini akan menggalakkan umat Islam supaya berusaha menjaga kesihatan jasmani dan rohani.

Selain itu jemaah haji juga perlu memahami cara-cara pelaksanaan menasiq haji dengan betul iaitu dengan mematuhi segala rukun-rukun wajib-wajib haji, sunat-sunat dan adab-adabnya. Perkara ini akan menimbulkan kesedaran umat Islam untuk sentiasa menimba ilmu pengetahuan agar tidak merasa ragu-ragu dalam melaksanakan apa jua amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dan tidak hanya terikut-ikut atau meniru apa yang orang lain lakukan.

Jemaah haji juga hendaklah memastikan keselamatan dan kesejahteraan semasa di dalam perjalanan, sama ada dari segi keselamatan nyawa mahupun harta benda. Ini akan mendorong umat Islam agar sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam apa jua keadaan.

Sebagaimana yang kita maklumi, ibadah haji yang dilakukan di Tanah Suci Mekah, selain menyahut panggilan Ilahi, ia juga sebagai perhimpunan agung

umat Islam sedunia, yang dihadiri oleh pelbagai bangsa. Ini memberi kesempatan bagi seluruh umat Islam untuk saling mengenal, mengeratkan hubungan silaturahmi, bekerjasama, hormat-menghormati dan mengukuhkan perpaduan umat Islam seluruhnya.

Memperkatakan tentang ibadah korban pula, sebenarnya ibadah korban itu mendidik umat Islam supaya bersifat dermawan dan murah hati, kerana semua nikmat yang ada pada hakikatnya adalah pinjaman dan amanah Allah Subhanahu Wata'ala, yang kelak pasti akan diambilnya satu persatu, maka segala nikmat yang ada pada diri kita hendaklah dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Oleh itu bagi mereka yang mampu, lakukanlah penyembelihan korban pada setiap tahun, yang dagingnya dijadikan sedekah kepada fakir miskin dan boleh dijadikan hadiah kepada orang-orang yang mampu seperti jiran tetangga serta rakan taulan yang beragama Islam. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari A'isyah Radiallahuanha bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda: Tiada ada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari menumpahkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya dan bulu-bulunya dan kukunya dan bahawasanya darah korban itu mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih." (Riwayat Al-Imam At-Termizi).

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kautsar, ayat 1 - 3 tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu wahai Muhammad kebaikan yang banyak di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus dari mendapat sebarang perkara yang diingini."

Pengorbanan hendaklah disertai dengan keikhlasan

KHUTBAH KEDUA

Ibrahim Alaihissalam teruji lagi apabila Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan untuk menyembelih anak kesayangannya Ismail sebagai korban. Alangkah hebatnya pengorbanan yang ditunjukkan oleh mereka berdua apabila Nabi Ismail sendiri menyatakan kepada ayahnya supaya melaksanakan apa yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu tanpa ragu-ragu sambil berkata:

"Aku hanya meminta dalam melaksanakan perintah Allah itu agar ayah mengikatku kuat-kuat supaya aku tidak banyak bergerak sehingga menyusahkan ayah. Kedua, agar menanggalkan pakaiannya supaya tidak terkena darahnya yang dapat menyebabkan berkurangnya pahala dan terharunya ibuku bila melihatnya. Ketiga, tamlaklah parangmu dan percepatkanlah pelaksanaan menyembelih agar meringankan penderitaan dan rasa pedihku. Keempat, sampaikanlah salamu kepada ibuku, beriklanlah kepadanya pakaiannya ini untuk menjadi penghiburnya dalam kesedihan dan cenderahati serta kenang-kenangan baginya dari putera tunggalnya."

Kemudian Nabi Ibrahim memeluk Nabi Ismail Alaihissalam dan mencium pipinya lalu berkata: Bahagialah aku mempunyai seorang putera yang taat kepada Allah, berbakti kepada orang tua dengan ikhlas hati menyerahkan dirinya untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara ini merupakan satu ujian yang dahsyat dan menyayat hati kerana sejak muda lagi Nabi Ibrahim telah bercita-cita untuk memperolehi anak yang soleh. Tetapi setelah mendapat anak dalam usia yang lanjut, baginda diperintahkan pula untuk menyembelihnya dengan tangannya sendiri.

Saat penyembelihan yang mengerikan pun tiba, diikatlah kedua tangan dan kaki Nabi Ismail, dibaringkan di atas lantai, lalu Nabi Ibrahim pun mengambil parang tajam yang sudah tersedia. Sambil memegang parang di tangannya dengan kedua mata Nabi Ibrahim yang bergenang dengan air mata berpindah memandang dari wajah puteranya ke parang yang mengilap di tangannya, seakan-akan pada masa itu hati baginda menjadi tempat pertarungan di antara perasaan seorang ayah di satu pihak dan kewajipan seorang rasul di lain pihak. Pada akhirnya dengan memejamkan matanya, parang diletakkan di leher Nabi Ismail dan penyembelihan pun dilakukan. Akan tetapi, parang yang sudah sedemikian tajamnya itu ternyata tidak dapat berfungsi sebagaimana semestinya. Apabila Nabi Ismail merasa bahawa parang itu tidak memotong lehernya, berkatalah ia kepada ayahnya: Wahai ayahku! Rupa-rupanya engkau tidak sampai hati memotong leherku kerana melihat wajahku, cubalah telengkupkan aku dan laksanakanlah tugas tanpa melihat wajahku.

Akan tetapi parang itu tetap tidak berdaya mengeluarkan setitis darah pun dari daging Nabi Ismail walau ia telah ditelengkupkan dan dicuba memotong lehernya dari belakang.

Dalam keadaan bingung dan sedih hati kerana gagal dalam usaha menyembelih puteranya, datanglah wahyu Allah kepada Nabi Ibrahim dengan firman-Nya dalam Surah Ash-Shaaffat, ayat 104 - 108 yang tafsirnya:

"Wahai Ibrahim! Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata. Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar. Dan Kami kekalkan baginya nama

yang harum dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian."

Kejadian tersebut merupakan suatu mukjizat dari Allah Subhanahu Wata'ala yang menegaskan bahawa perintah pengorbanan Nabi Ismail itu hanya suatu ujian bagi Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail sampai sejauh mana rasa cinta dan taat mereka kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan inilah asal permulaan sunat berkorban yang dilakukan oleh umat Islam pada setiap Hari Raya Aidiladha di seluruh dunia.

Demikianlah kisah perjuangan dan pengorbanan agung yang dicontohkan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarganya dan mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kesabaran, keimanan dan ketakwaannya yang sememangnya sukar dilakukan oleh manusia biasa seperti kita. Oleh itu marilah kita menanamkan sifat ingin berkorban umpamanya berkorban wang ringgit, masa, fikiran, tenaga dan sebagainya dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Tetapi apa yang paling penting, setiap pengorbanan itu hendaklah disertai dengan keikhlasan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 124 tafsirnya:

"Dan ingatlah, ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah suruhan dan larangan, maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. Setelah itu Allah berfirman: Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia. Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: Jadikanlah juga apalah jua kiranya dari keturunanku pemimpin-pemimpin ikutan. Allah berfirman: Permohonanmu diterima, tetapi janji-Ku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim."

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

AIDILADHA atau Hari Raya Haji adalah merupakan salah satu di antara hari-hari yang besar dalam Islam yang mesti dibesarkan menurut selayaknya dengan takbir, bersembahyang sunat Hari Raya dan menyembelih binatang korban.

Sebagaimana yang kita maklumi Aidiladha mengandungi kisah sejarah agung iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam bersama isterinya Siti Hajar dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang sepatutnya dicontohi oleh segenap lapisan masyarakat dalam membina sahsiah diri dan seterusnya meraih kecemerlangan yang meliputi aspek jasmani dan rohani, duniawi dan ukhrawi. Kisah ini mengandungi nilai ketaatn dan kesabaran yang luar biasa yang tiada tolak bandingnya.

Dalam peristiwa itu, Nabi Ibrahim Alaihissalam telah diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala untuk membawa isterinya Siti Hajar, bersama puteranya Ismail yang masih menyusui, meredah padang pasir yang luas dengan keadaan cuaca yang panas terik di waktu siang dan terlalu dingin di waktu malam dari Palestin menuju ke Mekah, yang jarak di antara kedua-duanya melebihi seribu batu. Betapa sulit dan susahnyanya perjalanan pada waktu itu, hingga akhirnya sampai di suatu tempat yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu di suatu lembah yang gersang yang tidak ada tumbuh-tumbuhan. Bayangkanlah betapa susahnyanya kehidupan mereka di tempat yang sedemikian tanpa ada sumber makanan dan minuman.

Kemudian, demi untuk mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan perasaan sedih, baginda meninggalkan

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.

Pengorbanan dan kesabaran Nabi

PERSIAPAN KEMPEN 'KENALI NEGARA KITA' SEDANG DILAKSANAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember 2006.- Mesyuarat Kelima Lembaga Pelancongan Brunei memperjelaskan kepada Ahli-ahli Lembaga mengenai perancangan-perancangan dan persiapan-persiapan yang sedang dilaksanakan bagi Kempen Kenali Negara Kitani (KNK).

Kempen itu dihasratkan untuk mempromosikan kepada penduduk-penduduk tempatan konsep melawat tempat-tempat menarik dan menikmati aktiviti-aktiviti pelancongan dalam negeri pada masa yang sama melahirkan kesedaran masyarakat tempatan tentang kepentingan industri pelancongan terhadap ekonomi negara dan peluang pekerjaan.

Dalam mesyuarat yang diadakan pada 16 Disember lepas, di Hotel Orkid Garden itu pihak lembaga juga mengemaskinikan kedudukan Pusat Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer sebagai projek utama produk pelancongan Brunei yang sedang dirancang dan akan siap pada tahun

2008.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab juga telah mengetengahkan pelan-pelan dan projek-projek masa depan yang akan menghasilkan impak signifikan kepada industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Bahagian Pemasaran Jabatan Pembangunan Pelancongan dan mengenai pelan strategik perniagaan oleh Pengurusan Kanan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Bahagian Pemasaran Jabatan Pembangunan Pelancongan antaranya juga telah menyediakan pelan pemasaran tahun depan, menggariskan aktiviti-aktiviti dan peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi yang dihasratkan dapat mencapai objektif-objektif yang

disediakan oleh lembaga tersebut.

Ahli-ahli Lembaga juga mengalu-alukan pelan penyatuan pemasaran Jabatan Pembangunan Pelancongan dan RBA dalam beberapa bidang terutama dari segi sasaran pasaran, meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi dan strategi-strategi pemasaran.

Juga dipersetujui dalam mesyuarat itu ialah, ketika mempromosikan pelancongan ke Brunei, RBA dan pelancongan Brunei akan bekerjasama untuk memanfaatkan sumber-sumber yang ada.

Ahli-ahli Lembaga juga mendengar pelbagai prestasi dan perancangan serta membincangkan semasa sesi soal jawab dan berkeyakinan bahawa apabila semua pelan-pelan yang dicadangkan dilaksanakan, negara boleh mengharapkan perkembangan berterusan dalam industri pelancongan, di samping manfaat ekonomi.

Pelancongan Brunei adalah Jabatan Pem-

angunan Pelancongan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Negara Brunei Darussalam yang bertanggungjawab dalam mempromosikan negara ini sebagai destinasi pilihan dan bertindak sebagai sekretariat dan pelaksanaan mandat pelancongan Brunei.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Pelancongan Brunei
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673 2382822
Berhubung : Jeffery Sunnylai / Fax : +673 2382824
Email : jeffry@brunettourism.travel
Website : www.brunettourism.travel

BELIA



PELAJAR-PELAJAR Tingkatan Empat yang menyertai Perkhemahan 'Sayangi Diri' anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Perkhemahan membentuk remaja sihat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Rabu, 13 Disember. - Pengerusi Kumpulan Syarikat-syarikat Adinin, Awang Haji Adinin menyeru para belia yang menyertai Perkhemahan 'Sayangi Diri' supaya siap siaga dan menjauhi diri dari perkara negatif dan yang bertentangan dengan undang-undang khususnya penyalahgunaan dadah.

Beliau penuh yakin perkara sedemikian merupakan jaminan sebagai penentu terhadap masa depan mereka dan ianya akan dapat menyumbang kepada keadaan suasana yang harmoni dan pada masa yang sama akan dapat meningkatkan perkembangan ekonomi yang lebih mantap

sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berucap di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Perkhemahan 'Sayangi Diri,' beliau seterusnya menyatakan bahawa syarikatnya telah membuka pelbagai peluang pekerjaan kepada bumiputera, di samping memberikan kerjasama kepada institusi pendidikan dengan memberikan ruang penempatan kepada para siswa dan siswi yang pada masa ini sedang menjalani pelbagai kursus.

Seramai 40 orang pelajar Tingkatan Empat dari lima

buah sekolah menengah kerajaan di daerah ini menyertai perkhemahan selama tiga hari anjuran Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah bertemakan 'Menjana Remaja Berwawasan' diadakan di Kompleks Sukan Mumong di sini.

Beberapa program dijalankan sepanjang perkhemahan antaranya menjemput beberapa agensi bagi mengongsikan pengalaman mereka berhubung dengan tugas masing-masing antaranya Biro Kawalan Narkotik, Polis Diraja Brunei, Penjara, Kesihatan, Pembangunan Masyarakat, Pusat Da'wah Islamiyah dan

Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Menurut statistik BKN bilangan tangkapan di daerah ini sahaja dari bulan Januari hingga November tahun ini seramai 63 orang, dari jumlah tersebut 50 orang dari mereka adalah lelaki dan perempuan 13 orang majoritinya berbangsa Melayu. Kebanyakan mereka yang ditangkap itu terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam seramai 51 orang, penduduk tetap tujuh orang, warga negara asing tiga orang dan stateless seorang.

Perkhemahan antara lain bertujuan memberikan kefahaman kepada remaja apa yang perlu ada pada diri seseorang sebagai ahli masyarakat luaran mahupun masyarakat sekolah serta mewujudkan warga sekolah dengan tidak ada perbezaan di antara satu sama lain dari segi sosial.

PERADUAN MELUKIS MASKOT DAN COGAN KATA BAGI KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA ANJURAN BAHAGIAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI

PENGENALAN

DALAM sebahagian usaha menyemai kesedaran dan keprihatinan kepada orang ramai akan pentingnya Kecekapan dan Penjimatan Tenaga, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan peraduan untuk dijadikan sebagai Maskot dan Cogan Kata.

Lukisan Maskot dan Cogan Kata yang berjaya dalam peraduan ini akan digunakan sebagai Maskot dan Cogan Kata bagi Kecekapan dan Penjimatan Tenaga.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

1. Penyertaan dibukakan kepada semua warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
2. Berumur tidak kurang dari 14 tahun pada 6 Januari 2007.
3. Setiap penyertaan boleh mengandungi lebih dari satu lukisan lukisan Maskot dan Cogan Kata.
4. Setiap penyertaan boleh mengandungi Maskot + Cogan Kata; Maskot sahaja atau Cogan Kata sahaja.
5. Setiap Maskot mestilah diberi nama.
6. Setiap cogan kata mestilah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan boleh digunakan atau bersesuaian dalam pengertian kedua-dua bahasa.
7. Setiap peserta hendaklah menerangkan alasan atau sebab di sebalik ciptaan watak atau keperibadian Maskot tersebut termasuklah pengertian skim warna yang digunakan.
8. Setiap penyertaan adalah secara automatik menjadi hak milik Penganjur iaitu Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.
9. Pihak Penganjur berhak secara mutlak untuk memilih lukisan Maskot dan Cogan Kata yang berjaya dan juga pihak Penganjur berhak untuk menggabungkan untuk penerbitan.
10. Pihak Penganjur berhak kepada Maskot dan Cogan Kata yang berjaya untuk digunakan bagi sebarang penerbitan dan juga sebarang tujuan lain.
11. Ukuran atau saiz lukisan Maskot hendaklah 21 cm x 15 cm (separuh saiz A4).

12. Penggunaan alat-alat lukisan dan media
 - a. Warna air atau warna poster atau
 - b. Pensel warna atau
 - c. Crayon atau campuran kedua-dua bahan di atas atau
 - d. Disket atau CD dalam bentuk format JPEG (hendaklah disertakan dalam bentuk gambar cetak dan juga soft copy).
13. Setiap reka cipta hendaklah datang dari idea yang tulen, asli dan tersendiri.
14. Maskot hendaklah mencerminkan perspektif Brunei.
15. Cogan Kata hendaklah tidak melebihi daripada lima (5) patah perkataan yang mencerminkan perspektif Brunei yang berkisar dengan Kecekapan dan Penjimatan Tenaga dan
16. Cogan Kata hendaklah menggunakan fon yang terang dan mudah dibaca.

PENGHANTARAN

1. Semua penyertaan hendaklah menyatakan butir-butir seperti berikut dengan menyertakan bersama salinan Kad Pengenalan:-
 - a. Nama :
 - b. Alamat :
 - c. Nombor Kad Pengenalan :
 - d. Tarikh Lahir :
 - e. Nombor Telefon untuk Perhubungan.
2. Lukisan dan Cogan Kata hendaklah dihantar menggunakan sampul-sampul dengan ditulis 'PERADUAN MELUKIS MASKOT DAN COGAN KATA KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA' dan menghantarnya kepada:-
BAHAGIAN TENAGA,
JABATAN PERDANA MENTERI,
ISTANA NURUL IMAN,
JALAN TUTONG,
BANDAR SERI BEGAWAN BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani ketika merasmikan Perkhemahan Tahunan Pasukan Kadet Polis (PKP) Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Seluruh Negara yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan, Berakas. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Akur tatacara hidup berpasukan

BERAKAS, Sabtu, 9 Disember. - Keahlian kadet polis merupakan satu persetujuan para penuntut akur dengan tatacara hidup berpasukan di mana mereka berkesempatan memahami budaya tersebut dan mempelajari pelbagai perkara yang besar kemungkinan tidak termasuk dalam 'syllabus' sekolah.

Hidup berpasukan merupakan satu cabaran yang besar bagi seorang penuntut terutama sekali mereka yang masih manja ataupun bergantung kepada orang tua dan peradian mereka apabila membuat sesuatu perkara.

Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani menyatakan demikian di Majlis Perasmian Perkhemahan Tahunan (PKP) Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Seluruh Negara berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, di sini.

Menurut Yang Dimuliakan, dengan adanya perkhemahan tahunan PKP, ia mencerminkan sokongan padu dan kerjasama yang erat semua pihak yang terlibat terhadap aktiviti bersama yang diunkayahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Ko-Kurikulum yang merupakan salah satu aktiviti penting di

dalam kalendar tahunan PKP.

"Saya telah difahamkan bahawa pasukan ini telah mempunyai ahli seramai 1,567 orang pada hari ini," jelas Pesuruhjaya Polis.

Pada majlis itu Yang Dimuliakan berkata, beliau harus mengamalkan cara hidup sihat supaya tidak terlibat dalam kegiatan antisosial, jenayah dan menghindari dari dadah serta per-

Oleh : Maslina Awang Kurus

gaulan bebas yang boleh merosakan akhlak yang jika tidak dikawal dengan baik boleh menjadi bara yang akan menghancurkan individu serta memberi kesan kepada budaya, bangsa dan negara kita.

Seramai lebih 243 orang penuntut dari 17 sekolah menengah dan maktab mengikuti perkhemahan

tersebut.

Program tersebut memberi makna yang besar kepada para penuntut kerana berkesempatan mengenali seni dan budaya negara seperti mengenali dan mengekalkan identiti diri sebagai rakyat yang sentiasa berbangsa dan berkebangsaan Melayu Islam Beraja.



PESURUHJAYA Polis berbual mesra bersama beberapa orang anggota PKP dari sekolah-sekolah menengah dan maktab di negara ini. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Program Pembangunan Kepimpinan tingkatkan kemahiran pegawai

RIMBA, Isnin, 11 Disember. - Para pegawai kerajaan telah diberikan taklimat mengenai Program Pembangunan Kepimpinan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi mengetuai satu-satu pertubuhan ke arah kecemerlangan, bertukar-tukar idea dalam perkembangan dan kemajuan terbaru.

Program yang bertujuan memberikan pengalaman dalam aspek amali dalam inovasi sektor awam dan pemodenan serta menyediakan landasan bagi rangkaian kerja lebih baik di kalangan sektor awam.

Sehubungan itu Program Pembangunan Kepimpinan anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) Negara Brunei Darussalam dan Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN)

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

itu berlangsung di IPA di sini.

Para pegawai yang terlibat juga diberikan taklimat mengenai sektor awam di Negara Brunei Darussalam sebagai pengenalan dalam meneruskan objektif agenda program.

Taklimat disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Program selama seminggu itu termasuk penyampaian kertas kerja mengenai analisis dasar awam dalam sektor awam, mempelajari pelaksanaan organisasi dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan isu-isu pengurusan prestasi kerja dan cabaran oleh

para penceramah tempatan.

Seramai 30 orang pegawai kanan termasuk 15 peserta dari Malaysia menyertai program berkenaan.

Mereka terdiri dari pegawai kerajaan yang telah berkhidmat selama 10 hingga 15 tahun.

Melalui program ini para peserta boleh membina kemahiran baru dan berupaya menangani perubahan ketika ini dengan lebih berkesan lagi dan membantu para peserta memahami perubahan persekitaran Perkhidmatan Awam dan menyediakan landasan bagi rangkaian kerja yang lebih baik di kalangan para pegawai sektor awam kedua-dua buah negara.



PARA pegawai yang menyertai Program Pembangunan Kepimpinan diberikan taklimat mengenai sektor awam di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Aktiviti berbentuk muafakat, riadah dialu-alukan

KOTA BATU, Ahad, 17 Disember. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar berkata

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengalu-alukan penduduk kampung untuk menganjurkan sebarang aktiviti atau



GEMBIRA dengan hasil pancing yang diperolehi di Cabaran Pancing 2006 di sepanjang jambatan Kampung Sungai Matan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

program berbentuk muafakat dan riadah melalui Majlis Perundingan Mukim dan Perunding (MPMK) yang dapat membentuk hubungan erat sesama penduduk kampung.

Dato Paduka menyatakan perkara tersebut pada Cabaran Pancing 2006 berkonsepkan 'Pancing dan Derma' yang diadakan di sepanjang jambatan Kampung Sungai Matan di sini.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada penganjur Cabaran Pancing 2006 kerana berjaya menganjurkannya buat kali keempat sambil berharap supaya program berbentuk muafakat seperti itu diteruskan dari semasa ke semasa dan akan menjadi contoh ikutan yang baik kepada yang lain.

Program itu menerima

sambutan yang amat menggalakkan, di mana dari awal pagi lagi lokasi dibarangi lebih 300 orang terdiri daripada peserta dan juga pengunjung yang ingin menyaksikan kemenangan di Cabaran Pancing itu.

Sementara itu Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal menjelaskan, aktiviti penduduk Kampung Sungai Matan yang diadakan setiap dua tahun sekali itu antara lain bertujuan untuk mengisi tabung anak yatim penduduk kampung berkenaan dan juga tabung Majlis Pe-

rundingan Kampung Sungai Matan, di samping mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan sesama penduduk kampung dan peserta yang bertanding sejajar dengan moto Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan 'Muafakat Perlu Kita Semaikan Dengan Mesyuarat Atau Muzakarah'.

"Cabaran Pancing ini, insya-Allah akan diteruskan lagi pada tahun 2008 sempena dengan Tahun Melawat Brunei," ujarnya.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bagi setiap kategori telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop dan Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar serta beberapa orang ketua kampung di Mukim Kota Batu.

Aktiviti pada musim cuti persekolahan itu memberi peluang kepada kaki pancing untuk memperlihatkan kemahiran mereka beraksi dalam cabaran itu.

Cabaran Pancing 2006 yang dibahagikan kepada lima kategori dan disertai kira-kira 150 peserta terdiri dari peminat sukan berkenaan dan penduduk Kampung Sungai Matan itu berakhir pada pukul 3.00 petang.



PROGRAM Cabaran Pancing 2006 anjuran Kampung Sungai Matan mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk kampung dan pengunjung. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Laporkan kegiatan rasuah kepada BMR



BERAKAS, Sabtu, 9 Disember.- Orang ramai diseru bertindak sebagai mata dan telinga kepada Biro Mencegah Rasuah (BMR) dalam memberikan kerjasama dan melaporkan kegiatan-kegiatan rasuah di negara ini.

"Identiti pelapor atau pemberi maklumat akan dirahsiakan," tegas Timbalan Pengarah BMR, Abang Kifrawi bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah pada Sidang Akhbar sempena Hari Antarabangsa Mencegah Rasuah yang diadakan di Ibu Pejabat BMR di sini.

TIMBALAN Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR), Abang Kifrawi bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah pada Sidang Akhbar sempena Hari Antarabangsa Mencegah Rasuah. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup (kiri).

Oleh : Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kurus

Dalam usaha membendung kegiatan rasuah jelasnya, BMR juga akan sentiasa memantau warga Perkhidmatan Awam yang terlibat dalam rasuah kerana ia merupakan kesalahan jenayah yang merugikan negara.

Pada Sidang Akhbar itu beliau juga menjelaskan bahawa gejala rasuah merupakan masalah global

yang melibatkan sebanyak satu trilion ringgit di negara-negara sedang membangun.

Di negara ini katanya, pelbagai strategi pencegahan telah dibuat oleh BMR termasuk memberikan ceramah kepada pelajar sekolah, anggota masyarakat dan pegawai-pegawai kerajaan.

Selain dari itu tambahan, promosi juga dilakukan melalui peredaran bahas, peredaran menulis cerpen, peredaran mewarna, membuat poster, mencipta lagu khas kepada penuntut sekolah dan hiburan drama bersiri 486 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.


Menurutnya, drama bersiri itu adalah hasil dari kisah benar yang dilakukan semula sebagai iktibar kepada para penonton ten-

tang aktiviti-aktiviti dan kesan negatif dari kegiatan rasuah.

Pada tahun ini, bersempena Hari Antarabangsa Mencegah Rasuah mengagihkan lencana kepada orang ramai ke seluruh negara yang bertemakan 'Anda Boleh Menghentikan Rasuah'.

Hari Antarabangsa Mencegah Rasuah disambut pada 9 Disember pada setiap tahun.

RENCANA



KESIBUKAN ibu bapa dalam membeli buku-buku kerja dan latihan pada salah sebuah kedai buku (kiri dan kanan).

PIKUL tanggungjawab, penuhi impian negara. Dengan semangat dan tekad yang tinggi dalam mengejar impian ke menara gading, para pelajar memulakan penggal pertama persekolahan mereka hari ini.

Musim persekolahan bagi tahun 2007 yang berjumlah 200 hari dibahagikan kepada empat penggal. Penggal pertama bermula pada 3 Januari hingga 15 Mac, penggal kedua bermula 26 Mac hingga 9 Jun, penggal ketiga 25 Jun hingga 6 September dan penggal keempat bermula 17 sehingga 29 November.

Sementara cuti-cuti penggal persekolahan pada tahun ini berjumlah 77 hari yang juga dibahagikan kepada empat penggal termasuk cuti khas bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

Cuti penggal pertama yang berjumlah 10 hari akan bermula pada 16 hingga 25 Mac, manakala cuti penggal kedua berjumlah 15 hari akan bermula 10 hingga 24 Jun. Penggal ketiga bermula 7 hingga 16 September berjumlah 10 hari dan cuti penggal keempat berjumlah 32 hari bermula 30 November sehingga 31 Disember.

Sebelum bermula persekolahan penggal pertama kedai-kedai yang menjual alat persekolahan sesak dikunjungi oleh para ibu bapa dalam memper-

siapkan keperluan para pelajar sebelum melangkah hari persekolahan tahun baru 2007.

Dalam pada itu 'Jualan Kembali Ke Sekolah' memberikan peluang kepada rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam mendapatkan barangan sekolah dengan harga yang murah, menarik dan menggalakkan berbelanja di negara sendiri.

Dalam kesibukan itu, wakil PELITA BRUNEI berkesempatan membuat tinjauan ke beberapa buah lokasi kedai-kedai buku dan menemui beberapa orang peniaga dan para pembeli.

Saidhamohamad, yang telah berniaga selama lebih enam tahun sebagai peniaga buku di kompleks membeli belah di Jalan Muara, menjelaskan stok buku teks, buku kerja dan latihan bagi menampung permintaan orang ramai adalah mencukupi.

"Sebaik sahaja kedai

Penggal pertama persekolahan bermula hari ini

Oleh : Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kurus
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dibuka pagi, ramai pengunjung membeli untuk mendapatkan buku-buku yang dimahukan serta alatan sekolah seperti alat tulis, beg sekolah dan pelapis buku terutamanya sebak sahaja cuti sekolah dan kadang-kadang terpaksa menutup kedainya sehing-

ga lewat malam kerana kunjungan begitu ramai tidak seperti hari biasa," ujar Saidhamohamad.

Di samping itu juga, beliau berharap supaya orang ramai tidak akan cemas dengan stok buku teks dan buku latihan kerana syarikatnya mem-

punyai stok yang mencukupi dan syarikatnya juga ada memberikan potongan harga yang menarik.

Menurutnya lagi, kedainya menyusun buku-buku teks dan kerja mengikut susunan darjah serta tingkatan supaya memudahkan para pelanggan untuk mencari dan mendapatkannya apatah lagi dengan pertolongan para penjual.

Manakala Rona Said, 30 tahun, seorang pengunjung yang mempunyai empat orang anak berkata dalam membelikan barangan keperluan sekolah ia akan memberikan keutamaan kepada anak-anaknya yang akan menduduki peperiksaan penting iaitu Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR).

"Saya lebih mementingkan buku-buku latihan dan kerja untuk anak-anak berbanding segala peralatan alat tulis dan beg kerana ianya yang lama masih boleh dipakai," ujarnya.

Menurutnya lagi, beliau telah mula mempersiapkan barangan keperluan persekolahan anak-anaknya selepas sahaja Hari Raya Aidilfitri yang lepas seperti membeli buku-buku kerja dan latihan, alat tulis serta beg sekolah.

Pengiran Hajah Sarbanun binti Pengiran Haji Abas menyatakan, barangan alat tulis dan barang sekolah sudah dibeli sewaktu bercuti ke luar negara.

kedai buku Kompleks Delima membeli buku latihan dan buku kerja untuk anaknya.

Menurutnya, barangan alat tulis dan barang sekolah yang lain telah pun dibelinya di kesempatan-sewaktu melancong ke luar negara semasa waktu cuti persekolahan.

"Pada awal tahun saya selalu memastikan alat keperluan sekolah anak-anak saya mencukupi seperti anak-anak sekolah yang lain kerana bagi saya ini mendorong mereka supaya belajar lebih tekun dan bersungguh-sungguh," jelasnya.

Dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh pihak sekolah seperti memberikan senarai buku dan peralatan sekolah sebelum cuti persekolahan memudahkan para ibu bapa/penjaga untuk membeli peralatan sekolah dan buku-buku latihan yang sepatutnya dibeli.



"SYARIKAT kami memberikan potongan harga yang menarik bagi buku-buku dan peralatan sekolah," jelas Saidhamohamad.



"... PERSIAPAN barangan keperluan persekolahan seharusnya dibuat lebih awal," kata Rona Said.



PENGIRAN Hajah Sarbanun binti Pengiran Haji Abas menyatakan, barangan alat tulis dan barang sekolah sudah dibeli sewaktu bercuti ke luar negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama putera-putera baginda dan rakyat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha bertempat di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman. (Lagi gambar-gambar di muka 8 & 9).

Berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama-sama rakyat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha bertempat di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Kiarong di sini.

Terdahulu, keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-

Hari Kebesaran Islam Tahun 1427 Hijrah beserta ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama menunaikan sembahyang sunat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sembahyang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Manakala khutbah dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Yang Berhormat dalam khutbah tersebut antara lain menyentuh mengenai dengan pengaruh, kedudukan agama Islam dan jaminan kepada orang yang bukan Islam mengamalkan agama mereka dengan aman.

Menurut Yang Berhormat, jaminan Perlembagaan Negara kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agamanya dengan aman dan jaminan itu adalah selaras dengan ajaran Islam yang menetapkan orang Islam dan bukan Islam beribadat menurut ajaran dan kepercayaan agama masing-masing.

"Kerajaan negara ini adalah berpandukan kepada ajaran agama Islam dalam urusan mengenai hal ehwal agama lain, manakala orang-orang bukan Islam hendaklah

memahami perkara ini yang ternyata telah mendatangkan faedah kepada semua pihak di mana rakyat dan penduduk saling menghormati terhadap satu sama lain dan kita semua hidup dalam aman di bawah pemerintahan beraja yang adil saksama," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyentuh tentang tujuan syariat Islam untuk memelihara lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

"Kepentingan memelihara lima perkara tersebut kita sekalian orang Islam dan bukan Islam sama-sama dikehendaki untuk menjadi rakyat dan penduduk yang berguna dan bertanggungjawab kepada keamanan negara," tambah Yang Berhormat mengharapkan.

Sebelum berangkat meninggalkan dewan sembahyang baginda bersama anakanda-anakanda baginda berkenan bersalaman bersama jemaah yang sama-sama menunaikan sembahyang.

Terokai peluang pasaran lebih besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Januari. - Pihak swasta diseru supaya lebih berani merentasi sempadan dan meneroka peluang-peluang pasaran yang lebih besar dan luas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membuat seruan itu ketika bertitah sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2007 yang disiarkan seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei di sini.

Baginda bertitah, negara kita telah menjalin pelbagai hubungan dua hala yang dapat dijadikan asas bagi mengembangkan, rangkaian kerja pada mencari pasaran-pasaran baru.

Langkah ini perlu titah baginda kerana mahu tidak mahu, perkembangan dunia urus niaga sekarang adalah

Kebawah DYMM berkenan sempurnakan Ibadat Korban Sunat

KIARONG, Ahad, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Ibadat Korban Sunat baginda dan kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1427 Hijrah.

Majlis tersebut diadakan sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha yang diadakan di pekarangan Jame' Asr Hassanil Bolkiah di sini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Mufti Kerajaan, Yang Ber-

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

hormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Baginda sendiri melakukan penyembelihan seekor kambing.

Selepas itu, baginda telah mengurniakan titah supaya penyembelihan binatang korban di majlis itu diteruskan yang berjumlah 14 ekor kambing.

Kemudian baginda berkenan pula mengurniakan daging-daging korban tersebut kepada seramai 20 orang fakir miskin yang dipilih dari Daerah Brunei dan Muara dan selebihnya daging-daging korban tersebut diserahkan di majlis penyerahan yang diadakan di keempat-empat daerah.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebanyak 14 ekor kambing dan 38 ekor sapi telah dikorbankan hari ini dalam Majlis Ibadat Korban Sunat baginda bersama kerabat baginda di mana daging-daging korban tersebut antaranya akan diagih-agihkan kepada sejumlah 3,860 orang fakir miskin yang berhak menerimanya.

Seramai 2,225 orang menerima dari Daerah Brunei dan Muara, 562 orang dari Daerah Tutong, 833 orang dari Daerah Belait dan Temburong berjumlah 240 orang.

Memeriahkan suasana majlis, persembahan tawshah telah disampaikan oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan daging korban kepada seorang fakir miskin yang dipilih dari Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat. (Lagi gambar-gambar di muka 8 & 9).

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

memaksa kita untuk lebih terbuka dan berani.

"Ini bermakna, pihak swasta, perlu lebih berdaya saing dan dinamik," titah baginda.

Dalam titah baginda menyentuh mengenai hubungan antarabangsa Negara Brunei Darussalam secara aktif akan terus melibatkan diri dengan pertubuhan-pertubuhan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ASEAN, OIC dan lain-lain.

Baginda menegaskan, negara kita akan terus berpegang kepada cara penyelesaian melalui dialog iaitu sebagai jalan paling baik dalam menghadapi apa jua masalah, lebih-lebih lagi ke arah mengelakkan persengketaan dan pertumpahan darah.

AMBIL LANGKAH- LANGKAH PERLU HINDARKAN PENYAKIT BERJANGKIT

BERIKUTAN dengan kejadian hujan lebat pada masa ini yang boleh mengakibatkan banjir, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai terutama yang tinggal di kawasan yang boleh terjejas dan yang telah dibanjiri air supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menghindarkan sebarang kemalangan dan kemungkinan berlakunya penyakit-penyakit bawaan air dan makanan seperti kolera, tifoid, cirit-birit dan sebagainya.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil jika berlakunya banjir termasuklah:

- * Memastikan bekalan air adalah bersih dan tidak tercemar.
- * Memastikan air minum dimasak terlebih dahulu.
- * Memasak semua makanan dengan sempurna.
- * Mengutamakan kebersihan diri khususnya membasuh tangan dengan air bersih sebelum menyedihkan/menghidang makanan dan selepas ke tandas.
- * Menjaga kebersihan persekitaran dan tidak membuang sampah merata-rata.
- * Mendapatkan rawatan jika mengalami penyakit seperti demam selesema, batuk, sakit perut atau cirit-birit, penyakit kulit, muntah, pening dan lain-lain.
- * Mengutamakan keselamatan khususnya kanak-kanak agar tidak terdedah kepada air banjir bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan seperti lemas, kecederaan serta jangkitan penyakit.

Pihak pusat-pusat kesihatan dan juga hospital-hospital di seluruh negara akan sentiasa memantau mengenai berlakunya sebarang penyakit disebabkan oleh banjir di beberapa tempat dan juga di pedalaman.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU MASIHI 2007

سلامة ميمبوة تاهون بارو مسيحي ٢٠٠٧

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

AIDILADHA DAN IBADAT KORBAN PENUH DENGAN TUNTUTAN AGAMA

HARI Raya Korban, Aidiladha atau Hari Raya Haji disambut di seluruh dunia menandakan berakhirnya tempoh mengerjakan ibadat haji di Mekah, salah satu Rukun Islam Kelima yang terakhir bagi mereka yang mampu dan menandakan bermulanya ibadat korban untuk dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin.

Alhamdulillah, kini jemaah haji yang berada di Tanah Suci Mekah hampir selesai mengerjakan ibadat haji mereka, sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan amalan mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan para jemaah haji beroleh 'haji yang mabrur', seterusnya kembali ke tanah air dengan selamat, insya-Allah.

Para jemaah haji di Tanah Suci termasuk dari Negara Brunei Darussalam menyertai Wukuf pada hari Jumaat, 8 Zulhijah 1427 bersamaan 29 Disember 2006 dan menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban pada hari Sabtu, 9 Zulhijah 1427 bersamaan 30 Disember 2006. Manakala Sambutan Hari Raya Aidiladha di Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad, 31 Disember 2006.

Di antara hikmah-hikmah Hari Raya Aidiladha ialah umat Islam yang tidak dapat menunaikan fardu haji di Tanah Suci dipanggil 'Duyufurrahman' yang tidak sampai seruan Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka juga boleh menunjukkan sifat-sifat rohani mereka melalui:

* Berpuasa sunat pada hari Wukuf di Arafah seperti mana para jemaah haji berpuasa di Arafah.

* Bersembahyang sunat Hari Raya Aidiladha dan menjalankan ibadat korban pada Hari Raya tersebut.

Sifat-sifat tersebut menunjukkan sifat-sifat persaudaraan dalam Islam (Al-Syuar Bil Al-Ukhuwwah Al-Islamiah).

ISTIMEWA DALAM SEJARAH ISLAM

Aidiladha adalah hari istimewa bagi umat Islam dalam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menunaikan perintah Allah dan kesabaran anaknya Nabi Ismail dalam memenuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, salah satu keistimewaan Aidiladha dan Hari Tasyrik ialah ibadat korban. Ibadat korban ini hanya boleh dilakukan dalam empat hari iaitu bermula waktu selepas khatib menyampaikan khutbah Aidiladha sehingga sebelum tenggelam matahari pada hari ke-13 Zulhijah.

Hari Raya Korban jatuh pada hari ke-10 bulan Zulhijah, bulan terakhir dalam kalendar Hijrah Islam. 10 Zulhijah merupakan tarikh penting dalam sejarah Islam di mana Nabi Adam dan isterinya Hawa dikeluarkan dari Syurga dan diturunkan ke bumi sebelum berjumpa di Padang Arafah, di luar bandar Mekah.

Pada pagi Hari Raya Korban, umat Islam akan mengerjakan Sembahyang Sunat Hari Raya sebanyak dua rakaat akan diadakan pada sebelah pagi. Bagi keluarga yang menunaikan fardu haji mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha dengan mengundang sanak saudara dan sahabat handai bagi sama-sama mendoakan keputungan mereka ke

tanah air dengan selamatnya.

Bagi negara kita dan umat Islam di dunia ini selepas bersembahyang, Majlis Ibadat Korban akan dimulakan. Lembu, kerbau, unta dan kambing, yang dikorbankan akan disembelih secara beramai-ramai di kawasan masjid, rumah-rumah persendirian, pejabat-pejabat kerajaan dan persatuan-persatuan sebelum dibahagi-bahagikan kepada orang ramai terutamanya kepada golongan fakir miskin.

SAMBUT KEPULANGAN JEMAAH

Sementara itu kaum keluarga dan sanak saudara jemaah haji yang berada di tanah air pula menunggu detik kepulangan mereka ke tanah air dengan penuh rasa syukur dan gembira.

Penulis amat tertarik dengan satu artikel bertajuk: 'Adab Menyambut Kepulangan Jemaah Haji' dalam Khutbah Jumaat pada 13 Januari 2006, antara lain menyatakan dalam suasana kesibukan membuat persediaan menyambut ketibaan Duyufurrahman (Tetamu Allah) ini perlulah kita sama-sama beringat supaya cara sambutan yang diadakan itu hendaklah bersesuaian dan jangan sekali-kali bercanggah dengan hukum agama kita, kerana sambutan ini adalah sebagai menza-



BAGI mereka yang mampu akan mengadakan ibadat korban dan akan diagih-agihkan kepada mereka yang berhak menerimanya.

sangat kufur kepada Tuhan-Nya."

Apa yang disebut dalam khutbah itu juga menyatakan Islam ada diajarkan adab-adab dan digalakkan kita melakukannya ketika menyambut kepulangan jemaah haji. Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan supaya orang-orang haji itu sendiri apabila ia hendak sampai ke rumah, sunat baginya untuk singgah ke masjid terlebih dahulu dan melakukan sembahyang sunat dua rakaat. Dan apabila sampai ke rumahnya pula, dia bersembahyang lagi dua rakaat dan berdoa serta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas selamatnya kembali ke pangkuan kaum keluarganya.

Manakala adab bagi orang-orang yang menyambut kedatangan orang-orang haji pula di antaranya ialah, Pertama: Kita disunatkan untuk bersalaman dan berjabat tangan sambil mengucapkan maksudnya: "Semoga Allah menerima ibadat haji engkau dan mengampunkan dosa engkau serta menggantikan perbelanjaan yang telah engkau keluarkan."

Kedua: Seeloknya bagi mereka yang menyambut ketibaan orang-orang haji itu meminta kepada orang-orang haji yang balik itu mendoakannya, sebagaimana hadis dari Ahmad Ibnu Hanbal dari Ibnu Omar Radiallahuanhuma yang maksudnya:

"Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalamlah dengannya dan berjabat tanganlah dengannya dan suruhlah dia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Ta'ala (doanya adalah dimakbulkan). Doa yang dibacakan itu ialah: "Allahumaghfir Lihajji Walimanistaghfaralahulhaj," maksudnya: "Ya Allah berikanlah keampunan kepada orang yang mengerjakan haji dan kepada mereka yang dipohon keampunan oleh orang yang haji."

Ketiga: Sunat bagi sanak saudara jemaah haji itu mengadakan walimah (kenduri) secara ala kadar mengikut kemampuan sebagai tanda syukur, bukan kerana menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah. Jangan sampai kita melakukan perkara-perkara yang dianggap bidaah sayirah atau bidaah dhalalah yang boleh menyebabkan kita masuk neraka, Na'uzubillahiminzaalik. Sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali'Imran ayat 31 yang tafsirnya: "Katakanlah wahai Muhammad, jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah Daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi."




DAGING-DAGING korban ketika diagih-agihkan kepada orang ramai.

KEBERSIHAN DIRI DALAM PENGENDALIAN MAKANAN – KEPENTINGAN DAN LANGKAH - LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL



Sumbangan
Bahagian Perhubungan Awam,
Kementerian Kesihatan



Kuman terdapat di dalam dan di luar badan manusia. Ia akan berpindah apabila badan awda bersentuhan dengan apa juga di sekeliling awda.

Jika seorang pengendali makanan kurang menjaga kebersihan diri, dia akan menjadi penyebab pencemaran makanan, kerana kuman-kuman yang ada di bahagian badannya akan berpindah ke makanan-makanan yang disediakannya melalui anggota-anggota badannya.

Oleh yang demikian, jagalah kebersihan diri dan gunakan pakaian yang bersesuaian, penutup rambut dan apron yang bersih semasa mengendalikan makanan.

KULIT

Kulit biasanya mengandungi kuman dan oleh itu ianya perlu sentiasa dibersihkan.

Langkah-langkah berikut hendaklah di patuhi:

- Jika awda mempunyai masalah kulit seperti kurap, panau, kudis, bisul dan sebagainya, elakkan daripada mengendalikan makanan. Jumpa doktor dengan segera.
- Jika luka, balut dengan plaster yang kalis air (waterproof).

BADAN

Mandi dan berpakaian yang bersih setiap hari.

Jaga kebersihan diri setiap hari

RAMBUT

- Rambut mesti selalu dicuci dan berkeadaan kemas kerana rambut yang tidak terurus mudah gugur dan berkelemumur.
- Pengendali makanan hendaklah menggunakan penutup kepala ketika mengendalikan makanan untuk mengelakkan rambut jatuh ke atas makanan.
- Jangan memegang, menggaru dan menyikat rambut di dalam dapur kerana kuman yang terdapat pada kulit kepala mudah berpindah kepada makanan melalui tangan yang kotor.

Gunakan penutup
rambut dan apron
yang bersih



HIDUNG

Kuman yang merbahaya juga terdapat dalam hidung. Oleh itu jangan mengorek dan menyentuh hidung ketika mengendalikan makanan.

TELINGA

Jangan mengorek telinga ketika bekerja di dapur. Ini bukan sahaja menjijikkan tetapi ianya boleh mendatangkan risiko pencemaran ke atas makanan.

Jauhi amalan menyentuh hidung dan mengorek telinga

MULUT

Semasa mengendalikan makanan kuman boleh berpindah dari mulut dan menyebabkan pencemaran makanan sekiranya awda:

- batuk semasa menyediakan makanan.
- merasa makanan dengan jari atau menggunakan sudu yang sama.
- meludah.
- merokok - tangan boleh dicemari oleh kuman apabila merokok dan ianya boleh berpindah ke permukaan meja jika awda meletakkannya di meja.
- makan semasa menyediakan makanan.
- banyak bercakap.

Elakkan amalan-amalan di atas ketika mengendalikan makanan

TANGAN DAN KUKU

Tangan menyebarkan kuman ke atas makanan yang disediakan. Kuku hendaklah sentiasa pendek. Jangan memakai barang kemas seperti cincin, gelang, jam tangan, subang dan sebagainya semasa menyediakan makanan.

PASTIKAN:

Tangan hendaklah sentiasa dicuci dengan sabun dan air yang bersih terutama sekali:

- Selepas menggunakan tandas
- Selepas menyentuh muka terutamanya hidung, mulut atau telinga
- Sebelum menyediakan makanan
- Selepas memegang bahan-bahan mentah
- Selepas membuang sampah

**Pastikan tangan sentiasa dicuci
dengan sabun dan air yang bersih**



KAKI

- Pastikan bersih dan kuku kaki juga hendaklah pendek.
- Pastikan awda memakai kasut yang selesa dan tidak bertumit tinggi.
- Elakkan memakai selipar. Ianya boleh mengakibatkan pencemaran melalui percikan air lantai dari selipar tersebut, dan juga boleh mengakibatkan awda mudah tergelincir.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENDAHULUAN

RENCANA ini dihasratkan untuk menemukan kembali kecintaan kita kepada khazanah warisan bangsa kita sendiri. Khazanah ini amat 'fragile' yang sedang meniti zaman ketandusannya. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama berperanan untuk menghindari fenomena ini berlanjutan dari zaman ke zaman. Tajuk ini sengaja dikemukakan untuk menggamit semula penghargaan kita terhadap warisan milik kita ini. Walau bagaimanapun, kandungan rencana ini lebih bersifat memberi pendedahan dan kefahaman asas tentang cerita rakyat dan kedudukannya dalam sastera warisan kita.

BIDANG FOLKLOR

Dalam dunia akademik, sememangnya cerita rakyat mendapat tempat dalam komponen kajian dua buah disiplin, iaitu Sastera dan Folklor.¹ Mungkin para pembaca lebih mengenali sastera berbanding dengan folklor. Mungkin juga anda baru mendengar istilah folklor. Sebelum ini, penulis pernah mengemukakan satu perbincangan yang bersifat pengenalan mengenai konsep dan definisi folklor. Walau bagaimanapun, dalam rencana ini akan diulang secara ringkas mengenainya, iaitu folklor merupakan satu disiplin yang baru wujud sejak istilah 'folklore' ini dikemukakan oleh seorang yang berbangsa Inggeris, William J. Thoms pada tahun 1846 (Dundes, 1965).

Kemunculan istilah ini memanggil pengamat, peminat, sarjana pelbagai bidang untuk membincangkannya secara serius terus-menerus, dan melakukan pelbagai penyelidikan sehingga ke hari ini. Ternyata, definisi mengenai folklor juga berbagai-bagai. Untuk pengetahuan umum cukuplah anda memahami folklor sebagai bahan-bahan tradisi dari sebahagian budaya sesuatu kolektif/masyarakat (bangsa) yang diwariskan atau berkesinambungan disampaikan secara lisan, separa lisan dan bukan lisan di kalangan kolektif.

Dari definisi ini, dapatlah dibahagikan folklor itu kepada tiga bahagian mengikut cara penyampaian, iaitu Folklor berbentuk lisan, Folklor berbentuk separa lisan, dan Folklor bukan lisan. Dari ketiga-tiga bahagian ini, cerita rakyat terletak di bawah kategori folklor berbentuk lisan, di samping bahan-bahan seperti ungkapan, bahasa rakyat, puisi tradisional, nyanyian rakyat kerana medium penyampaian secara lisan.

Sebutlah kata para pengkaji menyatakan bahawa amat sukar untuk menentukan bilakah wujudnya atau bermulanya cerita rakyat sesuatu bangsa itu apatah lagi untuk menampilkan orang yang dipercayai menciptakannya. Walau bagaimanapun, para pengkaji percaya bahawa kewujudan cerita rakyat ini sejajar dengan bermulanya manusia itu pandai berkomunikasi secara lisan di kalangan mereka yang dikenali dengan bahasa. Oleh yang demikian, cerita rakyat amat rapat hubungannya dengan medium bahasa yang teruja secara lisan.

KEDUDUKAN CERITA RAKYAT DALAM SASTERA RAKYAT

Kita menyedari bahawa kehidupan manusia telah meniti zaman ke zaman dan berhadapan dengan budaya yang bersifat dinamik. Sejak budaya lisan berbaur dengan kedatangan budaya tulisan telah memberi laluan 'keterbukaan dunia' sesebuah komuniti atau masyarakat. Ini berlaku di mana-mana termasuklah di Alam Melayu. Sungguhpun demikian, cerita rakyat yang dianggap wujud dengan bermulanya manusia pandai berbahasa masih dapat kita nikmati sehingga ke hari ini, malah menimbulkan tanggapan mengenainya sebagai bahan peninggalan zaman yang lampau atau bahan yang masih kental mengikuti arus perubahan zaman. Mungkin perkara ini akan dibincangkan di kesempatan yang lain.

Umumnya, sastera Melayu dibahagikan kepada dua, iaitu Sastera Moden dan Sastera Klasik. Sastera Moden dimonopoli oleh empat genre besar iaitu novel, cerpen, sajak, dan drama. Sastera Klasik pula terbahagi kepada dua mengikut cara penghasilannya iaitu tulisan dan lisan. Sastera Klasik yang terhasil dalam bentuk tulisan antaranya hikayat, epik, panji, sastera sejarah dan sebagainya. Sastera Klasik yang terhasil melalui lisan pula ialah Sastera Rakyat. Atas sifat kelisanannya ini juga dikenali sebagai Sastera Lisan atau Sastera Warisan. Akhir-akhir ini, istilah tradisi lisan semakin popular digunakan merujuk kepada perkara yang sama. Awda janganlah keliru apabila bertembung dengan istilah-istilah ini dalam buku-buku yang membincangkan tentang sastera rakyat. Dalam bahagian inilah kedudukan cerita rakyat dalam dunia sastera.

Untuk mempermudah mengenali bahan sastera rakyat terutama proses transmisinya kita akan melihat kepada ciri-ciri umumnya. Ciri-ciri umum pengenalan adalah seperti berikut:

- * Penyebarannya secara lisan
- * Dari satu individu ke individu yang lain
- * Dari satu generasi ke generasi yang lain
- * Improvisasi
- * Bervarian --- versi
- * Wujud di kalangan rakyat
- * Mempunyai logikanya tersendiri
- * Anonim
- * Milik kolektif
- * Mengandungi kata klise
- * Fungsional

Dalam pembahagian sastera rakyat atau sastera warisan di atas, Mohd. Taib Osman (1976) membahagikan lagi sastera warisan ini kepada dua bentuk iaitu yang bersifat naratif dan non-naratif. Sastera warisan

yang bersifat naratif inilah dudunya cerita rakyat.

KLASIFIKASI CERITA RAKYAT

Menurut seorang ahli antropologi, William R. Bascom (1965) mengemukakan usulan untuk membahagikan cerita rakyat yang mempunyai jumlah yang besar dan saling tindih-bertindih ini menjadikan kepada tiga kelompok besar, iaitu mitos, legenda, dan dongeng. Sekalipun cadangan ini bukan satu cara yang menepati secara total tetapi pembahagian ini agak lebih sistematis dan lazim digunakan oleh para sarjana, pengkaji, peminat, dan pengamat.

Ciri-ciri umum cerita mitos ini adalah seperti berikut:

- * Ceritanya bersifat kudus (sakral)
- * Berhubung dengan kepercayaan sesuatu bangsa
- * Watak dewa-dewi, separa dewa-dewi, berhubung dengan perlakuan Tuhan
- * Latar di dunia yang primordial atau masa yang lampau

Cerita mitos ini dianggap sebagai cara yang terbaik untuk memperjelas bagaimana sesuatu fenomena alam semesta di dunia dan seluruhnya terjadi tanpa adanya pertentangan untuk menolak kebenaran peristiwa dalam cerita ini, terutamanya dalam fahaman animisme. Tetapi cerita mitos ini kini amat sukar kita mendengar dan memperolehinya sejak kedatangan Islam di Alam Melayu pada kira-kira abad 13/14. Kekuatan pengaruh agama Islam telah menjernihkan akidah penduduknya. Salah satu contoh cerita mitos ialah cerita *Asal Usul Temarok* bagi masyarakat Dusun.

Dikisahkan bahawa pada zaman dahulu jarak antara bumi dan langit adalah dekat. Oleh sebab itu berlaku hubungan anak manusia di bumi dengan anak dewa-to di langit berkawan rapat dan sering bermain-main di bumi. Setiap kali anak dewa-to ini turun ke bumi ia membawa bekal, iaitu nasi, manakala anak manusia makanannya adalah arang. Ibu anak dewa-to selalu berpesan kepada anaknya

supaya tidak menunjukkan bekalannya kepada anak manusia sewaktu berada di bumi. Tetapi, pada suatu ketika anak manusia terlihat nasi yakni bekal anak dewa-to tersebut dan berkeinginan untuk mencubanya. Anak manusia buat pertama kalinya merasa nasi itu dan merasa kekenakannya. Anak manusia pun memberitahu ibunya lalu mereka merancang untuk mencuri sedikit nasi anak dewa-to tersebut.

Rancangan tersebut berjaya sewaktu anak dewa-to turun ke bumi untuk bermain dengan anak manusia. Nasi yang mereka ambil itu lalu ditebarkan ke tanah dan tumbuh menjadi padi. Apabila padi itu masak dan menguning, ibu anak dewa-to hairan melihat bumi yang mengilau dan percaya nasi anaknya telah diambil oleh manusia. Ibu anak dewa-to pun marah lalu berpesan kepada anaknya untuk memberitahu anak manusia di bumi supaya jangan memakan nasi sebelum melakukan pemujaan kepadanya sebagai tanda izin restu daripadanya (Roslinawati, 2000). Inilah kisahnya secara ringkas menjelaskan bermulanya manusia mengenal asal mula padi.

Perkembangan daripada cerita mitos terdapat pula cerita legenda yang mendekati kepada realiti namun masih terdapat unsur-unsur di luar daripada 'nature' sebetulnya. Terdapat banyak cerita yang tergolong dalam cerita legenda seperti *Awang Semaun*, *Patih Berbai*, *Sultan Bolkiah*, *Pengiran Bendahara Sakam*, *Panglima Badar*, *Awang Saman*, *Liau Damit*, *Dato Gandi*, *Dato Ahmad*, *Tok Pandai* dan sebagainya. Ciri-ciri umum cerita legenda juga membezakannya dengan cerita mitos:

- * Cerita bersifat sekular
 - * Berhubung dengan sejarah sesuatu bangsa
 - * Latar di dunia yang kita kenali
 - * Watak manusia dan supernatural serta dibantu dengan makhluk ajaib
 - * Dianggap sebagai pernah terjadi
- Misalnya, cerita *Awang Semaun* yang sangat rapat hubungannya dengan sejarah

KEMUNCULAN istilah ini memanggil pengamat, peminat, sarjana pelbagai bidang untuk membincangkannya secara serius terus-menerus, dan melakukan pelbagai penyelidikan sehingga ke hari ini. Ternyata, definisi mengenai folklor juga berbagai-bagai. Untuk pengetahuan umum cukuplah anda memahami folklor sebagai bahan-bahan tradisi dari sebahagian budaya sesuatu olektif/masyarakat (bangsa) yang diwariskan atau berkesinambungan disampaikan secara lisan, separa lisan dan bukan lisan di kalangan kolektif.

Oleh :
MBHJ

pembentukan awal Negeri Brunei. Awang Semaun yang memiliki kekuatan dan kegagahan yang luar biasa yang sememangnya tidak terdapat kepada orang lain. Musuh-musuhnya akan tewas olehnya. Adalah dipercayai dalam cerita *Awang Semaun* ini, memperoleh kekuatan yang luar biasa dari memakan ikan sumpit-sumpit. Kekuatan dan kegagahannya dimanfaatkan untuk kepentingan bangsa dan negara Brunei sehingga terbilang dan digeruni oleh musuh. Kepopulariti cerita *Awang Semaun* ini berlanjutan sehingga terbentuk sebuah syair yang begitu digemari di kalangan orang Brunei, iaitu Syair *Awang Semaun*.

Selain kedua-dua jenis cerita di atas yang menepati ciri-ciri masing-masing, sesuatu cerita itu bolehlah disimpan di bawah cerita dongeng. Cerita dongeng terhasil daripada khayalan (*fictional*) semata-mata dan tidak dianggap benar-benar terjadi berbanding cerita mitos yang diangkat sebagai suatu kepercayaan dan cerita legenda sebagai *local history*. Sifat khayalan ini terbawa-bawa dalam penciptaan watak yang beraksi dalam menjalankan cerita tersebut sekalipun nama-nama watak ada kemiripan dengan nama-nama yang terdapat dalam sesuatu masyarakat itu. Tujuan cerita dongeng ini adalah semata-mata untuk hiburan sekalipun adanya menggam-barkan kebenaran. Dan yang penting sekali cerita dongeng ini tidak terlepas mengandungi pengajaran moral dan sindiran.

Dalam jumlah yang banyak ini, cerita dongeng dikelompokkan menjadi beberapa jenis, iaitu Cerita Lipur Lara atau Diangdangan, Cerita Jenaka atau cali, Cerita Binatang atau Mergastua, dan Cerita Teladan. Sebagai contoh cerita dongeng ini termasuklah *Diangdangan Bujang Si Gandam*, *Hikayat Awang Kamaruddin*, *Cerita-cerita Si Pahuja*, *Pelanduk Dengan Buaya*, *Ambok Dengan Kura-Kura*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Ikan Patin* dan sebagainya.

Perlu diingat bahawa sekalipun terdapatnya pembahagian ini yang bertujuan untuk kemudahan penyelidikan atau kajian mengenai bahan-bahan cerita rakyat, William R. Bascom (1965) memperakui bahawa ciri-ciri bagi setiap jenis cerita rakyat masih juga kita akan bertemu dengan pertindihan antara satu dengan yang lain. Untuk itu beliau mencadangkan supaya kita amat bijak untuk menentukannya berdasarkan ciri-ciri yang lebih dominan kepada jenis cerita rakyat tertentu.

PENUTUP

Demikian secara ringkas kita mengenali dan memahami kedudukan cerita rakyat dalam sastera warisan masyarakat Melayu khususnya di Negara Brunei Darussalam. Walaupun kewujudan cerita rakyat yang dibincangkan di atas pada zaman budaya lisan dan diang-gap agak tua namun penulis pasti anda akan bersetuju bahawa nilai dan falsafah yang terkandung dalamnya masih dapat kita manfaatkan untuk membentuk generasi kita untuk mengenal dan kembali ke jati diri sebagai orang Brunei.

NOTA KAKI

¹ Terdapat juga disiplin lain (seperti antropologi, sosiologi, psikologi, politik, sejarah, dan lain-lain) yang menggunakan bahan folklor untuk bahan kajian. Misalnya, baru-baru ini National Geographic menayangkan sebuah dokumentari penyelidikan yang berjudul 'Animal Omen' berhubung dengan petanda dari binatang-binatang berlakunya bencana Tsunami.

CERITA mitos ini dianggap sebagai cara yang terbaik untuk memperjelas bagaimana sesuatu fenomena alam semesta di dunia dan seluruhnya terjadi tanpa adanya pertentangan untuk menolak kebenaran peristiwa dalam cerita ini, terutamanya dalam fahaman animisme. Tetapi cerita mitos ini kini amat sukar kita mendengar dan memperolehinya sejak kedatangan Islam di Alam Melayu pada kira-kira abad 13/14. Kekuatan pengaruh agama Islam telah menjernihkan akidah penduduknya.

Setiap masyarakat turut bertanggungjawab menjaga keselamatan dan perpaduan

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di mana negara kita adalah sebuah negara yang aman dan makmur, iaitu bebas dari keadaan kacau-bilau dan bebas dari gangguan perkara yang tidak menyenangkan. Keamanan yang kita nikmati pada masa ini adalah merupakan salah satu hasil usaha orang-orang terdahulu yang sanggup berkorban nyawa demi kedaulatan negara dan atas limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita sedia maklum negara yang tidak aman akan menyebabkan berlakunya kemunduran, huru-hara, kemerosotan ekonomi dan berbagai-bagai masalah lagi akan timbul. Jika semua ini berlaku, sudah setentunya cita-cita untuk mewujudkan sebuah negara yang maju, aman damai dan makmur tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, bagi memastikan keamanan dan kemakmuran sentiasa terpelihara dan terjamin, sudah setentunya penubuhan pasukan-pasukan keselamatan seperti pasukan polis diwujudkan. Di negara kita Pasukan Polis Diraja Brunei adalah merupakan pasukan keselamatan yang telah lama diwujudkan dan telah ditubuhkan pada tahun 1921 Masihi. Dan pada tanggal 1 Januari 2007 akan datang ini akan genaplah usia Pasukan Polis Diraja Brunei yang ke-86 tahun.

Sesungguhnya usia 86 tahun itu bukanlah tempoh masa yang sedikit. Akan tetapi ia suatu masa yang sudah lama dan tua jika dibandingkan dengan umur manusia. Dalam erti kata yang lain Pasukan Polis Diraja Brunei sudah mempunyai tahap pengalaman yang lebih matang dan luas dalam menjalankan tugasnya mengawal dan menjaga keselamatan negara, menguatkuasakan undang-undang negara dan menjamin keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Hal ini dapat kita lihat bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei telah pun melalui pelbagai perubahan, kejayaan dan kecemerlangan dalam menjaga kestabilan negara serta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti dan moden sejajar dengan perkembangan masa.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tugas menjaga keamanan negara merupakan tugas yang amat berat dan penuh cabaran. Dalam mengekalkan keamanan negara, anggota polis sentiasa berhadapan dengan pelbagai situasi yang kadangkala merbahaya, malah ada di kalangan anggota polis tersebut yang terkorban nyawa semasa menjalankan tugas. Pengorbanan besar mereka itu patutlah kita hargai dan sanjungi. Maka bersempena dengan sambutan Hari Polis ini kita kalungkan setinggi ucapan terima kasih kepada yang telah bersusah payah menjaga keamanan negara sehingga membolehkan kita hidup dalam suasana rukun damai. Akan tetapi, menghargai dan menyanjungi dengan ucapan terima kasih sahaja belum lah mencukupi, apa yang lebih penting ialah kerjasama dari orang ramai dalam membantu pihak polis membanteras semua bentuk jenayah dan mengekalkan keamanan, kerana memanglah sukar bagi anggota polis melaksanakannya secara bersendirian tanpa sokongan dan bantuan dari orang ramai.

Sesungguhnya agama Islam amat menggalakkan kita supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah kebaikan kerana perbuatan demikian boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan kasih-mengasihi di antara satu sama lain. Jika sifat demikian wujud di kalangan umat Islam, maka insya-Allah akan terbina kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni. Inilah juga yang menjadi faktor kekuatan kesatuan umat Islam dari dahulu hingga sekarang. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Maa'idah, ayat 2 tafsirnya:


"Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan maksiat dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya."

Maka dalam hal ini, pihak polis 'mengharapkan supaya setiap masyarakat sama-sama berganding bahu dan terlibat sama dalam menjaga keselamatan dan perpaduan. Jika berlaku kemungkaran atau perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kecurian, penyeludupan, pemerasan, pemugut, perjudian, perilaku tidak senonoh dan apa-apa saja yang menyalahi peraturan dan undang-undang, maka setiap masyarakat juga tidak terlepas dari mengambil inisiatif mencegahnya mengikut selayaknya dan sesuai dengan kemampuan masing-masing. Tetapi jika tidak berkemampuan mencegahnya, maka laporkanlah kepada pihak polis atau mana-mana pihak yang berkuasa, kerana ini juga merupakan suatu pencegahan dan bantuan kepada pihak polis atau pihak berkuasa.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maknanya:

"Daripada Adi ibni Hatim ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Sesungguhnya Allah tidak akan mengazab orang ramai (orang awam) dengan perbuatan orang-orang yang sedikit sehingga orang ramai tadi melihat kemungkaran di hadapan mata

OLEH itu anggota pasukan polis hendaklah menjadi cermin dan contoh yang baik kepada masyarakat dengan keperibadian tinggi, berwibawa dan berakhlak mulia. Sebagai penguat kuasa undang-undang, pasukan polis mestilah berani, setia, jujur, amanah dan tegas dalam menjalankan tugas, perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan tidak diinginkan seperti penyalahgunaan kuasa dan terlibat dengan rasuah hendaklah dihindari sama sekali. Janganlah seperti pepatah, 'harapkan pagar, pagar makan padi.'



mereka dan mereka berkuasa untuk mencegahnya, tetapi mereka tidak mencegahnya. Sekiranya mereka berbuat demikian, maka Allah akan menurunkan azab-Nya kepada orang-orang yang sedikit tadi dan orang ramai (orang awam)." (Riwayat Al-

Imam Ahmad).

Dari hadis tadi jelas kepada kita bahawa setiap individu adalah bertanggungjawab dalam mencegah kemungkaran dan menyuruh berbuat kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat mengikut kemam-

puan dan kuasa masing-masing.

Sebenarnya orang awam mempunyai banyak peluang ke arah memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak polis dalam menjalankan tugas mereka, di antaranya ialah sebagai pemberi maklumat terhadap apa jua perkara yang boleh menggugat dan mengancam keamanan negara.

Tugas pasukan polis sebagai penjaga keamanan negara dan sebagai penguat kuasa undang-undang serta membanteras jenayah adalah satu amanah yang mesti dilaksanakan dengan kejujuran, bertanggungjawab dan berdisiplin. Memandangkan imej polis sebagai penguat kuasa undang-undang itu amat disegani, maka jangan sampai ia tercemar dan orang ramai hilang kepercayaan. Oleh itu anggota pasukan polis hendaklah menjadi cermin dan contoh yang baik kepada masyarakat dengan keperibadian tinggi, berwibawa dan berakhlak mulia. Sebagai penguat kuasa undang-undang, pasukan polis mestilah berani, setia, jujur, amanah dan tegas dalam menjalankan tugas, perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan tidak diinginkan seperti penyalahgunaan kuasa dan terlibat dengan rasuah hendaklah dihindari sama sekali. Janganlah seperti pepatah, 'harapkan pagar, pagar makan padi'.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfaal, ayat 27 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya."

Marilah kita sama-sama memupuk semangat berganding bahu menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian negara kita. Mudah-mudahan berkat muafakat dan kerjasama yang diamalkan itu, rakyat dan negara aman sejahtera serta sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 110 tafsirnya:

"Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah yakni buruk dan keji serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman."

وقت سمبهيٹ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيٹ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 13 ذوالحجه، 1427 برسامان دغن 3 جنوري، 2007 هيٹك كهاري ثلاث، 19 ذوالحجه، 1427 برسامان دغن 9 جنوري، 2007 اداله سفر دباوه اين :-

مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
ذوالحجه									جنوري
13	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.29	6.54	3
14	12.26	3.48	6.21	7.35	4.57	5.07	6.29	6.54	4
15	12.27	3.49	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.55	5
16	12.27	3.49	6.22	7.36	4.58	5.08	6.30	6.55	6
17	12.28	3.50	6.22	7.37	4.58	5.08	6.30	6.55	7
18	12.28	3.50	6.23	7.37	4.59	5.09	6.31	6.56	8
19	12.29	3.50	6.23	7.37	4.59	5.09	6.31	6.56	9

وقت ۲ سمبهيٹ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيٹ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تقياري.

PERBUATAN-PERBUATAN YANG BOLEH DAN DILARANG:

Ketika khatib menyampaikan Khutbah Jumaat

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

KHUTBAH pada hari Jumaat adalah cara terbaik untuk menyampaikan maklumat, peringatan serta mesej-mesej ukhrawi dan duniawi kepada masyarakat Islam, kerana pada hari Jumaat inilah kaum Muslimin tidak kira bangsa, pangkat ataupun rupa duduk berhimpun dan sembahyang bergandingan di antara satu dengan yang lain.

Khutbah merupakan salah satu daripada lima syarat sah sembahyang Jumaat. Sungguhpun demikian besarnya peranan khutbah Jumaat itu, terdapat sebilangan orang yang tidak begitu memandang endah akan kepentingannya sehinggakan ada di antara mereka ini yang masih mahu berbual ketika khutbah Jumaat disampaikan. Sebilangannya pula sibuk melakukan amalan-amalan ibadat lain seperti membaca Al-Qur'an, berzikir dan sebagainya. Apakah hukum melakukan perbuatan-perbuatan seumpama ini ketika khutbah Jumaat sedang disampaikan? Adakah ianya dibolehkan oleh syarak ataupun sebaliknya?

Irsyad Hukum pada keluarannya kali ini akan membincangkan mengenai permasalahan yang bersangkutan dengan perkara-perkara yang dibolehkan dan perkara-perkara yang dilarang ketika khatib menyampaikan khutbah.

1. MEMBACA AL-QUR'AN, BERSELAWAT DAN BERZIKIR KETIKA KHUTBAH

Sunat bagi orang yang menghadiri Sembahyang Jumaat menghadapkan muka ke arah imam (ke arah qiblat) kerana menurut Imam Khatib Asy-Syarbini Rahimahullah, ini adalah adab dan selain itu ianya sekali gus membolehkan mereka tetap menghadap qiblat.

Disunatkan juga kepada jemaah untuk diam dan mendengar khutbah dan makruh bagi mereka berkata-kata. Ini seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Jika engkau mengatakan kepada sahabatmu dengarkanlah (khutbah) padahal imam pada waktu itu sedang berkhutbah, maka sesungguhnya engkau benar-benar telah berkata sia-sia." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Maksud 'sia-sia' di sini ialah bertentangan dengan sunnah, adab dan mengakibatkan rugi pahala dan

kelebihan-kelebihan Sembahyang Jumaat itu walaupun sembahyangnya masih dikira sah.

Akan tetapi tidak makruh ke atas orang yang mendengar khutbah itu berkata-kata jika terdapat darurat, misalnya kerana ingin menyelamatkan orang buta yang hampir terjatuh ke dalam parit atau ternampak binatang berbisa seperti kala-jengking atau ular menghampiri seseorang. Maka dalam hal seperti ini tidaklah dilarang orang yang mendengar khutbah itu berkata-kata, bahkan wajib baginya melakukan demikian. Akan tetapi lebih baik (sunat) baginya untuk menggunakan isyarat sahaja jika dia mampu mengelakkan daripada berkata-kata.

Menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah, bagi mereka yang dapat mendengar khutbah, diam mendengarkan khutbah itu adalah lebih utama daripada membaca Al-Qur'an, berzikir dan sebagainya. Ini kerana terdapat qaul yang mengatakan diam mendengarkan khutbah itu adalah wajib.

Bagi orang yang tidak dapat mendengar khutbah pula, misalnya kerana duduk jauh daripada imam atau suara imam tidak dapat didengar, maka adalah lebih utama baginya pada ketika itu membaca Al-Qur'an terutamanya Surah Al-Kahfi, berselawat, bertasbeih, berzikir dan sebagainya dengan suara yang perlahan supaya tidak mengganggu jemaah-jemaah yang lain.

2. HUKUM ORANG YANG BARU MASUK MASJID MEMBERI SALAM

Ulama-ulama Mazhab Imam Asy-Syafi'e Rahimahumullah bersependapat bahawa orang yang baru masuk ke masjid, tidak makruh baginya berkata-kata walaupun pada ketika itu khutbah sedang disampaikan selagi mana dia belum mengambil tempatnya. Apabila dia telah mengambil tempatnya, maka barulah makruh baginya berkata-kata walaupun pada ketika itu dia belum lagi duduk.

Bagaimanapun, makruh ke atas orang yang baru masuk ke masjid itu memberi salam kepada jemaah yang sedang

mendengarkan khutbah dan makruh juga memberi salam kepada khatib yang sedang menyampaikan khutbah walaupun orang tersebut belum lagi mendapatkan tempatnya. Ini kerana perbuatannya memberi salam itu boleh mengganggu orang yang diberi salam sama ada pendengar mahupun pembaca khutbah. Bagaimanapun, jika diberi salam juga ke atas mereka ketika khutbah, maka menurut pendapat yang paling shahih wajiblah juga dijawab salam tersebut.

3. MENTASYMIT ORANG YANG BERSIN

Sunat mentasymit iaitu mengucapkan kepada orang yang bersin setelah dia mengucapkan tahmid (الله أكبر), walaupun ketika khutbah sedang disampaikan. Bagaimanapun, ulama mensyaratkan supaya tasymit tersebut mestilah dilakukan jika orang yang bersin itu mengucapkan tahmid. Jika orang yang bersin itu tidak mengucapkannya maka tidak sunat mentasymitkannya.

Daripada Abu Musa Al-Asy'aari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:


"Jika salah seorang daripada kamu bersin lalu dia bertahmid mengucapkan (الله أكبر), maka kamu ucapkanlah tasymit kepadanya. Jika dia tidak bertahmid (mengucapkan (الله أكبر)) maka jangan kamu ucapkan tasymit kepadanya." (Hadis riwayat Muslim).

Disunatkan juga bagi orang yang bersin ketika khutbah disampaikan itu membalas tasymit tersebut dengan ucapan:

يَهْدِيْكُمْ اللهُ وَيُصْلِحْ بَالَكُمْ.

Ertinya: "Semoga Allah memberi hidayat dan mensejahterakan keadaan kamu."

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda yang



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 239 Bahagian Pertama

maksudnya:

"Jika salah seorang daripada kamu bersin, maka hendaklah dia mengucapkan (الله أكبر) (segala puji bagi Allah). Dan hendaklah saudaranya ataupun sahabatnya mengucapkan kepadanya (رحمته الله) (semoga Allah memberi rahmat kepadamu). Dan apabila dia (sahabatnya) mengucapkan (رحمته الله) maka hendaklah (orang yang bersin itu) mengucapkan (اللهم ربنا اغفر لنا ولجميع المسلمين ما كان وما كان لعلنا نرجو) (semoga Allah memberi hidayat dan mensejahterakan keadaan kamu)." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Bagaimanapun, jika orang yang ditasymit itu (yang diucapkan (الله أكبر) ke atasnya) bersin lebih daripada tiga kali, maka dalam hal ini tidak lagi disunatkan mentasymitkannya. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Mengucapkan tasymit kepada orang yang bersin itu setakat tiga kali (dia bersin). Adapun jika lebih daripada itu maka dia diserang selesema." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

BERSAMBUNG

MENTAATI PERINTAH ALLAH MUDAH MEMPEROLEHI NIKMATNYA

MENSYUKURI nikmat Allah Subhanahu Wata'ala adalah suatu perbuatan yang dituntut dalam Islam. Nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu tiada dapat kita hitung banyaknya. Kita perlu mengambil iktibar, bersyukur di atas segala nikmat yang diberikan-Nya kepada kita sebab kalau tidak dengan kurnia Allah kita tidak akan lahir ke dunia. Oleh itu hendaklah kita sentiasa bertaqwa dan beriman serta menyerahkan diri kepada-Nya dengan penuh usaha, tawakal dan berdoa serta mengingati-Nya dalam dalam apa juga keadaan demi membentuk kesempurnaan dan kejayaan hidup kita di sepanjang hayat. Dengan semudah itu sajalah antaranya caranya kita menyatakan syukur dan tahu menghargai segala nikmat yang diberikan kepada kita seperti yang disarankan dalam Islam.

Umpamanya dalam berusaha membentuk keluarga bahagia dan sempurna adalah suatu yang dituntut dan diamanahkan. Nikmatnya insya-Allah tentu dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat serupa ini kita mudah perolehi kerana berkat diri kita dan keluarga sen-

tiasa mengingati-Nya, patuh atas segala perintah-Nya dan tahu menjaga dan bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan diri, keluarga, bermasyarakat dan seumpamanya.

Sebagai contoh dalam urusan memenuhi keperluan/kesempurnaan kehidupan anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa sepenuhnya. Jika kedua-dua ibu bapa berusaha mengasuh dan mendidik mereka hingga sempurna dengan kejayaan dalam kehidupan mereka, ini adalah suatu nikmat dan kurnia hasil dari usaha yang gigih yang berimbalan kerana keutuhan jiwa, semangat juang yang kental dalam menghadapi/menempuh pelbagai dugaan, gejala dan jurang semasa mengendalikan urusan-urusan ke arah perlengkapan tersebut; ini semata-mata didukung dengan keimanan yang kukuh untuk mentaati amanah Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh sebab itu, kita harus meniti hidup dengan tabah dan menjauhkan sebarang perkara yang bercanggah dengan tuntutan Islam. Sememangnya untuk meneruskan hidup, manusia perlu berusaha dan usaha yang dimaksudkan hendaklah yang boleh mendatangkan keuntungan dan bermanfaat. Sehubungan dengan itu, makanya setiap mukmin disarankan mencari rezeki secara yang halal kerana setiap yang bersih dan halal itu tersimpan padanya nikmat dan berkat dari limpah kurniaan-Nya jua. Dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyarankan supaya umat Islam berusaha mencari rezeki yang halal.

Antaranya Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qashash ayat 73 yang tafsirnya:

"Dan di antara rahmat pemberian-Nya, Ia menjadikan untuk kamu malam

منوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

dan siang (silih berganti), supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya, dan juga supaya kamu bersyukur."

Makanya dalam berusaha haruslah disertai dengan sifat sabar, tawakal dan hindarilah daripada mudah berputus asa. Allah Subhanahu Wata'ala menyukai hamba-Nya yang sentiasa berikhtiar dan bersyukur, umpamanya bila berusaha mencari rezeki walaupun menghadapi cabaran dan ujian selalu menghadapinya dengan sabar, cekal hati dan melaksanakan dengan cara yang halal.

Sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali'Imran ayat 12 yang tafsirnya:

"Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Tuhan dan meninggalkan larangan-Nya), mereka dibalas dengan syurga dan (persalinan dari) sutera."

Jelaslah bahawa setiap usaha yang dilaksanakan dengan sungguh-sungguh kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan dibalas dengan nikmat.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Jangan Terlalu Mengharapkan Bantuan Kerajaan'. Tarikh tutup 3 Januari 2007.
2. 'Pendidikan Akademik Perlu Dilengkapi Dengan Kemahiran'. Tarikh tutup 10 Januari 2007.
3. 'Menjadikan Brunei Destinasi Pelancongan Yang Menarik'. Tarikh tutup 24 Januari 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Membina belia dinamik dan produktif

SETIAP belia perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang agar dapat memimpin masyarakat ke arah haluan yang dicita-citakan. Kemahiran kepimpinan juga perlu bagi memastikan persatuan atau organisasi agar terus bergerak dengan aktif dan jaya.

Pemimpin belia harus

mempunyai kemahiran tersebut dan jika tidak dilatih pada peringkat awal lagi, seseorang pemimpin belia akan 'gagal' dalam pemimpinannya.

Memahami akan pentingnya golongan belia sebagai tonggak pembangunan bangsa dan negara, pelbagai langkah bagi memastikan belia-belie negara ini akan menjadi

warga masyarakat yang berguna kepada negara dan agama sebagai belia dinamik dan produktif.

Pertama, tentulah kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana berbanding dengan kebanyakan negara lain, Brunei berada dalam keadaan aman, makmur dan rakyatnya hidup dalam kesejahteraan. Suasana aman

inihal sebenarnya membolehkan negara memberikan fokus ke arah membina belia dinamik.

Dunia yang serba moden dan peningkatan kesalahfahaman di kalangan belia dalam peningkatan kualiti ilmu, profesionalisma dan keterampilan, toleransi serta berfikir terbuka.

Usaha ini seharusnya

selaras dengan usaha kerajaan dalam membina belia lebih dinamik bagi mencapai hasrat negara dan peranan belia dalam memperkukuhkan jati diri untuk memberi sumbangan kepada masyarakat di negara ini.

Belia yang berwasan dan gigih berusaha serta meningkatkan belia apa jua kegiatan berfaedah dan positif dalam pembangunan negara bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan serta kestabilan.

Pencapaian belia dinamik memerlukan semua pihak berkepentingan untuk terus komited dan saling memahami akan peranan masing-masing untuk memberikan tumpuan dan sumbangan yang terbaik bagi menjamin kesinambungan bekalan sumber tenaga manusia yang diharapkan untuk mendukung komitmen dalam meningkatkan kualiti sumber tenaga yang berilmu dan berkemahiran serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan pembangunan masyarakat.

Dengan berkat doa, usaha dan hasrat kita mempertingkatkan kecemerlangan agar negara akan dapat menikmati kemajuan berterusan dengan suasana aman, makmur dan sejahtera.

Lengkapkan dengan pengetahuan, pelbagai kemahiran

BELIA menurut Kamus Dewan ialah golongan muda sama ada ianya terdiri daripada lelaki mahupun perempuan. Sementara dinamik pula membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Daripada definisi tersebut,

dapatlah dikatakan bahawa golongan belia adalah golongan yang terpenting sekali dalam membangunkan dan menjana kemajuan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Kepentingan golongan belia ini adalah disebabkan oleh situasi mereka yang bakal menerajui negara di masa yang

akan datang. Hal ini kerana mereka akan menggantikan golongan tua yang sudah lama berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan di negara ini. Jika dibandungkan corak kehidupan di antara golongan belia pada zaman dahulu dengan golongan belia pada masa kini ternyata ianya jauh berbeza.

Hal ini disebabkan oleh keadaan belia pada masa kini yang terpaksa melalui zaman kecanggihan sains dan teknologi. Jika sekiranya mereka tidak melengkapkan diri dengan sebarang ilmu pengetahuan mengenai sudah tentu nyalah mereka akan ketinggalan zaman.

Bukan sahaja dari segi sains dan teknologi, para belia juga perlu melengkapkan diri dalam pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran yang lain, umpamanya dari segi pengurusan. Bidang pengurusan ini penting dipelajari kerana pada masa kini hambatan untuk mendapatkan pekerjaan di dalam sektor kerajaan amatlah tinggi. Maka sayugialah jika sekiranya golongan belia dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk mendirikan sebarang perniagaan.

Salah satu contoh yang dapat dibanggakan di negara ini ialah apabila salah seorang belia tempatan telah berjaya mendirikan sebuah premis restoran hasil usaha beliau sendiri.

Bertitik tolak daripada kejayaan beliau tersebut diharapkan para belia di negara ini dapatlah mengambil ikti-

bar dalam merealisasikan impian dan cita-cita negara. Ini selaras dengan hasrat dan perkenan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-55 pada 15 Julai 2001 iaitu:

"Kita sama-sama menyedari, bahawa para belia tidaklah wajar diabaikan kerana mereka itu adalah aset negara dan mempunyai sumbangan paling besar terhadap nation-building."

Kesimpulannya ialah para belia pada masa kini perlu melengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mereka tidak ketinggalan dalam menongkah arus kehidupan yang serba mencabar ini, dan sekali gus dapat membangunkan dan memajukan negara ini seperti yang diidam-idamkan.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampung Serdang,
Jalan Kota Batu,
BD 2117.
No. k/p: 00-291429.

Haji Yusof bin Haji Asmat,
No. 8, Simpang 487-6,
Kampung Orang Kaya
Besar Imas, Berakas,
BB 4113.
No. k/p: 00-071115.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Belia Perlu Lebih Dinamik'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Lengkapkan belia dengan kemandirian, ketahanan diri

A RUS perubahan zaman yang semakin pantas telah banyak merubah cara kehidupan manusia di seluruh dunia dan ianya masing-masing menuntut kepada pelbagai ilmu dan kemahiran agar kita dapat berlari seiring dengan perubahan tersebut.

Dengan kepantasan perubahan dalam segenap bidang pengurusan umpamanya memerlukan penggunaannya mempunyai ilmu yang membolehkan kita berhadapan dengan apa pun situasi yang dibawa oleh perubahan zaman ini.

Oleh yang demikian setiap negara memerlukan rakyatnya memiliki apa jua bentuk pendidikan dan kemahiran ini.

Dalam memperkatakan bidang pendidikan dan kemahiran, golongan yang terdekat dan paling berperanan ialah golongan belia kerana mereka merupakan peneraju atau pewaris kepada golongan tua. Golongan muda belia perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu kerana dengan ilmulah kita akan maju.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah menitahkan akan kepentingan dasar ilmu yang luhur dan amat berharga dalam menjalani kehidupan seharian.

"Dengan ilmu kita akan mendapat pedoman. Ibarat orang berjalan di dalam gelap, di mana ilmu adalah penyuluhnya" demikian yang pernah baginda titahkan di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep 'Melayu Islam Beraja (MIB)' pada 20

september lalu, sempena perayaan sambutan Hari Keputeraan baginda yang lalu.

Sementara itu pada 21 September lalu, baginda juga terus menekankan akan kepentingan ilmu atau pendidikan itu di mana ianya merupakan pelaburan negara yang paling besar.

"Pendidikan adalah aset hidup untuk perubahan kerana jika tidak meningkat, bermakna perubahan tidak akan secepat yang diharapkan." Demikian antara petikan titah baginda sempena Sambutan Hari Guru Ke-16 yang dapat diambil sebagai kata-kata hikmah untuk kita terus menjalani kehidupan.

Dengan petikan-petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dapatlah kita simpulkan bahawa ilmu pendidikan itu merupakan perkara penting untuk semua khususnya para belia yang masih mengikuti pembelajaran. Ianya juga perlu diambil sebagai pendorong untuk terus mengejar ilmu setinggi yang terdaya agar tidak ketinggalan dengan arus permodenan zaman yang sering diperkatakan.

Adalah jelas bahawa penglibatan belia dalam segenap bidang ilmu dan kemasyarakatan amat diperlukan sama ada di bidang profesional, separuh profesional atau sebagainya demi kemajuan dan perkembangan generasi akan datang.

Semangat 'Hidup mesti diteruskan' umpamanya boleh dijadikan sebagai penyuntik yang boleh memberikan semangat kepada para belia meneruskan kehidupan dalam apa jua bentuk keadaan.

Mempunyai ilmu ketahanan dan jati diri yang

mantap adalah juga penting dalam menghadapi dan menangani gejala-gejala tidak sihat yang mungkin akan dihadapi. Penglibatan para belia dalam apa jua bentuk persatuan bukan kerajaan sangat-sangat digalakkan kerana dari situ banyak pendidikan dan pengajaran yang boleh diambil sebagai pemangkin ke arah menjadikan mereka sebagai seorang belia yang dedikasi, bersemangat dan bertanggungjawab.

Dalam aktiviti perkhemahan, perkampungan, per muzakarah dan apa jua bentuk perkumpulan yang sihat dalam masyarakat boleh membentuk para belia mengenali erti kehidupan dan peranan mereka kepada bangsa dan negara.

Untuk mempersiapkan para belia dengan pelbagai ilmu terdapat beberapa pihak yang perlu sama-sama mengambil peranan iaitu pihak pendidik dan ibu bapa kerana

mereka merupakan guru terdekat yang boleh dicontohi.

Dalam kehidupan bermasyarakat, ibu bapa perlu mendidik anak-anak dari kecil hingga ke peringkat remaja dan belia untuk mencapai hidup yang sempurna, di samping menanamkan nilai-nilai murni.

Dalam pada itu di pihak sekolah pula, pendidikan pelbagai kemahiran bidang ilmu perlu diberikan perhatian agar setiap murid dan pelajar akan menjadi seorang remaja dan belia yang berpendidikan dan berkemahiran.

Dengan adanya tanggungjawab dari kedua-dua pihak ini adalah diharapkan akan lahir para belia yang lebih dinamik.

Mohd. Mazdi Haji Marsidi,
Maktab Teknik Sultan
Saiful Rijal, Jalan Muara.
No. k/p: 00-310905.

Belia perlu jauhi diri daripada gejala sosial

BELIA aset penting pada negara. Merekalah yang akan menjadi pelapis generasi lama yang akan meneruskan, memperjuangkan serta memajukan ekonomi negara. Oleh sebab itulah, belia pada masa sekarang lebih perlu dinamik.

Negara sangat memerlukan belia yang cergas yang bersemangat dari semua aspek terutama dari segi tenaga pekerja sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Ini adalah kerana tenaga mereka sangat diperlukan agar dapat menghasilkan atau melahirkan

produk-produk yang lebih berkualiti. Pada masa yang sama juga, negara akan bertambah maju.

Belia yang proaktif akan dapat mengharumkan nama negara di mata dunia terutama dalam bidang sukan. Oleh itu, para belia haruslah menjauhi diri dari gejala-gejala yang tidak sihat seperti budaya lepak, pemugut, penyalahgunaan dadah, menghidu gam dan lain-lain. Jika mereka terlibat dengan gejala-gejala ini, maka hancurlah masa depan negara kerana mereka merupakan pelapis generasi pada masa sekarang.

Memandangkan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sedang membangun, kita amat mustahak mempunyai belia yang berpendidikan agar seimbang dengan keperluan negara. Banyak inisiatif inisiatif telah dibuat oleh pihak kerajaan seperti membina banyak sekolah rendah, menengah dan maktab untuk memberikan pendidikan yang secukupnya. Tanpa adanya pendidikan, sesebuah negara itu tidak akan dapat melahirkan belia yang dinamik.

Untuk memajukan sese-

buah negara itu, kita perlu memiliki belia yang cergas yang bersemangat ketika melakukan sebarang pekerjaan. Negara akan mengalami kerugian jika pekerja-pekerja di kalangan para belia ini tidak dinamik dan produktif.

Bagi memberikan galakan kepada belia-belie ini, maka pihak kerajaan telah mengadakan beberapa anugerah seperti anugerah pekerja cemerlang yang dianjurkan oleh Institusi Perkhidmatan Awam pada setiap tahun.

Begitu juga dengan

pihak swasta dengan cara mereka yang tersendiri.

Dengan adanya anugerah ini, belia akan lebih bersemangat ketika melakukan pekerjaan. Belia yang dinamik akan dapat membantu negara lebih berkemampuan dalam menghasilkan produk-produk yang berkuantiti lagi berkualiti.

Razami Haji Razali,
Simpang 845-10-43,
Kampung Jangsak,
Kilanas, BF 2720.
No. k/p: 00-113138.

SUPAPHMNB dan SPAT juara peraduan tahlil, doa arwah

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

LUMAPAS, Sabtu, 2 Disember. - Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah (SUPAPHMNB), Kilanas Brunei II menjadi juara kategori lelaki, manakala Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT) menjuarai kategori perempuan dalam Peraduan Membaca Tahlil dan Doa Arwah Bagi Murid-murid Sekolah Agama Persediaan Arab Peringkat Akhir Negara Bagi Tahun 1427 Hijrah/2006 Masihi yang diadakan di Dewan Sekolah Agama Lumapas di sini.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu disempurnakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zasia binti Haji Sirin.

Sebanyak 16 pasukan terdiri dari lapan pasukan lelaki dan lapan pasukan perempuan dari seluruh negara terpilih ke peringkat akhir.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada ketua dan pembaca doa terbaik bagi lelaki dan perempuan.

Amalan membaca tahlil dan doa arwah di kalangan masyarakat Islam di negara ini merupakan salah satu acara kerohanian bagi memperingati dan mendoakan orang-orang tersayang yang telah kembali ke rahmatullah agar mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu amalan tersebut juga memberikan manfaat dan pahala kepada orang yang membacanya.

Pos Polis Kampong Lumapas siap dibina

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

LUMAPAS, Isnin, 5 Disember. - Majlis Penyerahan Anak Kunci Bagi Bangunan Baru Pos Polis Kampong Lumapas yang telah siap dibina diadakan di Pos Polis berkenaan di sini.

Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Salleh menyerahkan anak kunci Pos Polis tersebut kepada Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani yang kemudiannya menyerahkan kepada Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei, Pemangku Penguasa Kanan Polis Pengiran Rakit bin Pengiran Haji Osman.

Pos Polis tersebut yang dibina di atas tapak Pos Polis lama pada 1 Ogos 2005 itu siap pada 31 Mei 2006 dengan menelan belanja \$140,000.00.

Bangunan dua tingkat ini mengandungi tiga bilik tidur, tiga tandas, dapur di bahagian atas, manakala bahagian bawahnya pula menempatkan bilik pejabat, bilik persidangan dan stor.

Pos Polis Kampong Lumapas ini akan didiami oleh seorang anggota polis yang berpangkat kopersal berserta keluarganya.

Antara tujuan Pos Polis diadakan ialah untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai secara lebih cepat, mewujudkan kehadiran polis di kawasan luar bandar, menghampiri masyarakat setempat bagi menjalin hubungan yang baik serta bekerjasama dengan pihak polis dalam sama-sama mencegah dan membanteras kejadian jenayah dan antisosial di kawasan berkenaan.

Menurut statistik 2006 ini empat kes rompakan, satu kes pemugut, pergaduhan dan kes tong gas meletup mengakibatkan kebakaran rumah dan kehilangan sebuah bas mini termasuk lapan kes kemalangan jalan raya juga dilaporkan di Kampong Lumapas.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani menerima anak kunci dari Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Salleh. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

REMAJA

MELANGKAH DENGAN YAKIN

OLEH : H. A. MANAP

TAHUN baru Masihi baru tiga hari kita lalui sementara tahun 2006 ditinggalkan dengan banyak kegiatan-kegiatan menarik yang mempunyai kepentingan dalam membina kekuatan dan juga jati diri kalangan para remaja dan belia khususnya. Kegiatan-kegiatan di akhir tahun 2006, yang dilaksanakan di saat ramai para pelajar sedang bercuti sekolah adalah merupakan langkah penting dalam membina pemedulian berterusan kepada mereka di saat waktu lapang yang begitu panjang untuk dilalui. Pengisian sedemikian ini juga adalah langkah mengatasi gejala sosial yang mencari ruang untuk singgah kepada mereka yang mana membawa kesan yang amat membebaskan sekiranya tidak dipeduli dengan teliti. Justeru bila kita melihat usaha sedemikian dilakukan ia bukan setakat bertujuan mengadakan aktiviti apa yang jelas ialah mesej pemedulian itu adalah suatu yang amat signifikan.

Bila ia diadakan di penghujung tahun 2006, tentulah ia membantu dalam melancarkan peta haluan yang dilalui sepanjang tahun 2007. Ramuan dalam mengharungi proses sedemikian yang diberikan sepanjang melalui kegiatan ini sepatutnya dijadikan sebagai sebahagian bekalan dan kompas laluan. Sudah menjadi kelaziman pertukaran tahun menjadi sukat-sukat atau 'milestone' perjalanan seterusnya. Banyak yang menjadikan pertukaran tahun sebagai permulaan untuk menukar haluan atau memperkuat strategi kehidupan. Namun sepatutnya ini tidak berlaku, sebagai generasi muda belia, pertukaran biar dijadikan sebagai proses kesinambungan peningkatan diri. Kita perlu belajar membuat unjuran kerja dan fokus yang boleh dijadikan sebagai objektif pencapaian. Maksudnya kalau kita mahu mewujudkan perancangan yang lebih kemas kini ia perlu kepada 'time frame' yang munasabah dan ia bersifat boleh dicapai atau 'achievable'. Rasional perancangan perlu diwujudkan ialah sekitar dua ke tiga tahun.

Bermula dari pelaksanaannya ia perlu digembleng dengan penuh keyakinan agar setiap sudut strategi yang ingin dicapai terlaksana. Inilah yang dinamakan langkah-langkah ke arah pembinaan kekuatan diri dan jati diri yang unggul. Setahun yang telah kita lalui telah banyak memberikan kita ruang dan pengalaman yang cukup untuk mengajar kita dalam pelbagai hal. Semuanya akan terus berlaku dan bergolak selari dengan kehendak dan juga pergolakan masa. Apa pun bentuknya ia bergantung kepada cara dan kebijakan kita dalam memilih dan juga menerima pergolakan sedemikian untuk menambah kecekapan dan kemahiran yang sedia ada. Biarlah segala yang telah kita tempuhi sepanjang tahun 2006 yang akan kita tinggalkan sejauhnyalah menjadi guru yang mengajar pengalaman kehidupan setiap diri remaja dan individu belia.

Memang sudah menjadi suatu perkara yang tidak mudah untuk dilakukan, apabila kita menginginkan pembaharuan dan juga perubahan, kita tidak akan lepas dari rintangan dan hadangan. Ini berlaku kerana proses perubahan tidak akan mencapai kualiti tinggi tanpa adanya gangguan yang boleh mewujudkan proses keyakinan diri. Justeru pengalaman, pengetahuan dan kecekapan diri berperanan besar dalam menentukan peta haluan itu dapat berfungsi sebagai kompas yang memandu hala tuju. Meskipun pada waktu yang sama akan ada pula gangguan yang akan bersifat hadangan. Keyakinan diri seseorang hanya akan mampu meningkat dan berkualiti tinggi jika terdapat sesuatu yang bersifat cabaran dan yang boleh mewujudkan provokasi yang matang. Contoh yang paling ketara kita lihat ialah apabila adanya aktiviti perkhemahan pengakap, perkhemahan belia tanpa dadah dan juga pelbagai aktiviti lain yang bermatlamat sama ke arah membina

kekuatan jati diri belia dan remaja, diadakan mengisikan cuti persekolahan remaja dan pelajar amnya. Inilah sebenarnya elemen yang mampu merubah dan juga memberikan 'in-put' baru kepada mereka yang terlibat.

Generasi remaja dan belia perlu menyedari dengan penuh keyakinan iaitu semakin banyaknya usaha meningkatkan keupayaan jati diri remaja dan belia, maka semakin kuat jugalah provokasi yang mengundang cabaran dan melemahkan perubahan. Adakalanya perubahan tidak boleh berlaku, malahan ia hanya menjadi impian dan angan-angan kosong yang tidak terpenuhi. Ini kalau terjadi patut menjadi isu yang semestinya dikhuatiri oleh setiap individu remaja dan belia. Maka dalam hal ini adalah wajar, dalam mewujudkan peta laluan yang mempunyai unjuran matlamat yang dilakukan dalam tempoh tertentu. 'Bingkai waktu' hendaklah berpatutan untuk memudahkan pencapaian ke arah matlamat yang diinginkan itu. Kalau ini sudah dapat dilakukan oleh kalangan generasi remaja dan muda belia, kita penuh yakin bahawa langkah-langkah di tahun 2007 ini akan mengangkat lagi keupayaan dan kekuatan jati diri mereka.

Pencapaian tahun yang akan ditinggalkan patut dijadikan iktibar besar, sejauh mana kita sudah mampu melalui dan menjadi orang yang berperanan besar dalam mencapai matlamat kehidupan. Bagaimana tahap dan nilai yang terlaksana dan yang diperolehi. Kita mesti menjadikan tahun lalu sukat-sukat untuk dijadikan modal keyakinan diri untuk unjuran perancangan yang akan disediakan untuk tahun-tahun mendatang. Bersiap dan sentiasalah bersedia dalam memenuhi kehendak masa dan persekitaran dengan langkah yang penuh berkeyakinan. Inilah merupakan resepi penting yang akan menyumbang ke arah pencapaian yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 754 keluaran 20 Disember 2006, ialah :

Bangunan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Seri Begawan.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 754 keluaran 20 Disember 2006

Normuneerah binti Yahya,
Sekolah Rendah Dato Mohd.
Yassin.
Umur : 12 tahun

Muhd. Nur Hilman Lufti bin
Muhd. Hamdi,
Sekolah Rendah Lumapas.
Umur : 8 tahun

Siti Nuralya'a Rasyiqah binti
Riza Masdi,
Sekolah Rendah Cahaya
Bina Insan.
Umur : 6 tahun

ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN**



SOALAN ALAI PINTAR 756

1. Apakah nama bangunan ini?

2. Di manakah letaknya?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 756

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 756,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

BERITA pertunangan Zulaikha yang bakal menjelang tidak lama lagi telah diketahui oleh rakan-rakan sekerjanya. Dia merasa gembira ketika itu, kadang-kadang terasa bagaikan mimpi yang dia akan bertunang dengan kekasihnya Fahmy. Debaran dan kegembiraan datang silih berganti. Setelah lebih kurang dua tahun menjalin kasih mereka akan diikatkan dan dijangka mereka akan mengadakan perkahwinan beberapa bulan saja selepas pertunangan mereka.

"Eka, besok pagi, jangan lupa kita pergi pilih cincin yea?" Fahmy mengingatkan Zulaikha sebelum Zulaikha turun dari keretanya ketika menghantar Zulaikha pulang dari bekerja petang itu.

"Insya-Allah, abang tolong kejutkan Eka pagi besok, manalah tau Eka lambat bangun, abang telefon Eka yea?" Balas Zulaikha dengan senyuman yang manis. Fahmy hanya mengangguk sebagai jawapan.

Malam itu Fahmy menelefon Zulaikha. "Assalamualaikum sayang, sedang buat apa tu?"

"Walaikumsalam abang, Eka sedang menaip sambungan novel Eka yang belum siap ni. Masa ni pula, Eka sedang jawab telefon. Kenapa abang telefon, ada apa-apa ke?"

"Ada, abang ada hal nak beritau Eka. Penting sekali, Eka janganlah marah pada abang yea?" kedengaran suara serius, namun hakikatnya dia tersengih-sengih di sana.

"Kenapa ni bang, apa yang abang bagitau Eka ni, cakap sajalah, janganlah buat Eka tak senang hati." Zulaikha terasa seperti ada sesuatu.

"Betul ke Eka nak tau nie?" Fahmy terus membuatkan Zulaikha merasa lebih teruja untuk mengetahui tentang perkara yang ingin disampaikan.

"Abang ni ...?" ujar Zulaikha separuh merajuk. Fahmy hanya ketawa bila dia mengerti bahawa Zulaikha mula merajuk.

"Abang rindukan Eka ...!" Fahmy mula bersuara selepas diam seketika. Zulaikha tersenyum bangga. Sememangnya, dia sendiri juga merindui bakal tunangannya itu.

"Eka masih buat novel tentang kita kan?" sambung Fahmy semula.

"Hmmm ... yea ... kenapa pula? Abang tak suka ke?" balas Zulaikha.

"Tak adalah ... saja abang nak tau, cepat-cepatlah siapkan novel Eka tu, nanti sempat juga abang nak baca ... mesti kisahnyanya bahagia tau ... akhirnya kisah yang Eka tulis tu, mesti dia orang tu kawin, baru seronok nak baca," ujar Fahmy dengan suara yang ceria.

"Insya-Allah, Eka akan cuba," ujarnya dengan nada perlahan.

"Eka ..." panggil Fahmy lembut dengan penuh rasa kasih.

"Ya bang?" balas Eka perlahan.

"Eka mesti capai cita-cita Eka nak tulis sebuah novel, nanti Eka akan dapat menulis lagi untuk novel selanjutnya. Abang bangga bakal isteri abang adalah seorang yang suka berkarya. Abang doakan Eka berjaya dengan apa yang Eka minati ni, walaupun Eka sibuk dengan murid-murid Eka, abang tetap mengharapakan kejayaan Eka dalam bidang tu." Panjang lebar Fahmy memberikan Zulaikha dorongan dan semangat. Tanpa disedari, air mata Zulaikha hampir terkeluar mendengar kata-kata Fahmy.

"Eka, abang sayang pada Eka, kalau boleh abang nak bersama Eka sampai bila-bila pun abang nak jaga Eka, nak baca cerita-cerita yang Eka tulis,

nak juga abang membaca puisi-puisi yang Eka lakarkan, biarlah abang menjadi peminat setia Eka sampai bila-bila pun," sambung Fahmy lagi.

"La, abang nak jadi peminat setia Eka saja ke, macam mana dengan Eka ni bang?" duga Zulaikha sambil tersenyum.

"Macam mana apa pula?" Fahmy kebingungan.

"Tak jadi kawinlah kita kalau macam tu bang?" Zulaikha pura-pura tidak faham.

"Eh, apa Eka cakap ni, takkanlah kita tak jadi kawin?" Fahmy semakin bingung dengan Zulaikha.

"Habis tu, yang abang nak jadi peminat Eka sampai bila-bila tu macam mana kita nak kawin?" kata Zulaikha sambil tertawa kecil.

"Laa, nakalnya Eka ni ... kita kawin le, abang jadi peminat Eka sebagai penulis le ... kan bang nanti jadi suami Eka?" mereka sama-sama tertawa.

"Eka ...?" Fahmy menyambung lagi kata-katanya setelah reda ketawa mereka tadi.

"Eka sayang pada abang tak?"

"Mestilah Eka sayang, kenapa abang tanya Eka macam tu?" balas Zulaikha kehairanan.

HANYA KENANGAN

"EKA, abang sayang pada Eka, kalau boleh abang nak bersama Eka sampai bila-bila pun abang nak jaga Eka, nak baca cerita-cerita yang Eka tulis, nak juga abang membaca puisi-puisi yang Eka lakarkan, biarlah abang menjadi peminat setia Eka sampai bila-bila pun," sambung Fahmy lagi.



CERPEN

Oleh : Melati Putih

jawab salam mereka pun sama-sama meletakkan gagang telefon. Fahmy yang merasa letih terus meletakkan matanya, manakala Zulaikha menyambung semula kerja untuk menyelesaikan novel pertamanya itu.

Esok paginya, telefon di meja Zulaikha berdering mengejutkan Zulaikha dari tidurnya. Zulaikha bingkas bangun untuk menjawab panggilan tersebut.

"Assalamualaikum sayang? Baru bangun ke?" sapa Fahmy dengan lembut.

"Walaikumsalam abang, Eka baru bangun ni, awalnya abang telefon? Kan baru awal subuh ni, terkejut Eka tau?"

"Sengaja abang kejutkan Eka untuk Sembahyang Subuh ...," balas Fahmy sambil tertawa-tawa bila mendengar suara Zulaikha yang masih pelat-pelat disebabkan baru bangun dari tidurnya.

"Okeylah sayang, sembahyanglah yea ... jangan marah, abang cuma rindukan Eka dan teringat sangat nak dengar suara Eka pagi ni, nanti jam 8.00 pagi jangan lupa temu janji kita yea, byee ... abang saaa ...yang Eka!" Zulaikha hanya mampu tersenyum tidak sempat hendak membalas kata-kata itu, Fahmy sudah pun meletakkan gagang telefonnya.

Kegelisahan, kedukaan dan air mata adalah bahagian dari sketsa hidup dan kehidupan kita sekalian hamba di dunia ini. Titisan air mata yang bermuara dari hati dan berselaputkan kegelisahan jiwa terkadang memilukan, hingga mencipta keresahan dan

kebimbangan. Kedukaan kerana kerinduan yang teramat sangat dalamnya menyebabkan kepedihan yang menyekatkan ruang dada. Jiwa yang rapuh pun mengadu berkeluh-kesah pada alam serta isinya, bertanya, di manakah pasangan jiwa berada. Lalu hati menciptakan serpihan kegelisahan, bagaikan anak kecil yang kehilangan ibunya.

Keinginan bertemu pasangan jiwa, bukankah itu sebuah fitnah seorang hamba? Semua itu hadir tanpa disedari sebelumnya, hingga tanpa sedar telah menjadi sebahagian hidup dan kehidupan yang tidak terpisahkan lagi. Sebuah fitnah pula bahawa setiap kita sekalian hamba ingin menjadi seorang isteri atau suami dan ibu atau ayah yang baik banding menjalani kehidupan bersendirian dengan sentuhan kasih sayang dan belaiannya, maka sebagai insan berharap semoga terbentuklah jiwa-jiwa yang soleh dan solehah. Zulaikha berhenti menulis dan tersenyum merenung semula tulisannya, hatinya berbunga riang namun seolah ada yang mengganggu perasaannya. Sudah jam 8.30 pagi, Fahmy masih juga belum muncul-muncul di rumah Zulaikha. Zulaikha menjadi gelisah. Tadi awal subuh, Fahmy yang menelefon beriya-nya mengejut dirinya supaya bangun.

Sekarang waktu terus berlalu dan matahari semakin meninggi, Fahmy belum juga muncul-muncul. Bila Zulaikha menghubungi telefon bimbitnya,

KEGELISAHAN, kedukaan dan air mata adalah bahagian dari sketsa hidup dan kehidupan kita sekalian hamba di dunia ini. Titisan air mata yang bermuara dari hati dan berselaputkan kegelisahan jiwa terkadang memilukan, hingga mencipta keresahan dan kebimbangan.

Dari muka 8

Hanya Kenangan

pula dapat dihubungi. Macam-macam perasaan Zulaikha yang timbul, rasa risau ada, rasa hendak marah pun ada. Tetapi bagi Zulaikha, kenapa harus marah? Sedangkan diri ini hanya hamba Allah yang hina. Tidak perlu marah, tetapi sabar. Pujuk hatinya. Namun kerisauan hatinya semakin bermaharajalela dalam hatinya. Apakah yang terjadi kepada Fahmy sebenarnya. Hati Zulaikha semakin berdebar-debar dan marahkan dirinya sendiri kerana berfikirannya yang bukan-bukan.

Betapa mulianya kedudukan seorang hamba Maha Pencipta, apalagi bila iman penuh di dada, yang mampu membina dan menjaga keindahan nur Islam hingga memenuhi setiap sudut mahligai yang dibi-

Tiba-tiba telefon bimbit Zulaikha berbunyi, tersentak jantung Zulaikha, hatinya deras berdebar-debar. Dilihatnya pada skrin telefon bimbitnya, bukan nombor telefon Fahmy tetapi nombor pemanggil yang tidak dikenalnya. Kenapakah perasaanku seperti ini? Bicara Zulaikha di dalam hati segera menjawab panggilan tersebut.

"Hello, assalamualaikum?" sapa Zulaikha perlahan.

"Walaikumsalam, boleh bercakap dengan Zulaikha tunang kepada Mohammad Fahmy bin Harun?" Zulaikha sedikit terkejut dan kehairanan, otaknya cuba berfikir siapa pula pemanggil tersebut. Macam mana orang itu boleh tahu sedangkan mereka baru saja hendak bertunang? Kenapa orang itu menelefon? Namun dia

mengiyakannya walaupun dalam keadaan teragak-agak.

"Ini panggilan dari balai polis, tunang awak mengalami kemalangan jam 7.00 pagi tadi, kami tidak menemukan sebarang kenyataan untuk membolehkan kami menghubungi pihak keluarganya, kami hanya terjumpa nombor telefon cik dalam beg simpanannya. Boleh cik Zulaikha membantu kami menghubungi keluarganya dan memberikan kami nombor telefon di rumahnya?" Berita tersebut membuatkan Zulaikha bagaikan bermimpi. Hatinya lantas berdebar kencang. Perasaannya seakan jadi tidak tent arah. Namun segera Zulaikha menjawab bersetuju untuk menyampaikan kepada pihak keluarga Fahmy dan memberikan nombor telefon di rumah Fahmy.

"Bagaimana dengan Fahmy encik?" Tanya Zulaikha berdebar-debar namun hatinya terus-menerus mendoakan agar Fahmy dalam keadaan yang selamat.

"Kami belum tau lagi cik, Fahmy dikejarkan ke hospital Suri tadi." Balasnya kemudian segera mematikan telefon. Zulaikha terus menghubungi ibu Fahmy di Kuala Belait dan menyampaikan berita tersebut.

Setelah mematikan talian dari menghubungi ibu Fahmy, Zulaikha segera meminta izin daripada ayah dan ibunya untuk segera ke Kuala Belait menemui Fahmy yang telah ditimpa kemalangan. Kedua-dua ibu bapanya sangat terkejut, begitu juga adik-adik Zulaikha. Terus saja ayahnya mencadangkan agar mereka pergi bersama-sama

sahaja dan mereka segera bersiap untuk perjalanan yang lebih kurang dua jam lebih untuk sampai itu bersama-sama dengan Zulaikha.

Duhai ... kehidupan manusia bukan hanya untuk dunia fana ini saja, kerana masih ada akhirat. Memang setiap manusia telah diciptakan untuk berpasangan, namun tidak hanya dibatasi dunia fana ini saja. Seorang yang belum menemukan pasangan jiwanya, insya Allah akan dipertemukan di akhirat sana, selama mana ia beriman dan bertakwa serta sabar atas ujian-Nya yang telah menetapkan dirinya sebagai lalang di dunia fana. Mungkin sang pasangan pun tidak sabar-sabar untuk bersua dan telah menunggu di pinggir syurga.

Setelah lebih kurang sejam setengah perjalanan dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait, Zulaikha dan keluarganya pun sampai di halaman rumah Fahmy. Bagaikan terlepas tali jantung Zulaikha bila terpancang sebuah keranda kayu yang disiapkan oleh orang ramai. Wajahnya kelihatan semakin tegang, menunjukkan hatinya tidak tenteram ketika itu adiknya, Nurul, Zana dan Aiman memandang kepadanya tanpa berani bersuara walau sepele pun. Mereka pun berasa berdebar-debar dan sudah dapat mengagak apa yang telah berlaku dari apa yang telah mereka nampak.

Bila mereka semua masuk ke dalam rumah, ibu Fahmy yang seakan-akan menantikan kedatangan Zulaikha terus meluru merangkul tubuh Zulaikha

sambil menangis. Dari tempat mereka berdiri, Zulaikha dapat melihat sekujur tubuh terbaring di atas tilam yang diselubungi dengan kain batik lepas dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Zulaikha cuba menenangkan perasaannya. Siapakah yang sedang terbaring itu? Desis hatinya seakan tidak mahu menerima kenyataan tersebut.

Keresahan dan kegelisahan janganlah sampai merubah pandangan kepada Sang Pemilik Cinta. Kalaupun perasaan itu selalu menghantui, usah lara sendiri, berserah kepada yang Maha Pemurah, kembalikan segala urusan, hanya kepada-Nya, bukankah Dia Maha Memberi dan Maha Pengasih.

Ikhtiar, munajat dan untaian doa tiada habis-habisnya dicurahkan kepada Sang Pemilik Hati. Tak usah membandingkan diri dengan orang lain kerana Dia pasti memberikan yang terbaik untuk hamba-Nya, meski ada kalanya kita sebagai hamba tidak menyedarnya.

"Fahmy dah tak ada Eka!" suara yang pilu itu seakan menyentak kekuatan Zulaikha. Zulaikha merasa semakin bingung. Otaknya bagaikan kosong tidak mampu mengulas apa yang terjadi.

Perlahan Zulaikha menghampiri jenazah yang terbaring kaku. Nafasnya ditariknya dalam-dalam tetapi bagaikan tersekat-sekat. Kain yang menutupi wajah Fahmy dibuka perlahan-lahan. Sebaik sahaja Zulaikha memandang wajah Fahmy, dia seakan-akan tidak dapat menerima hakikat bahawa Fahmy sudah tiada.

KERESAHAN dan kegelisahan janganlah sampai merubah pandangan kepada Sang Pemilik Cinta. Kalaupun perasaan itu selalu menghantui, usah lara sendiri, berserah kepada yang Maha Pemurah, kembalikan segala urusan, hanya kepada-Nya, bukankah Dia Maha Memberi dan Maha Pengasih.

Setelah selesai Fahmy disemadikan, Zulaikha bersama keluarganya serta keluarga Fahmy kembali semula ke rumah. Wajah Zulaikha pucat dan lesu, dia masih seperti merasakan sebuah mimpi yang amat menyedihkan. Sesampainya semula ke rumah Fahmy, barulah Zulaikha seakan sedar bahawa Fahmy telah tiada lagi di dunia ini. Seakan tiada lagi hatinya ketika itu, seolah berkubur dengan jenazah Fahmy yang telah disemadikan tadi.

Tiba-tiba air matanya mulai mengalir perlahan-lahan sedari tadi dia seakan tidak sedar apa yang sedang berlaku dan tadi dia tidak mampu untuk menangis kerana masih dalam keadaan yang benar-benar terkejut dan fikirannya sangat bingung. Hatinya terasa kosong. Tiada apa-apa lagi di dalam hatinya. Jiwanya seakan sepi. Tubuhnya semakin lemah dan seakan melayang-layang. Pendengarannya seolah-olah tidak lagi mendengar apa-apa pun, tidak mengerti apa yang terjadi di sekelilingnya. Masih terdengar dengar lagi di telinganya suara Fahmy semasa mereka berbicara melalui telefon semalam. Zulaikha terkenang pertanyaan Fahmy jika sekiranya dia tiada lagi. Zulaikha memarahi Fahmy dan mengatakan itulah amaran yang terakhir. Serba sedikit Zulaikha menyalah-

kan dirinya kerana berkata sedemikian. Tapi, bukankah hidup mati kita dalam ketentuan dari Allah? Dalam ke-adaan bingung sempat juga dia berfikir seperti itu. Zulaikha terduduk dan terus tersandar ke dinding tidak jauh dari tempat jenazah Fahmy dibaringkan sebentar tadi.

"Mengucap Eka, bawa bersabar! Bertenanglah, kakak faham perasaan Eka. Kakak pun macam Eka, kita sama-sama kehilangannya." pujuk kakak Fahmy. Zulaikha tetap menangis hiba. Terasa seperti dia tidak mampu lagi untuk berdiri.

Ibu Fahmy menghampiri Zulaikha dan duduk serta merta memeluk bahunya seerat-eratnya. Perlahan-lahan ingatan Zulaikha menerjah pada kisah semalam dan pagi tadi. Fahmy yang tiba-tiba mengejutkan pada awal subuh dan mengarakannya untuk menunaikan sembahyang dengan segera. Fahmy yang menyantakan kerinduannya di awal pagi sedangkan mereka merancang untuk bertemu pada pagi itu.

"Ibu, Eka bermimpi-kah?" ibu Fahmy terus memeluk Zulaikha, terikut sama mengalirkan air mata yang mana tadi dia sudah reda dari tangisannya. Zulaikha menangis teresak-esak, terasa amat sakit dan pilu hatinya.

"Kan tadi subuh abang

Fahmy ada telefon Eka, abang kata nak jumpa Eka!" Zulaikha terdiam lagi. Dia masih belum yakin dan percaya bahawa Fahmy sudah tiada lagi. Namun dengan perlahan dia menyambung semula, "Bu, abang Fahmy dah tak ada lagi, dia dah tinggalkan Eka!" Akhirnya dia menerima kenyataan tersebut, menerima hakikat bahawa Fahmy sudah tiada lagi. Yang tinggal hanyalah kenangan. Yang tinggal hanyalah dirinya.

Usahlah bersedih lalu menangis kerana tak kunjung usai memikirkan siapa kiranya pasangan jiwa. Menangislah kerana air mata permohonan kepada-Nya di setiap sujud dalam keheningan pekat malam. Jadikan hidup ini selalu penuh dengan harapan baik kepada Sang Pemilik Jiwa. Bersiaplah menghadapi putaran waktu, hingga setiap gerak langkah serta helaian nafas bernilai ibadah kepada Maha Pencipta.

Musibah dan bencana hidup boleh menimpa sesiapa sahaja mengikut kehendak Allah. Bagi orang yang patuh kepada-Nya, Allah menyediakannya jalan keluar yang mudah dari kesusahan hidupnya dan memberinya rezeki dari jalan yang tidak pernah diduga olehnya sendiri. Inilah janji dan balasan Allah apabila Ia sudah mengasihi kita.

KEMASYARAKATAN

Nasib seorang balu dapat perhatian

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

LUMUT, Jumaat, 8 Disember. - Nasib seorang wanita tua mendapat pembelaan dan impiannya untuk mendiami rumah yang lebih baik tercapai apabila beberapa buah institusi kerajaan terutama Pejabat Daerah Belait bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut I, para penduduk Kampung Lumut I dan Persatuan Pengakap Terbuka 3030 Mukim Liang bergotong-royong mendirikan rumah baru untuk beliau.

Dayang Asmah Abdullah seorang balu berusia 66 tahun berasal dari Kampung Pelompong Sungai Liang menetap di rumahnya yang sudah uzur sejak lebih 30 tahun lalu, papan-papan lantai rumahnya banyak yang reput dan berlubang terutama di bahagian dapur.

Beliau tinggal di rumahnya di Kampung Lalit, Lumut I bersama dua orang anak angkatnya yang masih bersekolah dan enam orang cucunya. Katanya, dia mempunyai enam orang anak angkat, empat orang daripada mereka sudah berkeluarga dan tinggal berasingan.

Beliau merasa gusar setiap kali angin kencang melanda rumahnya terasa bergoyang, bimbang rumahnya akan roboh bila-bila masa. Dengan bantuan pencen tua \$250.00 setiap bulan dan hasil diperolehi komisen menjual jagung \$30.00 seminggu bergantung kepada hasil kutipan tanaman jagung beliau menyara hidupnya sekeluarga.

Bak kata pepatah 'kais pagi makan pagi, kais

petang makan petang' wang tersebut digunakan untuk membeli keperluan makanan harian mereka sekeluarga dan keperluan lain termasuk untuk membayar bil elektrik dan air. Menurut beliau mereka pernah tinggal di rumah itu dalam gelap-gelita apabila bekalan elektrik rumah dipotong kerana tidak




DAYANG Asmah Abdullah seorang balu yang menerima bantuan.

mampu menjelaskan bil elektrik yang tertunggak.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan yang telah bermurah hati menghulurkan bantuan. Dengan keprihatinan Pejabat Daerah Belait dan MPK beliau menarik nafas lega atas bantuan yang diberikan.

Menurut Ketua Kampung Lumut I, Yang Berhormat Awang Haji Shafie bin Ahmad beliau menerima permohonan Dayang Asmah untuk membina sebuah rumah bagi dirinya dan anak-anaknya dengan menghadapkan permohonan tersebut kepada pihak-pihak tertentu terutama Majlis Ugama Islam dan Jabatan Pembangunan Masyarakat. "Alhamdulillah Pejabat Daerah telah memberikan tindak balas dengan menyediakan bahan-bahan mentah bagi keperluan membina rumah beserta pekerja-pekerjanya," jelas beliau.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman mengepalai kerja gotong-royong tersebut.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SEBUAH RAKIT

Sebuah rakit
bermain di bibir laut
meni di dada ombak
turun dan naik.

Sebuah rakit
mengharap demi mengharap
pada yang berkuasa
akan ketibaannya
di mana angin bertiup
di situ ia berpaut.

Sebuah rakit
dibawa gelombang laut
mendampar pada sebuah pulau
menanti seribu rahmat
terhindar pada peluru sesat.

KEHADIRANMU

Hadirmu di pekarangan sekolah
menjanjikan sejuta harapan
setinggi gunung
seluas lautan
bersama sebuah keyakinan
pada diri sendiri
tabah menghadapi.

Di pekarangan sekolah inilah
kehadiranmu menggamit senyuman
berbekalkan segulung ijazah
demi mendidik anak bangsamu
yang haus akan baktimu.

Di pekarangan sekolah ini
tangan halusmu melambai kasih
mengukir memori kerinduan
patutkah aku bertepuk tangan
atau mimpi di siang hari.

Pg. Haji Idris bin Pg. Haji Ismail

SAKRATULMAUT

Akan datang kepadamu
malaikat pencabut nyawa
menjemputmu ke satu alam
yang tak pernah kau kunjung
yang tak pernah kau rasa
yang tak pernah kau pijak
kudrat Tuhan yang membatasi ruang.

Mati mati
mati mati ...
sesuatu yang pasti
tetapi entah bila kita
akan dijemput
dan bagaimana kita
akan dijemput
semuanya dalam rahsia
Tuhan Azzawajalla.

Arakian, dengan pasti sahaja
tidak terbukti
jika tiada bakal menanti
untuk kau bawa pulang
menemui-Nya.

AKAL DAN BUDI

Wahai insan yang diselimuti
terkunci dipeluk jubah mati
gerak dan rentak lagu dusta
membuat dirimu berkelana
hanyut dibuai ombak pesona
nafas mabuk dalam alun alpa.

Bicara dari sanubari
mencari paksi
pada suatu kedamaian
pada hakikat lautan kehidupan.

Di mana Melayuku
yang layu ditusuk duri mawar
deritanya Melayuku
terkulai membusuk kalbu wajah tawar
pecah bernoda teriakan merawat pilu
marilah
kau bangkit semula membina
rumah pusaka bangsa.

Pada taman
kita tanam dan siram
kuntum mekar bunga keramat :
yang kurik itu kundi
yang merah itu saga
yang baik itu budi
yang indah itu bahasa.

Akal dan budi
adalah penyuluh
cahaya kegelapan
yang tersembunyi.

Adi Swara

MENGAPA

Aku tidak mengerti
sifat manusia
begini rupa
ahli kitab di bawah langit biru ini
berpendidikan tinggi
boleh mengingkari janji.

Ya mengapa!

PEMUDA

Pemuda itu membaca Bismillah
kereta bergerak perlahan-lahan menyusur jalan
kereta dipandu dengan tenang dan sabar
bayu menghembus menderu bergelar.

Satu demi satu kereta datang
memotong dengan garang
nyaris-nyaris kereta pemuda terbabas
di pinggir jalan
hatinya berdebar tiada keruan.

Pemandu di jalan raya semacam perlumbaan
mahu cepat sampai arah tujuan
begini setengahnya sifat manusia
jalan raya terus menjerit
di sana sini.

Kereta kecil, besar dan panjang
berengsat-engsat di jalan raya
dengan sedaya upaya tenaga yang ada
merangkak di jalan raya.

Kereta pelbagai rupa dan berjenama
merentasi meluru dengan laju
tetapi pemuda itu terus memandu kereta
meni di atas asfalt jalan raya ternanga.

Mahadi R. S

PUTUS HARAPAN

Berjalan-jalan bersendirian
memakai seluar jeans biru keputihan
berbaju hitam bergaris kelabu
merenung nasib menoleh ke bawah
mata khusyuk melihat di bawah
tiada peduli halangan sesiapa
bergerak juga terus ke hadapan
mengenang nasib sudah mencakar.

Hobinya berkecai
tiada lagi kegembiraan
namun dia terus datang kacau-bilau
mengganggu rama-rama berterbangan
musnah lagi penghayatan
terus berjalan ke hadapan
tapa peduli kata siapa
tanpa menghirau benda di hadapan ...

Aduh!

SEMUA ITU MUNGKIN

Mungkin jadi
mungkin tidak
mungkin jadi tidak
mungkin tidak jadi
mungkin semuanya itu mungkin
mungkin saja ia mungkin
mungkin juga ia tidak mungkin
mungkin menjadi mungkin
mungkin nyata daripada mungkin
mungkin salah daripada mungkin
mungkin kedua-duanya mungkin
mungkin, mungkin kenapalah engkau mungkin!

Ali Termizi

TANAH AIR

Setiap detik penghidupan
kita tidak akan terluput
dari segala gugahan
dan kemungkinan
namun
kita mesti berani menghadapinya
berani menentang arus
berani menempuh bahaya
berani bergadai nyawa.

Begitu kecintaan kita
jiwa, hati dan
seluruh urat saraf ini
merasa bertanggungjawab
tanah air adalah tugas
yang mutlak
maka kerananya
kita rela berkorban apa saja
tapi kita tidak rela
berputih mata
dalam nista menimpa.

Di sini bumi kita
di sini darah kita tertumpah
di sini cinta kita
pasti tercurah.

Tanah air
demi kedaulatan dan kesejahteraan
di sinilah kehidupan kita
bersama Khalifah yang tercinta.

INSAN II

Insan
adakah kau terasa atau merasa
hidup ini adalah pertarungan
jika lalai dan cuai menghadapinya
pasti akan kecundang
hilang punca dan pertimbangan.

Insan
adakah kau terfikir atau memikirkan
perjalanan ini banyak simpangnya
berliku-liku dan berbelit-belit
jika tersilap langkah
akan menerima padah.

Insan
benarlah di sini
sejak semula lagi
sesiapa pun tidak pasti
di kiri kanan persimpangan
melainkan makrifat menjelaskan
adalah liku-liku hayat
hamparan yang mesti dijejaki
dan kita mahu ke mana?

Insan
jika ini telah terjadi
bertafakurlah menilai diri
kita kembali kepada Kitabullah
dan Sunnah Rasulullah
'Tiada Tuhan selain Allah
dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah'
kepada-Nyalah kita berdoa
dan memohon keredaan-Nya.

Rahim M. S.

KEBAKARAN HATI

Bila hati terbakar
semuanya binasa
semua hancur
semua hilang pertimbangan
semua hangus
tinggal debu
tinggal bekas
itulah kebakaran hati.

Bila hati terbakar
wajah-wajah menjadi singa
mulut bicara tanpa sopan
tangan ringan menghayun
kaki ringan menendang
kepala mau saja pecah.

Bila hati terbakar
seluruh jasad meronta
mata-mata menyaksikan
semua ketakutan
semua akur
semua diam
kerana julangan api membesar
kebakaran hati ditiup syaitan.

Bila hati terbakar
ada penawar
bersihkan jasadmu
dengan air wuduk
ucapkan kalimat 'astaghfirullah'
sebanyak mungkin
padamlah kebakaran hati
Allah itu sebagai penawar
sucikan hati daripada kebakaran.

POLITIK

Ada suara 'politik itu kotor'
politik itu mempunyai lembah yang besar
politik itu bisa merubah tamadun manusia
politik itu hanya kepentingan diri sendiri
politik itu pembohong besar
politik itu pendengki
politik itu dendam
apabila orang masuk politik
dia menjerat diri sendiri
konon pembela bangsa
tetapi dalam hatinya
'ada maunya'
kuasa
pangkat
harta dunia
inilah harapan dan cita orang politik
jika menang dia ketawa besar
jika kalah tubuh partai baru
kawan menjadi lawan
lawan menjadi kawan
semua orang mahu diperalatkan
janji itu
janji ini
semangat meninggi gunung
suara seperti halilintar
untuk mendapat kuasa YB
bila kuasa YB sudah di tangan
janji tinggal janji
cerita baru pasti bermula.

Orang agama jangan cuba berpolitik
politik tidak pernah mengajar
kejujuran dan amanah
politik sering bermain di balik tirai
itulah orang politik
justeru itu ada suara
'politik wang'
itulah tanda orang rasuah dan korupsi.

Haji Sulaiman Haji Duraman

INSAN

Gema muazin-Mu
memenuhi angkasa
meni ruang
mendakap lantai
menyeru umat
Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam
memunahkan solat
lima waktu yang wajib
agar jangan leka
dibuai urusan dunia.

Di keliling Baitullah
insan beriman bertawaf
mohon diampunkan
segala dosa.

Di bawah lindungan Ka'abah
titis air mata penyesalan
seorang insan daif
sujud di depan Allah
berserah diri
menarik nafas panjang
dan nafas itu terhenti.

Maya Brunei



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 3 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	THE LOST WORLD
5.15	DRAMA MOU - 'Senja Yang Mekar'
5.45	BERITA
6.20	AZAN MAGHRIB
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	HEAR AND SEE
7.35	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	KERINGAT - 'Ikan Sangkar'
9.30	WARNA WARNI
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN ANTARABANGSA
11.15	BEWITCHED
11.45	BOSTON LEGAL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 4 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutura Ungu'
12.26	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	TRANSIT
------	---------

1.30	GUINNESS WORLD RECORD
2.30	PHILIPPINES MOVIE - 'Minsan Minhal Kita'
3.48	AZAN ASAR
4.00	SAMURAI X
4.30	DRAGON TALES
5.00	SCIENCE FRONTIER 'TSUNAMI CHASER'
5.45	BERITA
6.00	ARCHITECTURE 21
6.21	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	WARTA ISLAM
7.35	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA - 'Ada Apa Dengan Mu'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'Murder By Numbers'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 5 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	PRINCESS STARLA & THE JEWEL RIDERS
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	WILDLIFE DIARY
12.15	FINGER TIPS
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	GOL GOL BRUNEI
2.45	FOKUS
3.15	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Dhund - The Fog'
3.49	AZAN ASAR
3.56	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID
6.21	AZAN MAGHRIB
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	DRAMA - 'Genap Dua'
7.36	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL

9.00	RANJAU KEHIDUPAN
9.30	IRSYAD HUKUM
	AIDILADHA
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Hati Bukan Kristal'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 6 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H.
10.45	FERGUS McPHAIL
11.15	DRAMA - 'Menadah Gerimis'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.27	AZAN ZUHUR

PETANG

12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'A Touch Of Fate'
2.00	DRIVE
2.30	SPORT PAGE 2005
3.00	THIRD WATCH
3.49	AZAN ASAR
4.00	JAMIE'S SCHOOL DINNERS
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID: CAITLIN'S WAY
5.45	BERITA
6.15	PORTS CALL
6.22	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	WORLD REVIEW 2006
7.30	MANAGING GLOBAL BUSINESS
7.36	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Enough'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 7 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI

6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	GIRL STUFF BOY STUFF
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Fly Away Home'
12.28	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	REBEL BILLIONAIRE
2.15	ON THE BALL
2.45	JUARA - Siaran Langsung
3.50	AZAN ASAR
4.00	CARLAND CROSS
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	BIG CAT DIARY - 'Spesies Flora Aquatik'
6.22	AZAN MAGHRIB
6.30	MUSULMAN THE UNTOLD STORY

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA
7.37	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Jula Juli Bintang Tiga'
10.00	NEWS AT 10
10.45	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	STRONG MEDICINE
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 8 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI

4.20	THE LEGEND OF ZORRO
5.15	GILLETTE WORLD SPORT
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMALS
6.23	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	LINGKARAN IMAN - Ulangan
7.37	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Hadiah Buat Ibu'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN GLOBAL 2006
11.15	PRIVATES LIVES - 'Growing Up Old'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 9 JANUARI

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	EVEN STEVENS
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	MAPLETOWN
4.45	BUG ALERT
5.15	SCIENCE WORKSHOP
5.45	BERITA
6.00	DIAN HIDAYAH
6.23	AZAN MAGHRIB
6.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	DRAMA - 'Masih Ada Rindu'
7.30	GAYA HIDUP - 'Ikan Sangkar'
7.37	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS SENARIO
9.30	NEWS AT 10
10.00	DRAMA BMR 'KOD 486'
10.45	MUSIM 2
11.45	WITHOUT A TRACE
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Projek : THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING AND COMMISSIONING OF INSTRUMENT LANDING SYSTEM / DISTANCE MEASURING EQUIPMENT SYSTEM (ILS/DME) AND PROVISION OF OTHER RELATED SERVICES

Bilangan Tawaran : JPA/RKN/908-006/01 ILS

Tender Fee : \$500.00

Tarikh Tutup Tawaran : 27 Februari 2007, jam 2.00 petang
Tarikh Information Day : 25 Januari 2007

Projek : THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING AND COMMISSIONING OF INSTRUMENT LANDING SYSTEM / DISTANCE MEASURING EQUIPMENT SYSTEM (ILS/DME) AND PROVISION OF OTHER RELATED SERVICES

SIONING OF PRIMARY RADAR SURVEILLANCE SYSTEM (PSR) AND PROVISION OF OTHER RELATED SERVICES

Bilangan Tawaran : JPA/RKN/908-006/02 PSR

Tender Fee : \$500.00

Tarikh Tutup Tawaran : 27 Februari 2007, jam 2.00 petang
Tarikh Information Day : 25 Januari 2007

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat, ditulis dengan:-

Kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 27 Februari 2007.**
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jalan Berakas dengan bayaran Yuran Tawaran sebanyak \$500.00 (tidak dikembalikan).
5. Tarikh terakhir untuk mengambil Dokumen Tawaran ialah **24 Januari 2007.**
6. Semua syarikat yang mengambil Dokumen Tawaran dan berhasrat untuk mengambil bahagian adalah perlu menghadiri "Information Day" yang akan diadakan pada pukul 9.00 pagi, 25hb Januari, 2007 di Bilik Asyura, Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
7. Penerbangan-penerbangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Secretariat (Airport Masterplan), Jabatan Penerbangan Awam, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jalan Berakas. Telefon : 2330142/2330143
Fax : 2333666/2331706
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

TENDER NO : RTB/MS/1/06-07-08
Tajuk : 'TELEVISION AND RADIO AUDIENCE
AND MEDIA SURVEY FOR RTB'
Tarikh Tutup : 16 Januari 2007

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal perkhidmatan Kajian Media.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Bahagian Enterprise, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran yuran sebanyak **B\$50.00** (tidak dikembalikan)
3. Bayaran wang yuran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan sahaja.
4. Tawaran ini hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bilangan Rujukan Tender (Tender No) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
5. Tarikh tutup tawaran ialah pada **hari Selasa, 16 Januari 2007, jam 2.00 petang.** Semua tawaran hendaklah dihantar sebelum tarikh tersebut.
6. Tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat di bawah:
**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
TINGKAT 1, BANGUNAN SEKRETARIAT
JALAN ELIZABETH 2
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**TAWARAN BAGI KERJA-KERJA
PENGUBAHSUAIAN VIP LOUNGE**

BILANGAN TAWARAN : KPSU/BPK/TAWARAN/2006/02

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi Pengubahsuaian VIP Lounge, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
2. Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar didalam kelas II dan III kategori 1 dan 2. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran ialah 19 Disember 2006.
Tarikh Tutup Tawaran ialah hari Selasa 9 Januari 2007, jam 2.00 petang.
3. Jumlah Yuran adalah seperti berikut:

Kelas Penender	I	II	III	IV	V	VI
Dokumen Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00
Dokumen elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00

4. Setiap pemborong yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar wang yuran dokumen dan yuran tawaran sejumlah mengikut kelas dan kategori masing-masing seperti jadual di atas di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jalan Menteri Besar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Waktu menerima pembayaran wang yuran adalah seperti berikut:

Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00pagi - 11.30 Pagi

1.45 petang - 3.30 petang

Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki menunjukkan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal menyatakan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran seperti yang ditetapkan.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis "TAWARAN BAGI KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN VIP LOUNGE, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA", bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong, dimasukkan kedalam Peti Tawaran tidak lewat pada **hari Selasa, 9 Januari 2007 jam 2.00 petang** dan ditujukan kepada:
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam**
7. Dokumen-Dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jln Menteri Besar, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
10. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah di sertakan bersama.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PEMBATALAN TAWARAN

DIMAKLUMKAN bahawa Bilangan Tawaran :
JKP/KPSU/TAW/2007/5 -

Membekalkan satu (1) buah kenderaan jenis 4 Wheel Drive (4WD) yang telah diiklankan pada 27 Disember 2006 adalah dengan ini **DIBATALKAN**



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan **Tawaran Biasa** seperti yang dilampirkan bersama dan hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang, hari Selasa pada 23 Januari 2007.** Manakala bagi Tender **DRG** hendaklah dihantar tidak lewat dari **jam 2.00 petang, hari Selasa pada 27 Februari 2007.**
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut dibawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sahlaku

TAWARAN BIASA

BIL. TAWARAN : KK / 01 / 2007 : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DENTAL LABORATORY, STATE DENTAL CENTRE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS. Yuran Tawaran : \$200.00.

TARIKH TUTUP IKLAN : 23 JANUARI 2007

BIL. TAWARAN : DRG / 01 / 2007 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE (3) YEARS (LIST 1 / 2007) \$200.00

BIL. TAWARAN : DRG / 02 / 2007 : SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE (3) YEARS (LIST 2 / 2007). Yuran Tawaran : \$200.00'

TARIKH TUTUP IKLAN : 27 FEBRUARI 2007

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/3jan/ikerja.htm>
Iklan-iklan tawaran <http://www.brunet.bn/news/pelita/3jan/iiklan.htm>
iklan-iklan kursus <http://www.brunet.bn/news/pelita/3jan/ikursus.htm>



PERADUAN MENULIS ESEI ANJURAN INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM 2007

PENGENALAN

PERADUAN ini adalah sebahagian dari aktiviti tahunan yang diungkuhkan oleh Institut Perkhidmatan Awam. Ia juga satu inisiatif IPA bagi menambah koleksi esei-esei yang bakal dimuatkan dalam penerbitan IPA. Esei-esei itu diharapkan akan menjadi penjana kepada kemantapan dan kemajuan Perkhidmatan Awam bagi menghadapi cabaran-cabaran di abad 21.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibukakan kepada semua Warganegara Negara Brunei Darussalam dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam lebih dari 1 tahun dan berumur 18 tahun ke atas.
- Seorang peserta boleh menghantar lebih dari satu esei.
- Semua esei yang menyertai peraduan ini menjadi hak milik Institut Perkhidmatan Awam.
- Pihak Penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak memenuhi syarat.
- Semua esei dihantar dua (2) salinan ke Institut Perkhidmatan Awam bersama disket.
- Menyertakan sekeping gambar penulis berukuran pasport.

BUTIR-BUTIR ESEI

Tema :

- Kepimpinan
- Kualiti dan produktiviti
- Nilai dan Etika
- Teknologi Maklumat
- Pengurusan dalam Islam
- Pengurusan kewangan
- dan semua aspek mengenai pengurusan

Jumlah Perkataan :

Setiap esei hendaklah tidak kurang dari 2,500 perkataan dan tidak lebih dari 5,500 perkataan.

Format Penulisan :

- Dua baris langkau pada sebelah permukaan kertas saiz A4 sahaja.
- Disertakan juga sinopsis (ringkasan esei)
- Mestilah berbentuk ilmiah (ada kajian, graf dan data)

Bahasa :

Esei hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.

Rujukan :

Setiap petikan atau rujukan mestilah mempunyai bibliografi.

PENGHAKIMAN

Semua penyertaan akan dihakimi oleh sebuah panel hakim yang dilantik. Keputusan hakim adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Pada hari Isnin 23 Julai 2007
Pukul 4.00 petang.

BORANG PENYERTAAN DAN ESEI

Hendaklah dihantar kepada :

Setiausaha Jawatankuasa
Peraduan Menulis Esei Anjuran Institut Perkhidmatan Awam
Institut Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Simpang 256 - 24, Jalan Kampong Rimba
Gadong BE 3119
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

HADIAH

Pemenang Pertama	: B \$ 1,200.00
Pemenang Kedua	: B \$ 1,000.00
Pemenang Ketiga	: B \$ 800.00
6 Hadiah Penghargaan	: B \$ 200.00
Hadiah Saguhati	: B \$ 50.00

PERADUAN MENULIS ESEI ANJURAN INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM 2007

BORANG PENYERTAAN

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Warna Kad Pengenalan : Kuning / Ungu / Hijau *

Pekerjaan :

- ☐ Pegawai Kerajaan
☐ Swasta
☐ Persendirian
☐ Penuntut
☐ Lain-lain (Nyatakan)

Jawatan :

Alamat :

No. Telefon Pejabat : Rumah :

Judul Esei :

Pengakuan

Saya mengaku bahwa esei ini adalah hasil penulisan saya sendiri dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana jua buku, majalah dan apa jua penerbitan, dan jika sebaliknya maka saya akan bertanggungjawab bagi apa jua perkara yang mungkin berbangkit kemudian. Saya juga bersetuju bahawa esei ini akan menjadi hak milik Institut Perkhidmatan Awam yang berhak menggunakan dalam apa jua bentuk yang difikirkan sesuai.

Tarikh : Tandatangan :

- Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 24 JANUARI 2007)
BILANGAN IKLAN : 01/01/07 (SPA/BMI)**

Syarat-syarat Am :

- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**PT1. PEGAWAI PERHUTANAN
JABATAN PERHUTANAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3:

- Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan sebanding dalam bidang Sains Perhutanan atau bidang bersesuaian.

Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2:

- i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang Sains Perhutanan atau bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji C3 dalam jawatan berkaitan dengan Perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau bidang bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Penolong Pegawai Perhutanan dalam tanggagaji C3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan Perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau bersesuaian dalam tanggagaji C3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**PT2. JURUPULIH CARA KERJA
(OCCUPATIONAL THERAPIST)
UNIT PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pemulihan Cara Kerja (*Occupational Therapy*).
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Khas.
ii) Diploma lepasan ijazah dalam bidang Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapy*).
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**PT3. PEMBANTU PENGARANG
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau kelulusan sebanding dalam bidang Penulisan atau bidang bersesuaian.
Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Telah berkhidmat dalam Jabatan yang sama dalam jawatan berkaitan dengan bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan bidang penulisan atau penyuntingan atau penerbitan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam bidang penulisan secara kreatif dan non-kreatif serta dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.
- c) Pemohon-pemohon yang dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik serta boleh membaca dan menulis jawi dengan baik adalah kelebihan.

**PT4. JURUTEKNIK FOTO TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1 EB.2-3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- Berkebolehan memproses filem-filem gambar serta membuat *caption* adalah kelebihan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI
BILANGAN PT1 DAN PT4:**

**PENYAMBUK TETAMU TINGKAT 1
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455**

KEMENTERIAN KESIHATAN

**LK5. PEMBANTU PERGIGIAN
DI JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
M.3 EB.4 (\$570 - \$1,175 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN LK5:**

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
TINGKAT I, KEMENTERIAN KESIHATAN
COMMONWEALTH DRIVE, JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

**LK6. PEGAWAI PENCEN-PENCEN TINGKAT II
DI JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran termasuk mata pelajaran Akaun / Matematik dalam Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan atau bersesuaian dalam tanggagaji E1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN LK6 :**

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17, TINGKAT 7
JALAN KEBANGSAAN BA1210
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**LK7. PEGAWAI MUBALIGH
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan sebanding serta lulus Peperiksaan Sekolah Ugama Darjah VI (Sijil Sekolah Rendah Ugama).
Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- Berpengetahuan dalam Bahasa Puak Asli di Brunei selain daripada Bahasa Melayu adalah kelebihan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN LK7 :**

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TINGKAT 3, JALAN MENTERI BESAR BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN :

- Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- Bagi iklan jawatan bilangan PT1, PT2, PT3 dan PT4 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1 atau SPA2.
- Bagi iklan jawatan bilangan LK5, LK6 dan LK7 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah dititir oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan :-
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon ;
b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (Borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan) ;
c. Rekod Perkhidmatan.
- Tahap penilaian prestasi pegawai-pegawai Kerajaan sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Pemohonan yang diterima lewat daripada 24 JANUARI 2007 tidak dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab jawatan boleh diperolehi daripada Kementerian/Jabatan di mana terdapat kekosongan jawatan tersebut atau di tempat menghantar borang permohonan.
- Pemohon juga boleh mendapatkan maklumat seperti syarat kelayakan serta tugas dan tanggungjawab jawatan di papan kenyataan Tingkat 1, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana maklumat-maklumat ini dipaparkan lebih awal dari keluaran Pelita Brunei atau dengan melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) seperti di bawah:

Website: <http://www.spa.gov.bn/>

- Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
* Pejabat Daerah Belait;
* Pejabat Daerah Temburong;
* Pejabat Daerah Tutong;
* Pusat Sumber Keraja Kementerian Pendidikan, Tingkat I di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bandar Seri Begawan;
* Jabatan Buruh, Bkg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

**ULANGAN IKLAN JAWATAN KOSONG
(KELUARAN KEDUA)
UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAGI HARI
KELUARAN 27 DISEMBER 2006
TARIKH TUTUP 17 JANUARI 2007**

**GH10. SETIAUSAHA KEDUA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN
\$103.00 SEHARI / B.2. EB.3 (BAHAGIAN II)**

**GH11. PEGAWAI PENYELIDIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN
PERDAGANGAN
\$103.00 SEHARI / B.2. EB.3 (BAHAGIAN II)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan Professional yang sebanding dalam bidang bersesuaian.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa asing merupakan kelebihan.
- Pemohon hendaklah berumur diantara 18 tahun hingga 30 tahun.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN GH10 DAN GH11 :**

**PENGARAH PENTADBIRAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN
JALAN SUBOK B.S.B BD2710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NOTA:

- Bagi iklan jawatan bilangan GH10 dan GH11 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
- Tarikh tutup iklan bagi jawatan-jawatan ini diubah kepada - 10 Januari 2007

**PEMBETULAN IKLAN JAWATAN
KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
KELUARAN 27 DISEMBER 2006
TARIKH TUTUP 17 JANUARI 2007**

**PT2. JURUUKUR BAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengukur bahan, menaksir bil bahan-bahan yang berkaitan dengan pelbagai jenis 'structure' bangunan, jambatan-jambatan dan lain-lain serta berpengalaman dalam menilai bangunan awam dan swasta tidak kurang dari 6 tahun.
- DIBETULKAN KEPADA:-**
- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengukur bahan, menaksir bil bahan-bahan yang berkaitan dengan pelbagai jenis 'structure' bangunan, jambatan-jambatan dan lain-lain serta berpengalaman dalam menilai bangunan awam dan swasta.

**LK7. PENOLONG PENYELIDIK ARKEOLOGI
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- DIBETULKAN KEPADA:-**
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

NOTA:

Tarikh tutup iklan bagi jawatan-jawatan ini masih dikekalkan - 17 Januari 2007



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS TAWARAN

TAJUK TAWARAN :

TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT
RUANG KEDAI (UNIT NO: 2) KOMPLEKS
PERDAGANGAN

ANGGEREK DESA, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Bilangan Projek : JKP/41/2006

TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT
RUANG KEDAI (UNIT NO: 12) KOMPLEK PERDAGANGAN
ANGGEREK DESA, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Bilangan Projek : JKP/42/2006

Tawaran Terbuka Kepada : Syarikat-syarikat tempatan (terdiri dari rakyat KDYM yang memiliki Kad Pintar warna kuning) yang bermastautin/ tinggal di Daerah Brunei dan Muara yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 dari Jabatan Peguam Negara.

Syarat-syarat Penyertaan : Tawaran ini hanya diadkan/dibenarkan bagi salah seorang ahli keluarga sahaja. Ahli keluarga lain yang terdapat seperti suami atau isteri atau anak-anak yang masih bujang tidak dibenarkan ikut serta.

INSTITUT TAHFIZ AL-QUR'AN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

DAERAH BRUNEI-MUARA [1 BUAH]

TAWARAN PENYAJIAN MAKANAN DAN MINUMAN INSTITUT TAHFIZ AL-QUR'AN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH BAGI PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN

Keterangan	Bayaran Dokumen
Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah (Pelajar Lelaki dan Perempuan)	\$200.00 [Bayaran Dokumen tidak dikembalikan]
Bagi Tempoh Tiga Tahun Bagi Kod Blok : ITQSHB/HEP/PM	

SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :

- PEMOHON hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, setelah membuat pembayaran.
- Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 semasa mengambil borang dan membayar \$200.00 untuk bayaran dokumen (tidak dikembalikan).
- Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan Resit Pembayaran Dokumen.
- Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan Resit Pembayaran Dokumen hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau BILANGAN TAWARAN sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :-
**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan,
Tingkat 1,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Menteri Besar,
Negara Brunei Darussalam.**
Tidak lewat pada : Hari Selasa, 16 Januari 2007 jam 2.00 petang
- Setiap satu tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.
- Pemohon-pemohon yang menandatangani Borang Tawaran menggunakan cap jari akan ditolak.
- Hanya Pembekal / Pemborong yang berjaya diberikan tawaran penyajian makanan dan minuman Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah sahaja dibenarkan mengendalikan perkhidmatannya (tidak dibenarkan / melibatkan sub-kontraktor).
- Berikut adalah masa-masa bagi menerima wang cagaran dan mengambil Borang-Borang Tawaran :-

HARI

MASA

ISNIN hingga KHAMIS : 8.00 pagi 11.30 pagi
1.30 petang 2.30 petang
SABTU : 8.00 pagi 10.00 pagi

- Pembekal/Pemborong yang berjaya hendaklah mempunyai kewangan yang mencukupi bagi menjalankan perniagaan ini.

Lokasi : Kompleks Perdagangan Anggerak Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan : 1 Unit Ruang Kedai.

Sewa Tetap Bulanan : B\$ 120.00 (Satu Ratus Dua Puluh Ringgit Brunei) bagi setiap satu tawaran (ruang).

Keluasan Bagi Setiap Unit : 200 kaki persegi (18.58 Meter Persegi) bagi setiap satu ruang

Tempoh Penyewaan : 5 Tahun

Jenis Perniagaan Yang Dibenarkan : Perniagaan biasa seperti Kedai Gunting, Kedai jahit, Kedai Alat-alat Sukan, Dhobi dan lain-lain (iaitu selain daripada kedai makan) yang bukan berbentuk perusahaan.

Dokumen Tawaran : boleh diperolehi dari :

BAHAGIAN PENTADBIRAN KONTRAK, TINGKAT 1, BANGUNAN JPE/JKP

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK/ JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Buka Tawaran : 27 Disember 2006 (Rabu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran : 15 Januari 2007

(Isnin) Tidak lewat jam 2.30 petang

Tarikh Tutup Tawaran : 16 Januari 2007 (Selasa). Tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat Tutup Tawaran : PENERUSI, LEMBAGA TAWARAN KECIL, TINGKAH BAWAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, BANDAR SERI BEGAWAN BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Dokumen : B\$ 25.00 (Dua puluh Lima Ringgit Brunei) tunai tidak bagi setiap satu tawaran di atas. Tidak dikembalikan kepada penawar.

Waktu Pembayaran : ISNIN - KHAMIS : 8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI 1.30 PETANG HINGGA 2.30 PETANG

SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.30 PAGI

Tatacara Tawaran : Penawar hendaklah menyatakan harga tawaran secara lump sum di dalam borang tawaran yang disertakan. Harga tawaran ini tidak termasuk harga sewa bulanan yang telah ditetapkan kerajaan. Harga tawaran ini bukan wang cagaran tawaran (tender deposit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar. Harga tawaran ini adalah satu kriteria pemilihan Jabatan. Kerajaan tidak akan terikat untuk memiliki atau menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.

SYARAT-SYARAT TAWARAN JKP 41 DAN JKP 42:

- SYARAT-SYARAT tawaran ini adalah berkaitan dan hendaklah dibaca bersama dengan notis tawaran.
- Terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang bermastautin/tinggal di Kawasan Daerah Brunei Muara yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 yang sah dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara, untuk memberikan tawaran bagi Penyewaan Satu Unit Ruang Kedai (Unit No.2) bagi Bilangan Tawaran : JKP/4/12006 dan (Unit No: 12) bagi Bilangan Tawaran : JKP/42/2006, Kompleks Perdagangan Anggerak Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN : JPH/S/TAW/210

MENINGKATKAN KAWASAN TAMAN BERDEKATAN DENGAN PANTAI DI TAMAN REKREASI HUTAN BERAKAS.

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 9 Januari 2007. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penegeran lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja.

Waktu Menerima Pembayaran :

Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
1.30 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi

- Setiap kontraktor yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran sebanyak B\$ 50.00 wang tunai (tidak dikembalikan) bagi tiap-tiap satu tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

- Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mestilah membawa bersama kad Pengenal asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan Jabatan ini.
- Yuran dokumen yang dikenakan adalah sebanyak B\$ 25.00 bagi setiap satu tawaran dan tidak dikembalikan. Sebelum menyelesaikan pembayaran, Syarikat yang berminat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan slip pengesahan dari Bahagian Pentadbiran Kontrak untuk ditunjukkan kepada pegawai yang bertugas di Bahagian Kewangan semasa membuat pembayaran.
- Syarikat yang ikut serta hendaklah memberikan surat pengakuan (declaration) yang ditandatangani oleh semua pemegang saham pemilik syarikat sebagai pengakuan bahawa tidak ada ahli keluarga yang mempunyai kepentingan dalam syarikat lain dan ikut sama serta tawaran yang ada.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
- Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
- Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair dengan pemadam seperti blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada pada harga tawaran, penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatit harga betul diatasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh Jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam:-

PETI TAWARAN,

LEMBAGA TAWARAN KECIL,

TINGKAT BAWAH,

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, BANDAR SERI BEGAWAN BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premia bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit ruang kedai dan tidak termasuk perkara-perkara berikut:-
i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$120.00 sebulan
ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak \$ 800.00 bagi setiap satu tawaran (ruang) di bayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
- Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran penyewaan sebanyak \$ 800.00 sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan.
- Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan denda selaras dengan garis panduan pihak Lembaga Tawaran Negara bil. LTN/4 (39/1997) bertarikh 15 November 1997.
- Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewaan dalam tempoh yang telah ditetapkan Jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda selaras dengan garis panduan pihak Lembaga Tawaran Negara bil. LTN/4(39/1997) bertarikh 15 November 1997.
- Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi membaiki unit kedai yang ditawarkan tersebut dan digalakkan supaya melawat tempat kedai tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
- Penawar yang berjaya dikehendaki menguruskan dan membiayai sendiri segala perbelanjaan bagi pembekalan dan pemasangan meter pra-bayar (prepaid meter) melalui pemborong/pembekal yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN " MEMBELI KERUSI VVIP DAN VIP "

Syarat-syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 9 Januari 2007 bagi " MEMBELI KERUSI VVIP DAN VIP "
- Butir-butir lanjut boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.
- Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkataan " MEMBELI KERUSI VVIP DAN VIP ". Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:-
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PROJEK: MEMBAIKI JENTERA BOMBA 4 BUAH BRONTO
SKYLIFT DAN 1 BUAH HILTON PLATFORM, JABATAN
BOMBA DAN PENYELAMAT NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

Kod Projek: BFRD/LTN/09/2006/2007

Tender Fee: \$200.00

Tarikh Tutup Tawaran: 9 Januari 2007

Tarikh Information Day: 27 Disember 2006, jam 9.00 pagi

**PROJEK: MEMBEKAL 1 UNIT JENTERA WATER TANKER
BAGI BALAI BOMBA TUTONG, JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Kod Projek: BFRD/LTN/11/2006/2007

Tender Fee: \$200.00

Tarikh Tutup Tawaran: 9 Januari 2007

Tarikh Information Day: 27 Disember 2006, jam 9.00 pagi

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang di alamatkan kepada:

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1 BANGUNAN SEKRETARIAT
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran mestilah dihantar dalam 2 salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.
3. Tarikh tutup tawaran mengikut projek tersebut di atas iaitu hari SELASA tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Taklimat dan Penerangan (Information Day) bagi projek ini akan diadakan pada tarikh mengikut projek tersebut di atas bertempat di Bilik Mesyuarat Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas.
5. Dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
6. Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
7. Tawaran mestilah dimasukkan kedalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan tajuk tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti diil-lankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
9. Katalog/ gambar asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tender, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapkan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Jabatan Bomba dan Penyelamat.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PDP/123/2006

**'PENINGKATAN BEKALAN KUASA API ELEKTRIK
PERKHEMAMAN SIMPANAN ABDB, GADONG VIL-
LAGE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'**

Tarikh tutup : 9 Januari 2007, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi Kelas III ke atas bagi kategori 7c sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Penghantaran dan Pembahagian, Tingkat Empat (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

UBD/E8/25/2006

**'SUPPLY OF TELEPHONE EQUIPMENTS FOR
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM'**

Bayaran Tawaran: B\$25.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal/ pemborong yang berkebolehan dan mestilah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kategori yang berkaitan dengan pembekalan alat-alat telefon serta mempunyai sijil pengiktirafan dari jabatan-jabatan yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengetahuan tentang SISTEM PERHUBUNGAN 'DIGITAL PABX' bagi kerja-kerja 'SUPPLY OF TELEPHONE EQUIPMENTS FOR UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
3. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran berjumlah B\$25.00 (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima cagaran tawaran adalah pada hari Isnin hingga hari Khamis jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Manakala hari Sabtu pada jam 8.00 pagi hingga jam 10.00 pagi sahaja.
4. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh penyia-pannya.
5. Segala kehendak dalam borang hendaklah ditulis dengan terang dan betul jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diil-lankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pembekal dan ditunjukkan kepada:-

**PENGERUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (A),
BLOK A, TINGKAT 1,
BANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Tawaran hendaklah sampai tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 16 Januari 2007 ke alamat seperti diatas.
11. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
13. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**JBS/JP/TDR/07/06; JBS/JP/TDR/08/2006; JBS/JP/TDR/09/06;
JBS/JP/TDR/10/06**

TAWARAN-TAWARAN diterima oleh :

**Peti Tawaran,
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1211,
Negara Brunei Darussalam.**

Tajuk :

1. "MENGECAT BANGUNAN PUSAT BELIA, BSB"
2. "MENAIKKAN TARAF ASRAMA LELAKI DAN PEREMPUAN"
3. "PENGANTIAN KESELURUHAN JUBIN-JUBIN DI SEMUA KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI PUSAT BELIA, BANDAR SERI BEGAWAN."
4. "PENGUBAHSUAIAN BILIK PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH".

Tarikh tutup : 9 Januari 2007 (Hari Selasa).

Jam : Tidak lewat jam 2.00 petang

Cagaran : \$ 25.00 (untuk dokumen -tidak dikembalikan).

Dokumen-dokumen dan penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 5 (Bahagian Pemeliharaan dan Operesen, Jabatan Belia dan Sukan manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja.



**JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI BULAN JANUARI 2007**

TARIKH	HARI	PUSAT PERHENTIAN	JAM
3 JANUARI 2007	Rabu	SEKOLAH RENDAH KAPOK	9.30 pagi
4 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI	9.30 pagi
6 JANUARI 2007	Sabtu	SEKOLAH RENDAH SUAS MUARA	9.30 pagi
6 JANUARI 2007	Sabtu	SEKOLAH RENDAH PERSEDIAAN ARAB PEREMPUAN	2.00 petang
8 JANUARI 2007	Isnin	SEKOLAH RENDAH BEBULOH	9.30 pagi
9 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH TADIKA JAYA DATIN HJH MALAI ROGAYAH	9.30 pagi
9 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL MUBIN	9.30 pagi
10 JANUARI 2007	Rabu	SEKOLAH RENDAH JERUDONG	9.30 pagi
11 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH MASIN	9.30 pagi
11 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH PULAIE	9.30 pagi
13 JANUARI 2007	Sabtu	SEKOLAH RENDAH MENTIRI	9.30 pagi
13 JANUARI 2007	Sabtu	SEKOLAH RENDAH IQRA	9.30 pagi
13 JANUARI 2007	Sabtu	INSTITUT TAHFIZ AL-QUR'AN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH	2.00 petang
15 JANUARI 2007	Isnin	SEKOLAH RENDAH PUTAT	9.30 pagi
16 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH RENDAH SERASA	9.30 pagi
16 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH BAKTI DEWA	9.30 pagi
17 JANUARI 2007	Rabu	SEKOLAH RENDAH MULAUT	9.30 pagi
18 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH PENGKALAN BATU	9.30 pagi
18 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH DATO BASIR	9.30 pagi
22 JANUARI 2007	Isnin	SEKOLAH RENDAH OKSB KILANAS	9.30 pagi
23 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH RENDAH KASAT	9.30 pagi
24 JANUARI 2007	Rabu	SEKOLAH RENDAH LUMAPAS	9.30 pagi
25 JANUARI 2007	Khamis	SEKOLAH RENDAH AHMY KATIMAHAR	9.30 pagi
27 JANUARI 2007	Sabtu	SEKOLAH RENDAH PPSDSB, MATA-MATA	9.30 pagi
29 JANUARI 2007	Isnin	SEKOLAH RENDAH BENGKURONG, JUNJONGAN	8.30 pagi
30 JANUARI 2007	Selasa	SEKOLAH RENDAH PANGILMA BARUDIN, LIMA MANIS	9.30 pagi
31 JANUARI 2007	Rabu	SEKOLAH RENDAH KAPOK	9.30 pagi

38 peserta terima sijil penulisan laporan

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

RIMBA, Khamis, 16 November. - Seramai 38 peserta menerima sijil penyertaan 'Bengkel Program Latihan Profesional: Penulisan Laporan' yang diadakan selama empat hari di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat.

Melalui bengkel anjuran Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan itu, para peserta telah mempelajari pelbagai teknik dan proses penulisan laporan yang berbentuk evaluatif, di samping terlibat dalam kerja amali khusus untuk melatih diri tentang cara laporan yang jelas, komprehensif, tepat dan jitu.

Selain itu peserta kursus juga diajar bagaimana merumus laporan, menghasilkan laporan yang kredibel dengan menyertakan 'academic content and professional element,' di samping diagnosis, prognosis dan cadangan.

Teknik-teknik memperoleh data dan pembuktian melalui pemeriksaan, pemantauan dan penyelidikan juga disentuh yang kesemuanya akan menjadikan laporan berkenaan komprehensif dan kredibel.

Semasa bengkel tersebut para peserta juga didedahkan kepada amalan-amalan penilaian, penerapan dan pemeriksaan yang dipraktikkan oleh jemaah nazir di beberapa buah negara.

Maklumat dan perkongsian itu berupaya mengembangkan pengetahuan para peserta terhadap peranan nazir di negara-negara lain, di samping didedahkan 'the rigour of inspection' yang memerlukan semua nazir cekap dan berkesan.

Juga menyertai bengkel, Penolong Pengarah Kenaziran Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Lim Jock Cheng.

Penyertaan dari jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pendidikan dalam bengkel ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman tentang tugas para nazir dan keperluan penaziran dilakukan.

Aspek penting yang turut ditekankan dalam bengkel ini termasuklah pemeriksaan, pencerapan dan penilaian untuk 'standard' pendidikan berkualiti tinggi, memastikan pelajar menerima khidmat kependidikan yang berkualiti tinggi.

Laporan yang efektif dan berkualiti setentunya akan dapat memberikan kefahaman kepada pihak-pihak berwajib tentang status QUO sebenar, selain membantu pihak berkenaan memilih langkah-langkah atau strategi yang baik dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan, di samping berpeluang berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama pakar yang diundang dari Malaysia, Aloysius Lee.



لمبات مات واع دان مونيتاري بروني

BRUNEI CURRENCY AND MONETARY BOARD
WANG-WANG KERTAS BRUNEI JENIS POLIMER B\$500 DAN B\$10000
BRUNEI B\$500 AND B\$10000 BANK NOTES



Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dipaparkan di muka hadapan matawang B\$500.

By command of His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the portrait of Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien is displayed on the obverse of the B\$500 note.

1 Motif berasaskan rekabentuk muka belakang duit syiling 5 sen Brunei yang dibentuk kepada sekuntum bunga untuk menjadi jendela lutsinar. Corak jendela bertukar ganti diantara merah jambu dan emas apabila dilihat pada sudut yang berlainan.

The motif, based on the design of the reverse of Brunei 5 cents coin has been shaped into a flower to form a clear window. The window pattern alternates between pink and gold when viewed at different angles.

2 Inisial "HB500" dapat dilihat apabila ditayangkan kepada cahaya melalui jendela lutsinar kecil.

The initial "HB500" can be seen when viewing through the small transparent window to a point light source.

3 Panji-panji Negara Brunei Darussalam dicetak dengan warna merah cerah di atas tompok berbentuk 16 kelopak bunga berwarna emas.

The crest of Brunei Darussalam is printed in vibrant red ink on a gold flower shaped patch of 16 petals.

4 Angka-angka siri dicetak secara menegak dan melintang dengan saiz fon yang berbeza.

The serial numbers are printed both vertically and horizontally in fonts of varying sizes.

5 Apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya, dua corak daun terbentuk melalui gabungan percetakan pada kedua-dua muka wang kertas.

When the note is held up to the light, two solid leaves are formed through the combination of printing on both sides of the note.

6 Bayangan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan inisial "HB" akan timbul apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya.

The shadow image of His Majesty's portrait and initial "HB" will appear when the banknote is held up to the light.

7 Tompok emas dengan angka "500".

A gold patch with the numeral "500".



1 Motif berasaskan kepada bintang 10 penjuru membentuk jendela lutsinar. Corak disekeliling jendela bertukar ganti diantara warna hijau dan merah lembayung apabila dilihat pada sudut yang berlainan.

The motif, based on a 10 pointed star forms a clear window. The pattern around the window alternates between green and magenta when viewed at different angles.

2 Inisial "10K" dapat dilihat apabila ditayangkan kepada cahaya melalui jendela lutsinar kecil.

The initial "10K" can be seen when viewing through the small transparent window to a point light source.

3 Panji-panji Negara Brunei Darussalam dicetak dengan warna merah cerah di atas tompok emas berbentuk perisai.

The crest of Brunei Darussalam is printed in vibrant red ink on a shield shaped gold patch.

4 Angka-angka dicetak secara menegak dan melintang dengan saiz fon yang berbeza.

The serial numbers are printed both vertically and horizontally in fonts of varying sizes.

5 Apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya, bintang 8 penjuru terbentuk penuh dalam satu bulatan melalui gabungan percetakan di kedua-dua muka wang kertas.

When the note is held up to the light, the 8 pointed star becomes a filled in circle through the combination of printing on both sides of the note.

6 Bayangan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan inisial "HB" akan timbul apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya.

The shadow image of His Majesty's portrait and initial "HB" will appear when the banknote is held up to the light.

7 Tompok emas dengan angka "10000".

A gold patch with numeral "10000".

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
(Bahagian Ternakan & Perkhidmatan Veterinar)
Bahagian XIII

BIL	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Rawatan binatang kesayangan	1 hari
2.	Pembedahan haiwan kesayangan (tidak termasuk masa untuk tempahan) tertakluk kepada kekosongan dan jumlah menunggu ke arah kes-kes kecemasan	1 hari

S
i
B
u
d
i
m
a
n



DITEGAH MENGGUNAKAN TELEFON BIMBIT SEMASA MEMANDU